



# **Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam**

**Mohd Khairy Kamarudin  
Mohd Farhan Md Ariffin  
Nasiibah Ramli**

**ISU KONTEMPORARI  
DALAM PENYELIDIKAN  
ISLAM**

**2021**

# **ISU KONTEMPORARI DALAM PENYELIDIKAN ISLAM**

**MOHD KHAIRY KAMARUDIN  
MOHD FARHAN MD ARIFFIN  
NASIIBAH RAMLI**

**2021**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

## **Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam**

Cetakan Pertama Julai 2021

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**ISBN: 978-967-19733-3-2**

### **Penyunting:**

Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Farhan Md Ariffin, Nasiibah Ramli

### **Susunan:**

Arabic: Traditional Arabic, 16  
Malay/English: Tahoma, 12  
Saiz Buku: 178 muka surat, 10" x 7".

### **Diterbitkan oleh:**

Akademi Tamadun Islam  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Skudai  
Johor Darul Takzim



# PENGHARGAAN

**A**lhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah SWT di atas segala limpahan nikmat-Nya. Selawat serta salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat sekalian alam. Salam dan sejahtera buat *Ahl Bayt* dan *Aṣḥāb* baginda SAW yang senantiasa berada di bawah naungan rahmat Allah SWT.

Berkat ‘*inayah* Allah SWT, buku ini dapat dipersembahkan kepada khalayak. Penghasilan buku “**Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam**” sesuai dan tepat pada masanya ketika mana minat dan kecenderungan masyarakat Islam terhadap ilmu semakin meningkat.

Mengambil roh semangat sempena program **Ist International Webinar on Islamic Studies and Civilisation (IWISC)** yang berlangsung pada 29 Jun 2021 yang lalu, penghargaan ditujukan kepada Yang Dihormati YBrs Prof. Dr. Ts. Zaidatun binti Tasir, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan YBrs. Prof. Madya Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad, Pengerusi Akademi Tamadun Islam, tokoh pengucaptama, Prof. Madya Dr. Arieff Salleh Rosman dan Dr. Mohd Ilyas Iskandar Tan, wakil-wakil daripada Indonesia, Singapura dan Thailand, panel forum webinar halal, pembentang-pembentang kertas kerja dan sidang pembaca yang dirahmati Allah sekalian.

Mengimbuai kembali objektif IWISC 2021, tujuan webinar dijalankan bermatlamat untuk sama-sama berkongsi bidang kepakaran khususnya berkaitan sains halal dan pengajian Islam. Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِى الْاَرْضِ حَلٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوْا خُطُوٰتِ الشَّيْطٰنِ ۗ اِنَّهٗ لَكُمْ عَدُوٌّ

مُّبِيْنٌ

Maksudnya:

“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”

(Surah al-Baqarah, 2: 168)

Isu halal ini sering menjadi perbincangan kerana melibatkan hukum Islam dan sains. Maka adalah menjadi satu keperluan kepada satu usaha

untuk menyatukan kedua-dua disiplin ilmu ini supaya dapat memberi manfaat dan keyakinan kepada umat Islam khususnya di Malaysia dan dunia sejagat secara amnya. Universiti sebagai institusi pendidikan tinggi komited dalam usaha membangunkan industri halal khususnya dalam penyelidikan. Akademi Tamadun Islam contohnya mempunyai kepakaran dalam bidang sains halal, fiqh perubatan dan pengajian Islam.

**‘1st International Webinar on Islamic Studies And Civilisation’** dengan bertemakan **‘Global Halal Industry in the New World Economy’** anjuran Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya melibatkan para cendekiawan dan pihak industri daripada dalam dan luar negara serta mencapai resolusi berikut:

- Merencanakan penyelidikan Sains Halal dengan merujuk kepada kitab-kitab mu’tabar hasil nukilan ulama-ulama terkemuka Islam sama ada silam dan kontemporari dalam merungkai isu-isu semasa berkaitan Sains Halal Gunaan dan Pengurusan Halal.
- Menjelaskan kepentingan ijtihad kontemporari dalam penyelesaian isu-isu semasa yang timbul berkaitan industri Halal.
- Mensinergikan institusi akademik, industri dan masyarakat pengguna dalam penerokaan ilmu Sains Halal, meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta merencanakan industri Halal di peringkat lokal dan global.
- Menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam memperkasakan industri Halal dari sudut akademik, perundangan dan penguatkuasaan, persijilan dan pelaburan.
- Mewujudkan sistem pengurusan halal yang merangkumi aspek Syariah, undang-undang, muamalat, usuluddin dan ekonomi.
- Mempertingkatkan kualiti sistem pengurusan Halal berasaskan kepatuhan kepada Syariah bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti.
- Membuat penambahbaikan kepada sistem permohonan dan pemantauan sijil halal dalam mempertingkatkan kepercayaan pemain industri dan pengguna.

Sebagai hasil sumbangan ilmu yang berpanjangan, buku yang diberi judul **“Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam”** memuatkan sebanyak sebelas artikel terpilih yang telah dibentangkan dalam sesi pembentangan selari yang telah disertai oleh hampir 30 orang

ahli akademik dari dalam dan luar negara. Malah buku ini merupakan judul kedua sebagai hasil daripada webinar.

Sebagai penutup, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di Malaysia mengenai segenap lapangan kajian berasaskan Islam. Semoga usaha kerdil ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kepada umat Islam dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan.

*Akhirul kalam*, kami memohon taufik dan hidayah Allah SWT dan berlindung kepada-Nya daripada segala kekurangan dan kelemahan diri. Apa yang baik, datangnya daripada Allah. Manakala apa yang buruk, datangnya daripada kelemahan diri.

*Wallahu A`lam wa Ahkam.*

Sidang penyunting

11 Julai 2021 bersamaan 1 Zulhijjah 1442 H




## SENARAI KERTAS KERJA

<b>Penghargaan Senarai Kandungan</b>	iv vii
<b>Rezeki Patuh Syariah Dalam Memelihara Kesejahteraan Psikologi</b> Mujiburrahman Muhammad Saleh, Nur Shahidah Ab Hamid & Rahim Kamarul Zaman	1
<b>Perbandingan Konsep Harta Intelek Menurut Perspektif Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Sivil</b> Wan Mohd Khaidir Elmi B.A Wan Dagang & Nasiibah Ramli	19
<b>Penentuan Hukum Vaksin Covid-19 Menggunakan Organ-On-Chip: Kajian Awal</b> Muhammad Syafiq Bin Rahim	39
<b>Pendekatan Politik-Dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang</b> Badlihisam Mohd Nasir, Nur Najwa Hanani, Abd Rahman Hamzah, Abdul Basit Samat, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah & Mohd Farhan Md Ariffin	43
<b>Halal Label, Halal Atribut Dan Perlindungan Pengguna Makanan Halal Di Malaysia Berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Standard MS1500:2019</b> Mustafa 'Afifi bin Ab. Halim, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Suraiya Osman, Abdullaah Jalil	57
<b>Kerangka Pembangunan Kesejahteraan Suri Rumah Berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan</b> Ila Nursalida Ali Amran, Zilal Saari	79
<b>Kajian Rintis Terhadap Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Bidang Sirah</b>	101



Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Nurul Asyikin Ab Rahman, Ahmad Marzuki Mohamad & Aminudin Hehsan	
<b>Pendekatan Dan Solusi Sistem Pengurusan Di Institusi Pengajian Tinggi Berkualiti Yang Menurut Keperluan Syariah</b> Hasan Al-Banna Mohamed, Burhanuddin Jalal, Azmi Ahmad, Siti Arni Basir, Mohd Hamran Mohamad, Sayuti Ab. Ghani, Nur Surayya Mohd Saudi	113
<b>Kisah Nabi Yusuf A.S dalam Dua Manuskrip Melayu: Kajian Bandingan</b> Rosma binti Din	135
<b>Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemerkasaan Saudara Baru</b> Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Abdul Basit Samat@Darawi, Badlihisham Mohd Nasir & Muhamad Naqib Hamdan	149
<b>Klasifikasi dan Kemungkaran Istilah Ilmu dari Perspektif Abu Hamid Al-Ghazali</b> Zulkiflee Haron, Bal Ikhwan Khairul Anwar, Aminudin Hehsan, Juhazren Junaidi, Mohd Fauzi Abu Husin, Mohammad Naem Mat Basir	171
<b>Kajian Keberkesanan Pengurusan Pentadbiran Jemaah Haji Malaysia oleh Lembaga Tabung Haji</b> Nur 'Izzati Abdul Rahman & Hazriah Hasan	189





# **Rezeki Patuh Syariah Dalam Memelihara Kesejahteraan Psikologi**

Mujiburrahman Muhammad Saleh  
Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra,  
Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan  
Email: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com

Nur Shahidah Ab Hamid  
Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra,  
Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan  
Email : nurshahidahhamid@gmail.com

Rahim Kamarul Zaman  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya.  
Email : abdulrahimkz51@gmail.com

## **Abstrak**

Rezeki dalam Islam adalah meliputi segala sesuatu yang bermanfaat di dunia dan juga akhirat sama ada yang bersifat kebendaan dan bukan kebendaan. Sebahagian manusia menganggap bahawa rezeki hanya bersifat kebendaan sahaja seperti wang ringgit dan malah rezeki yang didapatkan tersebut dari sumber yang tidak patuh syariah sehingga memberi kesan yang negatif kepada kesejahteraan psikologi manusia. Kefahaman yang benar terhadap konsep rezeki dan patuh syariah akan memberikan pengaruh kepada kesejahteraan psikologi seseorang. Dengan kata lain, rezeki patuh syariah memiliki hubung kait dengan kesejahteraan psikologi. Sehubungan dengan itu, makalah ini dikemukakan bagi membincangkan peranan rezeki patuh syariah dalam memelihara kesejahteraan psikologi manusia. Kajian berbentuk kualitatif ini digarap secara deskriptif dengan menggunakan metode analisis kandungan dalam proses analisis.

Dengan melihat janji-janji Allah SWT di dalam al-Quran kepada golongan yang patuh kepada perintah-Nya, hasil kajian ini mendapati bahawa memahami konsep rezeki dalam Islam dan patuh syariah akan memberikan manfaat kepada manusia di antaranya adalah kesejahteraan psikologi yang juga akan memberi kesan kepada sisi kehidupan yang lain.

**Kata kunci:** *Rezeki, Patuh Syariah, Kesejahteraan Psikologi*

### **Abstract**

Sustenance in Islam covers everything that is beneficial in this world and also the hereafter whether it is material or non-material. Some people think that sustenance is only material such as money and even the sustenance obtained from sources that are not compliant with sharia so that it has a negative impact on human psychological well-being. A true understanding of the concept of sustenance and sharia compliance will have an influence on one's psychological well-being. In other words, sharia-compliant sustenance has a correlation with psychological well-being. In this regard, this paper is presented to discuss the role of sharia-compliant sustenance in maintaining human psychological well-being. This qualitative study is done descriptively by using content analysis methods in the analysis process. By looking at the promises of Allah SWT in the Qur'an to those who obey His command, the results of this study found that understanding the concept of sustenance in Islam and obedience to sharia will benefit human beings among them is psychological well-being that will also affect the other side of life.

**Keywords:** *Sustenance, Sharia Compliant, psychological well-being*

## Pendahuluan

Islam adalah agama yang sempurna dan saling menyempurnakan antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Dengan erti kata lain, Islam mengatur semua sisi kehidupan manusia mulai dari bidang Ibadat, Munakahat, Jinayat dan Uqubat, hingga bidang Muamalat. Kaitan antara kesemua bidang ini adalah sifatnya sempurna dan saling-menyempurnakan antara satu sama lain. Sebagai contoh tidak mencukupi seseorang mengamalkan bab ibadat sahaja dengan mengabaikan bidang muamalat, munakahat dan lain-lain.

Salah satu bahagian yang dirungkaikan dalam Islam adalah persoalan tentang rezeki. Konsep kebenaran dalam Islam adalah dinilai berdasarkan cara pandang Allah SWT dan Rasul-Nya nabi Muhammad SAW melalui panduan al-Quran dan al-Sunnah. kebenaran tidak boleh diukur dan dinilai hanya dengan akal manusia yang lemah sifatnya tetapi ia mesti dipandu oleh al-Quran dan al-Sunnah dan jika tidak maka akan berlaku kecelaruan dan kemusnahan pada umat manusia. Hal ini adalah sesuai dengan sabda Nabi SAW:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

[al-Muwatta' Imam Malik, Bab Larangan Bercakap tentang Qadar, no. Hadis: 678]

Terjemahan:

*"Telah aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang tidak akan menyesatkan selagimana kalian berpegang teguh dengannya iaitu al-Quran dan al-Sunnah.*

Berikut adalah contoh bagaimana cara pandang Allah SWT adalah berbeza dengan cara pandang manusia:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ

وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ  
وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

*"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya". (Al-Baqarah 2:275)*

Berdasarkan nas-nas al-Quran dan Hadis, konsep rezeki dalam Islam adalah meliputi segala sesuatu yang bermanfaat di dunia dan juga akhirat sama ada yang bersifat material dan bukan material.

Kefahaman yang salah tentang rezeki juga akan memberi kesan negatif kepada kesejahteraan psikologi individu. Kefahaman tentang rezeki turut diajarkan dalam Islam sehingga seorang muslim akan terhindar dari kefahaman yang keliru tentang konsep rezeki. Secara umumnya, sebahagian manusia menganggap bahawa rezeki hanya bersifat material sahaja seperti wang ringgit dan malah terdapat sebahagian dari manusia mendapatkan rezeki dari sumber yang tidak patuh syariah sehingga memberi kesan yang negatif kepada kesejahteraan psikologi manusia dan malahan sebahagian lagi memahami bahawa rezeki akan dibawa mati (Achmad Kurniawan Pasmadi 2009). Manusia dalam bermuamalah tidak terlepas dari faktor pemahamannya terhadap hakikat rezeki.

Kefahaman yang benar terhadap konsep rezeki dan konsep patuh syariah akan memberikan pengaruh kepada psikologi seseorang. Dengan kata lain, rezeki patuh syariah memiliki hubungan dengan kesejahteraan psikologi. Kefahaman yang benar tentang rezeki juga akan memberikan kesan yang baik kepada individu mahupun kepada masyarakat, kesan baik tersebut wujud dalam bentuk perilaku diantaranya perilaku jujur dalam bermuamalah, perilaku mencari berkah dari muamalah, dan perilaku bahawa mencari rezeki merupakan bahagian dari beribadah kepada Allah. Manakala kefahaman yang salah tentang rezeki akan memberi kesan buruk sama ada bagi peribadi mahupun kepada masyarakat.

Kesan buruk tersebut boleh berlaku dalam bentuk : pertama kefahaman yang sempit tentang rezeki dan bahagiannya, kedua seseorang yang tidak memahami rezeki sebagaimana tuntunan al-Quran akan terjerumus kepada pemikiran materialisme atau segala sesuatu diukur hanya yang nampak pada kasat mata (Achmad Kurniawan Pasmadi 2015).

## **Sorotan Karya**

Kajian tentang konsep rezeki patuh syariah dalam memelihara kesejahteraan psikologi secara khusus belum dibincangkan secara mendalam oleh para sarjana. Kajian sarjana terdahulu berkenaan konsep rezeki adalah tertumpu kepada kajian penafsiran berteraskan kajian ilmu wahyu dan sangat terhad (Abdul Qawi Abdul Halim 2020). Kebanyakan kajian tentang rezeki ditulis secara berasingan antara konsep rezeki dan kesejahteraan psikologi seperti kajian yang bertajuk *Rezeki Dalam Al-Qur'an* (Auria: 2020), *Konsep Rezeki Dalam Perspektif Alqur'an* (Rosnita: 2017), *Konsep Rezeki dalam al-Quran* (Pasmadi: 2015) dan *Konsep Rezeki Dalam Pandangan Para Pedagang Pasar* (Pasmadi: 2009).

Terdapat juga penulisan yang menfokuskan kaitan rezeki dengan beberapa perkara lain selain kesejahteraan psikologi seperti yang tulis oleh Halim dengan temanya *Hubungan Antara Konsep*

Rezeki dan Persepsi Terhadap Risiko Dalam Persaingan Perniagaan Menggunakan Analisis Spearman's Rho (Halim: 2020).

Manakala yang berkaitan dengan kesejahteraan psikologi, terdapat beberapa kajian yang menumpukan kaitan kesejahteraan psikologi dengan beberapa perkara selain dari rezeki patuh syariah, di antaranya karya penulisan yang dihasilkan oleh Aisyah dengan perbahasan tentang Rasa Syukur Kaitannya Dengan Kesejahteraan Psikologis Pada Guru Honorer Sekolah Dasar (Aisyah: 2020), Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalannya Khadijah RA dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Zaman: 2020), Orientasi Hidup Materialistis dan Kesejahteraan Psikologi (Husna: 2015), Nilai indeks kesejahteraan psikologi dan modal insan penduduk di wilayah ECER (Omar: 2010), Meneroka Kesejahteraan Psikologi dan Kualiti Pusat Jagaan Warga Emas di Selangor (Nazali: 2021), Kesejahteraan Psikologis Pada Remaja Santri Penghafal Al-Quran (Ramadhan: 2012), dan Kebersyukuran: Studi Komparasi Perspektif Psikologi Barat dan Islam (Safitri: 2019).

Berdasarkan beberapa sorotan karya tersebut, maka kajian ini dihadirkan untuk melihat dari sudut pandang yang memfokuskan kepada konsep rezeki patuh syariah dalam memelihara kesejahteraan psikologi.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini hanya menumpukan kepada pemahaman tentang kesan rezeki patuh syariah dalam memelihara kesejahteraan psikologi manusia. Hal ini kerana rezeki patuh syariah merupakan perintah agama yang pasti akan ada hikmah dan kesan di sebalik perintah tersebut. Tentunya taat kepada perintah akan memberikan kesan positif kepada manusia termasuk kepada kesejahteraan psikologi. Metode pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan, iaitu rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Data dan maklumat tentang konsep rezeki patuh syariah diperolehi menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-quran dan hadis nabi SAW melalui kitab-kitab



tafsir dan hadis. Manakala data berkaitan kesejahteraan sosial adalah berdasarkan sumber-sumber ilmiah yang berkaitan.

Ayat-ayat al-quran dan hadis tentang konsep rezeki patuh syariah dan kesannya kepada kesejahteraan psikologi sahaja yang menjadi fokus kajian ini. Untuk tujuan ini, analisis dijalankan berasaskan metode kualitatif melalui pendekatan deskriptif semula. Kajian turut mendapati, rezeki patuh syariah memberi kesan yang positif kepada kesejahteraan psikologi individu yang meliputi dengan aspek taraf kehidupan, kualiti kehidupan dan kebahagiaan serta kepuasan hidup.

### **Konsep Rezeki menurut al-Quran dan al-Sunnah**

Kefahaman yang salah tentang konsep rezeki akan menjerumuskan seseorang ke dalam pemikiran materialisme iaitu sebuah pemikiran yang memiliki sikap, keyakinan dan nilai-nilai kehidupan yang menekankan dan mementingkan kepemilikan barang-barang, kebendaan, dan kekayaan material di atas nilai-nilai hidup lain seperti spiritual, intelektual, sosial dan budaya (Husna: 2015). Dengan memahami konsep yang benar tentang rezeki menurut ajaran Islam, seseorang akan terselamat dari pemikiran tersebut. Hal ini kerana rezeki dalam Islam bukan hanya terbatas pada perkara yang bersifat material malah ianya merangkumi yang bukan material.

Terdapat beberapa ayat dalam al-Quran yang menjelaskan berkenaan rezeki. Sesungguhnya kalimah rezeki dalam al-Quran merujuk kepada segala yang Allah s.w.t berikan dalam bentuk nikmat ke atas sekalian hambanya dan makhluk ciptaannya sama ada yang berbentuk *maddiah* iaitu kebendaan (yang boleh dilihat) dan yang berbentuk *ma'nawiah* bukan kebendaan (tidak dapat dilihat dengan mata kasar), dan sama ada kenikmatan tersebut dinikmati di dunia dan juga di akhirat (Abdul Karim Ubaidat: 2007)

Kebanyakan ayat al-Quran yang menggunakan kalimah 'ar-rizq' merujuk kepada rezeki yang berbentuk *maddiah*. Antaranya dalam surah al-Baqarah ayat 3:

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝

Terjemahan:

*"Dan menafkahkan sebagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka".*

Ibnu Abbas menafsirkan perkataan 'razaqna' sebagai zakat yang membawa makna mengeluarkan zakat daripada kekayaan yang dimilikinya. Manakala al-Suddi menceritakan dari Ibnu Abbas dan Ibnu Mas'ud mengatakan bahawa ayat ini membawa erti pemberian nafkah seseorang kepada keluarganya. Ibnu Jarir mengatakan bahawa ayat tersebut bersifat umum mencakupi segala bentuk zakat dan infaq (Ibnu Kathir: 2009).

Seterusnya dalam surah al-Baqarah ayat 57:

كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ ۝

Terjemahan:

*"Makanlah (makanan) yang baik-baik daripada rezeki yang telah kami berikan kepadamu".*

Ibnu Jarir meriwayatkan daripada Dhahak bahawasanya yang dimaksudkan dengan ayat ini adalah memakan rezeki yang halal yang telah kami halalkan kepada kamu (As-Sayuti). Oleh demikian, perkataan rezeki yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah makanan dan minuman yang berbentuk material.

Terdapat juga perkataan rezeki yang dirujuk kepada perkara yang maknawi sebagaimana dalam surah al-Waqiah ayat 82:

وَتَجْعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنْتُمْ تُكذِّبُونَ

Terjemahan:

*"Dan kami jadikan rezeki yang kamu terima (daripada Allah) untuk mendustakan-Nya".*

Dalam ayat ini menyatakan syukur itu adalah rezeki sebagaimana di sebut dalam tafsir an-nasafi (An-Nasafi, Tafsir Al-Nasafi Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Takwil, Maktabah Syamilah).

Antara tempat yang digunakan dalam al-Sunnah yang menunjukkan rezeki itu adalah bukan kebendaan seperti sabda Rasulullah s.a.w:

وَإِنَّ اللَّهَ رَزَقَنِي الْإِسْلَامَ،

Terjemahan:

*"Sesungguhnya Allah merezekikan padaku Islam"*

[Ahmad, Musnad Ahmad: Hadis Salman Al-Farisi. Juzu' 5. no. Hadis: 24135]

مَنْ رُزِقَهُنَّ عِنْدَ مَوْتِهِ-أَبِي لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ- لَمْ تَمَسَّهُ النَّارُ

Terjemahan:

*"Sesiapa yang direzekikan ketika kematiannya (iaitu menyebut Tiada Tuhan selain Allah, maka dia tidak akan disentuh oleh api neraka".*

[Ibnu Majah, Musnad Ibnu Majah: Bab Kelebihan Menyebut لا إله إلا الله]

Kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa "Islam" merupakan jenis rezeki yang paling besar dalam kehidupan seorang hamba, kerana Islam akan menghidupkan jiwa manusia.

Dalam hadis yang lain menyebut :

مَنْ يَتَصَبَّرَ يُصَيِّرْهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَعْنِ . يُغْنِيَهُ اللَّهُ، وَمَنْ يَسْتَغْفِرْ يُعِفَّهُ اللَّهُ، وَمَا أَجْدُ لَكُمْ رِزْقًا أَوْسَعَ مِنَ الصَّبْرِ

Terjemahan:

*"Sesiapa yang bersabar akan diberi kesabaran oleh Allah, sesiapa yang memohon kecukupan, akan dicukupkan oleh Allah, sesiapa yang memohon supaya dipelihara kehormatannya, akan dipelihara oleh Allah, tidaklah ada rezeki yang lebih luas daripada sabar."*

[Ahmad, Musnad Ahmad. Musnad Abi Saïd al-khudri r.a.,  
no. Hadis: 11091]

Dalam hadis ini menunjukkan bahwa sabar itu adalah satu bentuk rezeki yang bersifat bukan kebendaan. Sememangnya tidak dapat disangkal bahwa sabar itu adalah rezeki yang paling unggul dianugerahkan Allah kepada sebahagian hambanya.

Hadis seterusnya yang menggambarkan rezeki yang berbentuk bukan kebendaan adalah hadis yang berbunyi:

إِنَّمَا الدُّنْيَا لِأَرْبَعَةٍ نَفَرٍ، عَبْدٍ رَزَقَهُ اللَّهُ مَالًا وَعِلْمًا فَهُوَ يَتَّقِي فِيهِ رَبَّهُ، وَيَصِلُ فِيهِ رَحْمَةً، وَيَعْلَمُ لِلَّهِ فِيهِ حَقًّا، فَهَذَا بِأَفْضَلِ الْمَنَازِلِ

*"Sesungguhnya dunia disediakan untuk empat golongan iaitu, seorang hamba yang direzekikan oleh Allah harta dan ilmu serta ia bertaqwa kepada tuhannya, dan menyambung silaturrahim, dan mengenali Allah dengan sebenar-benarnya, maka inilah sebaik-baik kedudukan".*

[Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Bab Tentang Dunia kepada Empat Golongan. no. Hadis: 2427]

Dalam hadis ini Rasulullah s.a.w memaksudkan "ilmu" adalah sebahagian dari rezeki dengan menyertakannya bersama kalimat "harta". Ilmu adalah rezeki yang berbentuk bukan kebendaan manakala harta adalah berupa kebendaan.

## **Konsep Kesejahteraan Psikologi Menurut al-Quran dan al-Sunnah**

Islam turut menerangkan tentang konsep kesejahteraan psikologi (*al-rahatu al-nafsiah*) melalui firman Allah SWT dalam al-Quran dan Sunnah nabi SAW. Konsep kesejahteraan dalam Islam adalah hasil dan manifestasi dari ketaatan dan kepatuhan seorang hamba kepada penciptanya.

Dengan erti kata lain, jika seseorang tunduk dan patuh kepada perintah Allah dan rasulNya sama ada perintah yang disuruh

mereka lakukan dan perintah yang dilarang mereka tinggalkan, maka ketenangan dan kesejahteraan hidup akan mereka rasai termasuk kesejahteraan dari sudut psikologi.

Hal ini dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ  
Terjemahan:

*"(aitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu tenang tenteramlah hati manusia".*

Dan hadis nabi SAW:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ، وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ، وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَعَشَّيْنَهُمُ الرَّحْمَةَ، وَحَقَّقْتَهُمُ الْمَلَائِكَةَ، وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ، وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ

Terjemahan:

*"Sesiapa yang menyelesaikan kesulitan seorang mu'min dari pelbagai kesulitan-kesulitan dunia, niscaya Allah akan memudahkan kesulitan-kesulitannya di hari kiamat. Dan sesiapa yang memudahkan orang yang sedang kesulitan niscaya akan Allah mudahkan baginya di dunia dan akhirat dan siapa yang menutupi (aib) seorang muslim Allah akan tutupi aibnya di dunia dan akhirat. Allah selalu menolong hamba-Nya selama hamba-Nya menolong saudaranya. Siapa yang menempuh jalan untuk mendapatkan ilmu, akan Allah mudahkan baginya jalan ke syurga. Suatu kaum yang*

*berkumpul di salah satu rumah Allah membaca kitab Allah dan mempelajarinya di antara mereka, niscaya akan diturunkan kepada mereka ketenangan dan dilimpahkan kepada mereka rahmat, dan mereka dikelilingi malaikat serta Allah sebut-sebut mereka kepada makhluk disisi-Nya. Dan siapa yang lambat amalnya, hal itu tidak akan dipercepat oleh nasabnya".*

[Sahih Muslim, Bab Kelebihan Berada Dalam Majelis Membaca al-Quran dan Majelis Zikir, no. Hadis: 2699]

Berdasarkan ayat al-Quran dan hadis di atas, jelas bahawasanya ketenangan akan didapati hasil dari perbuatan ketaatan seperti berkumpul di rumah Allah dengan saling membaca, mempelajari dan mengajarkan al-Quran.

### **Definisi Rezeki Patuh Syariah dan Kesejahteraan Psikologi**

Syariah adalah merujuk kepada syariat Islam yang memberi maksud hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambaNya sama ada yang hukum-hakam diambil dari al-quran atau sunnah Nabi SAW (Zaidan: 2005). Hukum-hakam ini datang sama ada dalam bentuk halal, haram, wajib, sunat, makruh, mubah dan sebagainya yang memberi implikasi kepada dosa dan pahala ke atas seseorang muslim mukallaf. Oleh kerana itu, rezeki yang patuh syariah adalah segala sesuatu yang bermanfaat di dunia dan akhirat sama ada berbentuk kebendaan atau bukan kebendaan yang diperolehi sesuai dengan tuntutan al-quran dan al-sunnah seperti dengan cara tidak mencuri, tidak menipu, bukan dari sumber rasuah, riba, *gharar*, judi dan lain-lain.

Dengan kata lain, definisi ini juga merangkumi ke atas istilah "rezeki halal" yang memberi maksud apa sahaja yang tidak disebutkan pengharamannya dalam al-Quran dan al-sunnah, dan tidak ada sedikitpun syubhat terkecil bahawa hal tersebut haram (Pasmadi: 2015). Islam mengajarkan dan memberi taklifan kepada

umatnya untuk mencari rezeki yang halal dan patuh syariah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَلًا طَيِّبًا

Terjemahan:

*"Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kami, iaitu yang halal lagi baik".*

Manakala kesejahteraan psikologi biasanya dikaitkan dengan aspek yang berhubungan dengan taraf kehidupan, kualiti kehidupan dan kebahagiaan serta kepuasan hidup (Omar: 2010). Kesejahteraan manusia dari perspektif psikologi meliputi aspek kognitif dan afektif iaitu perasaan positif dan negatif tentang kehidupan (Rohani dan Fatimah: 2006). Bagi menentukan kesejahteraan individu, sekurang-kurangnya tiga komponen utama diperlukan iaitu adanya emosi positif, ketiadaan emosi negatif dan terdapat kepuasan dalam kehidupan (Argyle 1996).

### **Kaitan antara Rezeki Patuh Syariah dan Kesejahteraan Psikologi**

Berdasarkan laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) 2019, skor kesejahteraan keluarga di Malaysia bagi tahun 2019 adalah 7.72 (sederhana) daripada skala maksimum 10. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendefinisikan kesejahteraan keluarga sebagai keadaan di mana keluarga yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan.

Definisi ini juga menekankan aspek kepuasan dan keselesaan daripada segi kerohanian, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian (LPPKN: 2017). Indeks ini diukur berdasarkan lapan (8) domain utama meliputi domain hubungan kekeluargaan, domain ekonomi keluarga, domain kesihatan keluarga, domain keselamatan keluarga, domain keluarga dan keterlibatan komuniti, domain

keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian, domain perumahan dan persekitaran, domain keluarga dan teknologi komunikasi.

Dari lapan domain ini, domain keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian menempati posisi kedua tertinggi dengan mendapatkan skor 8.25 (tinggi). Domain ini meliputi ini meliputi dua (2) indikator utama iaitu: indikator peranan agama terhadap individu yang diukur melalui peranannya sebagai asas kesejahteraan keluarga dan keghahaman terhadap kehidupan. Indikator yang kedua adalah pemantapan rohani dalam kehidupan yang diukur melalui pelbagai amalan kerohanian mengikut kepercayaan dan pegangan agama.

Berdasarkan data dan fakta di atas, peranan agama sangat memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan hidup seseorang. Mencari rezeki yang patuh syariah merupakan salah satu dari tuntutan dan kewajiban dalam agama Islam. Rezeki yang diperolehi dan dibelanjakan dengan cara patuh syariah akan memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi seseorang yang meliputi aspek kognitif (pemikiran) dan afektif (sikap) yang positif. Hal ini seiring dengan janji Allah SWT dalam surah al-Nahlu ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Terjemahan:

*"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan".*



## Kesimpulan

Kajian ini menumpukan kepada penelitian konsep dan kesan rezeki patuh syariah dalam memelihara kesejahteraan psikologi manusia melalui pendekatan deskriptif ayat al-Quran, al-sunnah dan tulisan-tulisan akademik. Taat dan patuhnya manusia kepada perintah agama akan memberi kesan positif kepada kehidupan. Salah satunya adalah rezeki yang patuh syariah akan memberi implikasi yang baik dalam memelihara kesejahteraan psikologi sama ada dalam bentuk pemikiran dan juga sikap.

Dengan erti kata lain, rezeki yang patuh syariah akan melahirkan individu, keluarga dan masyarakat yang baik dan bertamadun. Justeru itu, kajian ini merupakan yang penting dalam menjalinhubungkan antara konsep muamalat Islam (syariah) dengan ilmu psikologi (*ilmu nafs*) yang perlu diperkukuhkan lagi di masa mendatang dengan kajian yang berbentuk kuantitatif.

## Rujukan

- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar bin kathir (2009), *Tafsir al- Quran al- 'Azim*, Juzu' 1, Muassasah al-Riyat, Lubnan.
- As-Sayuti, *Al-Durr al-Mansur fi Tafsir bil Ma'thur*, m.s 406, Maktabah Syamilah.
- An-Nasafi, *Tafsir Al-Nasafi Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Takwil*, Maktabah Syamilah.
- Sahih Muslim, *Bab Kelebihan Berada Dalam Majlis Membaca al- Quran dan Majlis Zikir*, no. Hadis: 2699, Maktabah Syamilah.
- Ahmad, Musnad Ahmad. *Hadis Salman Al-Farisi*, Juzu' 5, no. Hadis: 24135, Maktabah Syamilah.
- Ahmad, Musnad Ahmad. Musnad Abi Said al-Khudri r.a., no. Hadis: 11091, Maktabah Syamilah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Bab Tentang Dunia kepada Empat Golongan. no. Hadis: 2427, Maktabah Syamilah.
- Ibnu Majah, Musnad Ibnu Majah. *Bab Kelebihan Menyebut ﷺ*. Maktabah Syamilah.

- Abdul Karim Ubaidat: (2007) *Majallah Urduniah fi al-Dirasat al-Islamiah*, Jilid: 4, Universiti Al-Bayt, Jordan.
- Argyle, M. (1996). *The social psychology of leisure*.
- Aisyah, A., & Chisol, R. (2020). *Rasa Syukur Kaitannya Dengan Kesejahteraan Psikologis Pada Guru Honorer Sekolah Dasar*. *Proyeksi: Jurnal Psikologi*, 13(2), 109-122.
- Auria, Z. (2020). *Rezeki Dalam Al-Qur'an* (Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry Banda Aceh).
- Husna, A. N. (2015). *Orientasi Hidup Materialistis dan Kesejahteraan Psikologis*. In Seminar Psikologi & Kemanusiaan (pp. 1-11).
- Halim, A. Q. A., & Haron, M. S. (2020). *Hubungan Antara Konsep Rezeki Dan Persepsi Terhadap Risiko Dalam Persaingan Perniagaan Menggunakan Analisis Spearman's Rho* (The Relationship between the Concept of Sustenance and the Perception of Risk in Business Competition using Spearman's Rho Analysis). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 12(1), 35-44.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019), *Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019* (IKK 2019).
- Nazali, N. H., & Alavi, K. (2021). *Meneroka Kesejahteraan Psikologi dan Kualiti Pusat Jagaan Warga Emas di Selangor* (Exploration of Psychology Well-being and Quality of Old Folks Home in Selangor). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1).
- Omar, F., Zainal, A. H., Desa, A., Ali, H., Jali, F. M., & Omar, M. (2010). *Nilai indeks kesejahteraan psikologi dan modal insan penduduk di wilayah ECER (Psychological well-being index value and human capital in ECER region)*. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 24.
- Pasmadi, A. K. (2015). *Konsep Rezeki dalam al-Quran*. *Jurnal Didaktika Islamika*, 6(2), 134.
- Pasmadi, A. K. (2009). *Konsep Rezeki Dalam Pandangan Para Pedagang Pasar (Studi Kasus Para Pedagang Pasar Kleco*

- Surakarta 2009*) (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).
- Pasmadi, A. K. (2009). *Konsep Rezeki dalam Pandangan Para Pedagang Pasar*. Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Prabowo, A. (2016). *Kesejahteraan Psikologis Remaja di Sekolah*. *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan*, 4(2), 246-260.
- Ramadhan, Y. A. (2012). *Kesejahteraan Psikologis Pada Remaja Santri Penghafal Al-Quran*. *Psikologika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 17(1), 19-32.
- Rosnita, R. (2017). *Konsep Rezeki Dalam Perspektif Alqurân (Studi Tafsîr Fî Zilâl Alqurân Karya Sayyid Qutb)* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri" SMH" Banten).
- Rohany Nasir & Fatimah Omar. (2006). *Kesejahteraan Manusia: Perspektif Psikologi*. UKM.
- Safitri, N., Rachmadi, A. G., & Aini, T. Q. (2019). *Kebersyukuran: Studi Komparasi Perspektif Psikologi Barat dan Islam*. *Psikologika: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 24(2), 115-128.
- Zaman, R. K., Nordin, M. K. N. C., Nasir, K., & Azid, M. A. A. (2020). *Pengurusan Psikologi Kekeluargaan: Penelitian Terhadap Keperihalan Khadijah RA dalam Şahîh al-Bukhârî*. *HADIS*, 10(19), 538-550.
- Zaidan, Abdul Karim (2005), *al-Madkhal Li Dirasati al-Syariah al-Islamiah*, Pustaka Risalah, Beirut.







# **Perbandingan Konsep Harta Intelek Menurut Perspektif Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Sivil**

Wan Mohd Khaidir Elmi B.A Wan Dagang, Nasiibah Ramli

## **Abstrak**

Konsep Harta Intelek sudah lama wujud dalam Islam. Ini didasarkan dengan kaedah talaqqi al-quran secara mushafaah, periwayatan hadis secara sanad dan kepentingan ilmu menurut Islam. Begitu juga di negara Barat, konsep ini bermula Konferensi Diplomatik pada tahun 1833 yang menghasilkan *Paris Convention for The Protection on Industrial Property-Paris Convention*. Namun begitu, masih ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia terutama umat Islam tidak memahami konsep harta intelek. Oleh itu, kajian ini akan merungkai perbandingan konsep harta intelek menurut perspektif undang-undang Islam dan undang-undang Sivil. Kajian kepustakaan dan analisis kandungan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang lengkap. Secara kesimpulannya, konsep harta intelek menurut perspektif undang-undang Islam dan undang-undang Sivil mempunyai banyak persamaan namun dibataskan oleh hukum syara sahaja. Akhirnya, di harap kajian ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat tentang konsep harta intelek yang sudah lama wujud sejak dari penurunan wahyu lagi.

**Kata Kunci:** Harta Intelek, Konsep, Perbandingan, Undang-Undang Islam, Undang-Undang Sivil

## **Abstract**

The concept of Intellectual Property has long existed in Islam. This is based on the method of talaqqi al-quran by mushafaah, narration of hadith by sanad and the importance of knowledge according to Islam. Similarly, in Western countries, this concept began with the Diplomatic Conference in 1833 which resulted in the Paris

Convention for the Protection of Industrial Property-Paris Convention. However, many in the Malaysian community, especially Muslims, do not understand the concept of intellectual property. Therefore, this study will dissect the comparison of the concept of intellectual property according to the perspective of Islamic law and Civil law. Literature review and content analysis were used to obtain complete information. In conclusion, the concept of intellectual property according to the perspective of Islamic law and Civil law has many similarities but is limited by Islamic law only. Finally, it is hoped that this study can provide an understanding to the community about the concept of intellectual property that has existed for a long time since the decline of revelation.

**Keywords:** Intellectual Property, Concepts, Comparison, Islamic Law, Civil Law

## **Pendahuluan**

Secara umumnya, konsep harta intelek tidak dibahaskan secara mendalam dan tersusun oleh para fuqaha' silam dalam karya-karya mereka seperti yang dilakukan oleh para sarjana undang-undang ciptaan. Namun begitu, pengiktirafan Islam terhadap harta intelek telah lama wujud berdasarkan kepada nas-nas Al-Quran dan hadis-hadis nabi yang menuntut umat Islam supaya mencari dan menuntut ilmu. Antara nas-nas yang berkaitan tuntutan mencari ilmu adalah seperti yang berikut:

Allah SWT berfirman:

"...Niscaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat..." (QS. Al-Mujadilah [58]: 11).

تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ ، فَإِنَّ تَعَلُّمَهُ قُرْبَةٌ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ ، وَتَعْلِيمُهُ لِمَنْ لَا يَعْلَمُهُ صَدَقَةٌ ، وَإِنَّ الْعِلْمَ لَيَنْزِلُ بِصَاحِبِهِ فِي مَوْضِعِ الشَّرَفِ وَالرِّفْعَةِ ، وَالْعِلْمُ زِينٌ لِأَهْلِهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ . (الربيع)

“Tuntutlah ilmu, sesungguhnya menuntut ilmu adalah pendekatan diri kepada Allah Azza wajalla, dan mengajarkannya kepada orang yang tidak mengetahuinya adalah sodaqoh. Sesungguhnya ilmu pengetahuan menempatkan orangnya dalam kedudukan terhormat dan mulia (tinggi). Ilmu pengetahuan adalah keindahan bagi ahlinya di dunia dan di akhirat.” (HR. Ar-Rabii’)

تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ وَتَعَلَّمُوا لِلْعِلْمِ السَّكِينَةَ وَالْوَقَارَ وَتَوَاضَعُوا لِمَنْ تَعَلَّمُونَ مِنْهُ . (الطبراني)

“Tuntutlah ilmu dan belajarlah (untuk ilmu) ketenangan dan kehormatan diri, dan bersikaplah rendah hati kepada orang yang mengajar kamu.” (HR. Al-Thabrani)

إِلْعَالِمٌ إِذَا أَرَادَ يَعْلَمُهُ وَجَهَ اللَّهُ تَعَالَى هَابَهُ كُلُّ شَيْءٍ ، وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَكْتَنِرَ بِهِ الْكُنُوزَ هَابَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ . (الديلمى)

“Seorang alim apabila menghendaki dengan ilmunya keridhoan Allah maka ia akan ditakuti oleh segalanya, dan jika dia bermaksud untuk menumpuk harta maka dia akan takut dari segala sesuatu.” (HR. Al-Dailami)

Dalil-dalil di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya ilmu pengetahuan di sisi Islam. Tanpa ilmu pengetahuan, kehidupan manusia tidak akan maju ke hadapan dan tidak mampu membezakan di antara yang hak dan batil. Harta intelektual bukanlah suatu perkara yang baru di dalam ajaran Islam tetapi telah wujud zaman berzaman.

Namun begitu, kefahaman masyarakat terhadap konsep harta intelek masih lagi berada di tahap rendah khususnya umat Islam sendiri. Masih ramai lagi yang tidak mengetahui bahawa harta intelek sebenarnya berkait rapat dengan transaksi kekayaan yang

lain seperti dalam urusan pewarisan, jual beli dan lain-lain dari sudut hukum. Melalui penulisan ini, kajian akan menjelaskan konsep asas harta intelek dari kedua-dua perspektif iaitu undang-undang Islam dan Sivil.

## **Harta Intelek Menurut Perspektif Islam**

Konsep harta intelek bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia Islam. Konsep ini telah lama wujud bermula daripada zaman penurunan wahyu sehinggalah ke akhir abad ke-17 masihi (Bakar et al., n.d.). Kewujudan konsep harta intelek ini dapat dibuktikan berdasarkan konsep *talaqqi* Al-Quran secara *mushafaah*, periwayatan hadis secara sanad dan kepentingan ilmu menurut Islam.

### Talaqqi Mushafaah

*Talaqqi* berasal daripada kata dasar **لقى** yang membawa pertemuan. Dari segi istilah membawa maksud satu kaedah pembelajaran di dalam al-Quran di mana seorang pelajar akan meniru satu-persatu bacaan daripada gurunya (Mohd Hasbie Al-Shiddieque, Siti Mursyidah, and Khairul Anuar 2017). *Mushafaah* pula membawa maksud mendengar bacaan guru secara berdepan dari mulut ke mulut (Rabeah Binti Ghazalli and Sabri Bin Mohamad 2019). Berdasarkan kepada kedua-dua takrifan di atas, dapat disimpulkan bahawa *Talaqqi Mushafaah* merupakan satu kaedah dalam mempelajari Al-Quran daripada mulut seorang kepada mulut seorang murid. Kaedah ini merupakan cara pembelajaran Rasulullah S.A.W dengan malaikat Jibril a.s melalui penurunan wahyu seterusnya diimplimentasikan terhadap para sahabat. Para sahabat kemudian menghafal wahyu tersebut lalu dicatat sama ada di kulit atau ar-riqa; tulang unta, pelepah tamar, ketulan batu dan potongan kayu. Rasulullah meminta para sahabat memberi perhatian penuh ketika penulisan wahyu kerana bimbang berlakunya penyelewengan ataupun kesalahan. Di antara para



sahabat yang terlibat dalam penulisan ketika itu adalah Abu Bakar al-Shiddiq, Umar bin Khattab, Utsman bin Affan, Ali bin Abi Thalib, Zaid bin Tsabit, Ubay bin Ka'ab, dan beberapa sahabat lainnya (Ichsan 2012). Metodologi penulisan wahyu jelas menunjukkan AL-Quran yang merupakan mukjizat daripada Tuhan bebas daripada sebarang penyelewengan dan penipuan. Penyampaian secara *mushafaah* jelas menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf hak milik harta intelek dan melarang berlakunya perubahan ke atas karya asli.

## Sanad

Sanad pula jalur dalam periwayatan hadis dari seorang perawi kepada perawi lain sehingga lah sampai kepada Rasulullah S.A.W (Ezra 2009). Unsur-unsur sanad sangat penting bagi menentukan kualiti suatu hadis sama ia termasuk di dalam kategori sahih, hasan ataupun daif. Kepentingan sanad dapat dibuktikan melalui beberapa dalil daripada ayat Al-Quran, Hadis serta pandangan daripada ulama. Dalam Al-Quran Allah S.W.T berfirman:

*"Dan adakanlan dua orang saksi yang adil di antara kamu". (Surah Al-Talaq: Ayat 65)*

Dalam satu hadis yang mutawatir, Rasulullah S.A.W bersabda:

*"Sesiapa yang berdusta ke atas aku dengan sengaja, maka tempahlah tempatnya dalam neraka."*

Pandangan ulama seperti Abu Ali Al-Jayani pula berkata(Hasbie and Hamad 2018):

*"Allah ta'ala mengkhususkan pada umat ini dengan tiga perkara yang tidak diberikan pada orang sebelumnya, Isnad, Ilmu Nasab, I'rob."*

Melihat kepada metodologi Al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w, kedua-duanya adalah memastikan sumber maklumat disampaikan dengan betul tanpa ada kesalahan. Malah kedua-dua menggariskan asas-asas metodologi dalam kajian iatu secara *mushafaah* dan *sanad*. Al-Quran sejak dari awal lagi ditulis dan dihafaz manakala sunnah Rasulullah S.A.W menggunakan kaedah secara periwayatan daripada seorang kepada perawi yang lain. Kewaspadaan yang tinggi terhadap sumber maklumat kerana bimbangnyanya berlakunya kesalahan dan pertukaran semasa proses periwayatan (Fauzi bin Deraman 2000). Konsep ini bertepatan dengan hak *Integrity* dan hak moral dalam konsep hak milik harta intelek dari perspektif sivil iatu untuk mencegah perubahan atau apa-apa perbuatan yang mencacatkan sesuatu karya itu (Lestari 2019).

### Kepentingan Ilmu Menurut Islam

Ilmu diturunkan kepada manusia supaya dapat dijadikan garis panduan dalam mengenali pencipta, diri sendiri serta alam sekeliling. Tanpa ilmu pengetahuan, manusia tidak akan pernah bersyukur di atas anugerah yang Allah S.W.T kurniakan kepada mereka. Kepentingan ilmu pengetahuan dapat dilihat melalui penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah di Gua Hira' melalui malaikat Jibril. Firman Allah S.W.T membawa maksud:

“Bacalah dengan nama Tuhan engkau, Yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Dan Tuhan engkau itu Maha Pemurah, Yang mengajarkan dengan pena (tuliskan). Mengajarkan kepada manusia apa yang belum diketahuinya (Surah Al-Alaq 1-5)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Islam sangat menuntut umatnya supaya menuntut ilmu agar dapat dijadikan

sebagai alat untuk beramal dan berbakti kepada Allah S.W.T. Sejarah juga membuktikan banyak hasil-hasil penemuan dan teori ilmu diasaskan oleh para cendekiawan. Antaranya seperti Al-Razi yang berjaya mencipta teori Algebra, Jabir Ibn Hayyan dalam bidang kimia serta Ibnu Sina dalam bidang perubatan (Bakar et al., n.d.). Dari segi *uruf* pula, ilmu merupakan komponen yang penting dalam mencapai kemajuan yang berkembang dari zaman ke zaman. Tanpa ilmu pengetahuan, kegemilangan tamadun Islam tidak akan mungkin untuk dikembalikan.

### **Konsep Hak Milik Harta Intelek Menurut Perspektif Islam**

Hak milik harta intelek secara khusus tidak disyariatkan oleh mana-mana sumber perundangan Islam (Azmi 1995). Walau bagaimanapun, Islam merupakan agama yang syumul iatu bersifat menyeluruh, sempurna dan universal. Oleh yang demikian, bagi memahami hak milik harta intelek mengikut Islam, adalah penting untuk memahami konsep mal, milikiyah dan haq menurut Islam.

#### **Mal Menurut Perpesktif Syariah**

Dari sudut bahasa, perkataan al-mal (المال) berasal daripada tiga huruf bahasa Arab iatu huruf mim, wau dan lam. 'Mal' adalah mufrad daripada perkataan 'amwal' yang membawa maksud apa-apa yang dimiliki dari segala sesuatu (Manzur 2010). Perkataan 'Mal' ini diulang di dalam Al-Quran sebanyak 86 kali dan semuanya membawa makna harta benda, kekayaan atau hak milik (Arief 2003). Takrifan harta dalam Islam ini pada asalnya sesuatu yang dimiliki daripada emas dan perak (Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim 2006). Namun takrifan ini berubah kepada sesuatu yang dimiliki daripada aset yang nyata (Haron 2010). Takrifan harta ini melalui evolusi selaras dengan peredaran zaman.

Jika diteliti dari sudut istilah pula, pendapat yang diutarakan setiap mazhab adalah berbeza. Sebahagian daripada mazhab Hanafi menyatakan bahawa harta adalah menjurus kepada sesuatu

yang manusia cenderung kepadanya secara tabi'i dan semulajadi dan boleh disimpan untuk digunapakai ketika waktu yang dihajatkan (Abidin 2003). Sebagai contoh, darah dan bangkai tidak boleh diistilahkan sebagai harta kerana manusia tidak mempunyai kecenderungan terhadapnya. Contoh yang lain pula adalah sayur dan buah juga tidak boleh dipanggil sebagai harta kerana tidak mampu untuk disimpan di dalam satu waktu tempoh yang cukup lama.

Menurut mazhab Syafie seperti mana yang disebut al-Suyuti tidak dipanggil sesuatu itu sebagai harta jika tidak mempunyai nilai dan mesti dibayar ganti rugi jika berlaku kerosakan (Izawati Wook 2019). Mazhab Maliki pula menekankan bahawa harta adalah sesuatu yang bernilai dan padanya ada manfaat untuk digunakan ketika waktu dihajati mahupun darurat. Manakala mazhab Hambali juga memasukkan manfaat dalam memberi definisi harta iaitu harta adalah salah satu benda yang memberi manfaat dan boleh digunakan dalam segala hal (Shikhi 2018)

Definisi yang berbeza yang dinyatakan di atas menunjukkan kewujudan perbezaan pandangan fuqaha' terhadap pentakrifan harta. Mazhab Hanafi tidak mengiktiraf manfaat sebagai salah satu istilah di dalam pentakrifan harta (Haron 2010). Namun jumhur ulama berpendapat bahawa harta bukan sahaja bersifat sesuatu barang tetapi juga termasuk manfaat yang diperolehi daripada suatu benda. Jadi, apa-apa sahaja yang bersifat manfaat maka ia juga termasuk dalam harta.

Dengan kata lain, manfaat juga termasuk di dalam definisi harta yang akan membawa kepada berlaku hukum padanya. Pendapat ini merupakan pendapat yang dipakai oleh undang-undang dan diterima oleh orang ramai dalam urusan mereka pada hari ini (Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim 2006). Daripada pendapat tersebut, dapatlah difahami bahawa harta ini tidak berupa material sahaja namun ia juga dengan *non material* seperti karya intelektual yang mempunyai ciri-ciri manfaat.

## **Pemilikan Menurut Perspektif Syariah**

Pemilikan pula berasal daripada tiga perkataan iatu mim, lam, kaf yang membawa maksud penguasaan terhadap sesuatu yang dimiliki (Manzur 2010). Manakala dari sudut istilah, terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para fuqaha.

Mazhab Hanafi dalam takrifan berkaitan pemilikan ialah kemampuan mengendalikan sesuatu harta tanpa ada halangan yang telah ditetapkan oleh syara (Al-Ruteil, n.d.). Manakala tokoh yang terkenal di dalam mazhab Maliki iatu al-Qarafi telah memberikan definisi pemilikan ialah hukum yang ditetapkan oleh syara terhadap fizikal harta yang membolehkan seseorang mengambil manfaat daripada harta yang dimiliki dan menebus ganti rugi daripadanya (Hawas 2014). Definisi ini juga merupakan definisi yang sama seperti yang diutarakan Al-Suyuti di dalam kitabnya al-Ashbah wa al-Nazair (GHANI et al. 2016). Salah satu tokoh yang terkenal di dalam mazhab Hambali iatu Imam Ibn Taimiyyah pula memberi definisi pemilikan sebagai keupayaan mengendalikan sesuatu harta mengikut hukum syara (Hanini 2011).

Berdasarkan takrifan-takrifan yang dinyatakan di atas, pemilikan ini dapat difahami seseorang boleh menggunakan sesuatu benda sehingga orang lain tidak boleh memanfaatkannya mengikut hukum syara. Pemilik harta tersebut bebas menggunakan hartanya sama ada untuk urusan jual beli, wakaf dan sebagainya selagi mana tiada halangan daripada syara'. Contoh seperti anak kecil dan orang gila mempunyai larangan syara dalam pemilikan harta sendiri kerana tidak mampu menguruskan harta dengan baik (Yusdani 2003).

Berdasarkan perbincangan mengenai hak milik harta di atas, harta intelek boleh lah dikategorikan sebagai suatu bentuk manfaat iatu hak tak ketara secara 'qiyas' (Rosman 2002). Ini kerana ciri-ciri harta intelek yang bersifat mempunyai nilai, manfaat serta tergolong kategori hak milik. Maka menurut Jumhur Ulama, harta intelek boleh dikategorikan sebagai harta dan boleh dimiliki.

## **Haq Menurut Perspektif Syariah**

Konsep haq menjadi salah satu konsep utama dalam pemikiran Islam. Dalam konteks Islam, hak tidak berdiri sendiri tetapi terkait dengan hal lainnya yaitu kemaslahatan. Hak dalam Islam merupakan pemberian (hibbah) Allah kepada hambanya dengan prinsip yang jelas yaitu untuk mewujudkan kemaslahatan baik dalam konteks individual maupun masyarakat (Mukharram 2003)

Haq di dalam Bahasa (lugatan) berarti irtifaq yang membawa maksud bermanfaat atau mengambil manfaat daripadanya. Dan manakala mirfaq yang mimnya dibariskan bawah dan fanya dibariskan atas itu membawa maksud sesuatu yang bermanfaat (Manzur 2010). Ada juga hak didefinisikan seperti kekuasaan terhadap sesuatu atau sesuatu yang wajib dari seseorang kepada yang lainnya (Utama 2017).

Pengertian secara istilah pula membawa kepada beberapa definisi seperti yang dikemukakan oleh beberapa ulama-ulama fiqh. Menurut syeikh Ali Al-Khafifi yang merupakan salah satu ulama yang terkenal di Mesir mentafsirkan hak sebagai kemaslahatan yang diperoleh secara syara. Adapun hak secara terminology fiqh, para fuqaha mengistilahkan haq sebagai benda-benda yang dimiliki, manfaat dan manfaat serta masalah-masalah yang telah ditetapkan oleh hukum syara (DR. SRI SUDIARTI 2013). Kedua-dua definisi yang dikemukakan merupakan definisi yang komprehensif kerana mencakupi hak Allah kepada hambanya dan hak umum yaitu kepada negara mahupun harta benda (material atau non material).

Menurut Syeikh Mustafa Al-Zarqa pula mengambil istilah hab iqtibar (hak intelek) seperti hak cipta, hak karya dan setiap ciptaan hasil seni kreatif kerana lebih komprehensif. Hak intelek memanglah tidak tergolong dalam kategori 'ayn' yaitu hak seseorang terhadap sesuatu zat yang ditetapkan oleh syara', namun termasuk dalam kategori huquq al-adabiyah. Pendapat ini juga turut disokong oleh Muhammad `Uthman Syabir yang memasukkan haq al-ibtihar dalam memberi takrif haq (Haron 2010).

## **Batasan Hak Milik Harta Intelek Dalam Islam**

Hak harta oleh manusia hanyalah bersifat *majazi* semata kerana pencipta dan pemilik seluruh harta di alam semerta adalah Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: "Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya." 24 (Al-Qur'an, al-Ma'idah (5):17)  
Firman Allah S.W.T lagi:

Maksudnya: "Dialah jua yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi." 25 (Al-Qur'an, al-Taha (20):6)

Melalui dalil-dalil di atas jelaslah menunjukkan bahawa setiap sesuatu benda yang ada di atas dunia ini hanyalah milik Allah S.W.T semata-mata dan apa-apa yang dimiliki oleh manusia hanyalah bersifat sementara sahaja (Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim 2006). Sebagai Khalifah Allah di atas muka bumi, segala tindak tanduk tidak boleh terkeluar daripada garis yang telah ditetapkan oleh Islam. Ini termasuklah dalam pengurusan hak milik harta. Sebagai contoh agama menetapkan cara mendapatkan harta haruslah mengikut perspektif Syariah iatu dengan cara yang halal dan diredhai oleh Allah S.W.T. Agama juga melarang sikap pembaziran dan harta tidak digunakan untuk mendapatkan pangkat.

Berdasarkan pandangan mazhab utama serta ulama kontempri, harta intelek boleh lah dikategorikan sebagai suatu bentuk harta yang boleh dimiliki bedasarkan cirinya yang mampu memberi manfaat dan bernilai pada pandangan mata manusia. Ini selari dengan istilah harta intelek menurut fiqh Islam iatu:

Sekumpulan hak yang disabitkan oleh shara' untuk individu dalam bidang kuasa yang mengawal gambaran idea dan dipastikan memenuhi kepentingan padanya dengan mengguna dan mentadbir dalam ruang lingkup ketentuan-ketentuan shara' yang telah ditetapkan(Rosman 2002)

Namun begitu, terdapat beberapa batasan yang perlu diikuti biarpun hak milik harta intelek ini telah dibenarkan oleh syara'. Batasan ini selari dengan batasan hak milik harta intelek iatu:

1. Hak milik harta intelek yang ada pada manusia hanyalah bersifat pinjaman semata-mata kerana pemilik hakiki adalah Allah S.W.T.
2. Penguasaan ke atas hak milik harta intelek adalah lebih kepada tanggungjawab mengurus dan memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan juga agama.
3. Allah S.W.T mengutuk orang yang menyembunyikan ilmu seperti mana firmanNya:  
"Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas) dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia dalam Al Kitab, mereka itu dilaknati Allah dan dilaknati (pula) oleh semua (mahluk) yang dapat melaknati kecuali mereka yang telah taubat dan mengadakan perbaikan dan menerangkan (kebenaran), maka terhadap mereka itulah Aku menerima taubatnya dan Akulah Yang Maha Menerima taubat lagi Maha Penyayang(Surah At-Taubah: ayat 159-160)".
4. Hak Milik Harta Intelek menggunakan aplikasi kaedah marsalah mursalah bagi mengimbangi perlindungan yang diberikan kepada pemilik harta intelek dan kepentingan masyarakat umum



## **Konsep Harta Intelek Menurut Perspektif Undang-Undang**

### Definisi Harta Intelek

Harta Intelek umumnya bermaksud harta yang berkait rapat dengan hasil ciptaan berasaskan daya kreativiti seseorang (Azimon and Nazura 2009). Daya kreativiti ini akan mencipta, menghasilkan ataupun mengembangkan sesuatu yang belum pernah ada sebelumnya (Siti Khairiah Mohd. Zubir 2011) Sebagai contoh, seseorang yang menghasilkan produk atau karya yang terbaru dianggap sebagai harta intelek kerana ia merupakan hasil pemikiran seseorang dalam mewujudkan sesuatu yang tidak pernah ada sebelumnya.

Pertubuhan Harta Intelek Dunia (The World Intellectual Property Organization-WIPO), suatu badan yang diiktiraf antarabangsa berkaitan harta intelek telah memberi definisi bahawa harta intelek merupakan hak-hak berkaitan (Wipo 2013):

- sastera, karya seni dan kerja-kerja saintifik
- pertunjukan artis, fonogram dan penyiaran
- hasil cipta dalam semua bidang manusia
- tanda dagangan, tanda perkhidmatan, nama komersial dan nama gelaran
- perlindungan terhadap persaingan yang tidak adil
- dan segala hak yang terhasil daripada aktiviti intelek sama ada dalam industri, sains, kesusasteraan atau kesenian bidang."

Pengertian yang diutarakan oleh *Jeremy Philips*, "harta intelek" ialah merujuk kepada semua barang yang tercetus daripada hasil kreativiti manusia seperti idea, ciptaan, puisi dan reka bentuk dan lain-lain. Manakala definisi dari sudut undang-undang pula adalah sesuatu yang boleh dituntut terhadap produk yang dihasilkan daripada kreativiti manusia. Annie Chu pula

memberi definisi harta intelek sebagai produk atau idea yang tercetus daripada proses kreatif, kajian dan reka bentuk.

Manakala Chaudari pula berpendapat harta intelek merupakan cetusan idea daripada seseorang manakala hak harta intelek merupakan hak terhadap hasil ciptaan tersebut. Hak-hak ini akan melindungi hasil ciptaan daripada digunakan tanpa kebenaran dengan syarat yang telah dipersetujui(Hassan 2019).

## Harta Intelek dan Undang-Undang

Undang-undang merupakan landasan dalam mengawal segala tindakan manusia agar tidak melakukan sebarang jenayah dan kesalahan(Azimon and Nazura 2009). Begitu juga dengan harta intelek yang memerlukan peruntukan undang-undang bagi melindungi hak para pemilik daripada dieksplotasi oleh pihak lain. Permulaan sejarah kepada perlindungan harta intelek bermula pada Konferensi Diplomatik pada tahun 1833 yang menghasilkan *Paris Convention for The Protection on Industrial Property-Paris Convention*. Namun begitu, undang-undang perancis ini sentiasa digubal dari semasa ke semasa kerana mempunyai beberapa kekangan atau kelompongan (Bakar et al., n.d.).

Kesedaran terhadap perlindungan harta intelek semakin meningkat pada abad ke 19 apabila Konvesyen Berne ditubuhkan bagi mengiktiraf hak pengarang ke atas karya-karya mereka(Swenson 2020). Sebelum wujudnya konvesyen ini, karya-karya yang dikarang hanya diperuntukan perlindungan hak cipta hanya terbatas di dalam negara sahaja. Sebagai contoh, sesuatu karya yang terbit di United Kingdom(UK) hanya mendapat perlindungan di negara itu sahaja namun boleh diplagiat ataupun diterbitkan kembali oleh sesiapa sahaja di Perancis. Kemudian *World Intellectual Property* (WIPO) ditubuhkan bagi memberikan perlindungan tambahan untuk hak cipta. Konvesyen ini ditandatangani di Stockholm pada 1967 bagi membina perbentukan harta intelek(IP)(Roisah 2015).

Di konteks negara Malaysia, peruntukan undang-undang berkaitan harta intelek bermula pada tahun 1987 apabila dikuatkuasakan akta Hak Cipta 1987. Hak Cipta ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta HakCipta 1987 sebagai: hak yang telah diberikan oleh undang-undang kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka dalam tempoh masa tertentu(1987 2013). Berdasarkan takrifan tersebut, hak yang dimaksudkan adalah merupakan hak eksklusif yang diperuntukkan kepada penciptanya sehingga tiada pihak yang lain dapat memanfaatkan hak tersebut tanpa izin penciptanya. Hak cipta boleh wujud dalam pelbagai karya kreatif, seni mahupun intelektual. Contoh yang boleh diambil seperti gubahan lagu, puisi, tesis, filem dan sebagainya.

Namun begitu, perlindungan terhadap pemilikan harta intelek tidak sah di sisi undang-undang jika tidak didaftarkan dengan Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia(Bakar et al., n.d.). Pendaftaran ini bertujuan bagi melindungi harta intelek daripada terdedah kepada risiko diciplak dan ditiru. Tindakan akan dibuat ke atas sesiapa sahaja yang melakukan pelanggaran ke atas hak harta intelek itu(Aling 2021). Di Malaysia, banyak akta dipinda dari semasa ke semasa. Contohnya Akta Cap Dagangan 1976(pindaan pada tahun 1994 dan 2000), Akta Paten 1983(pindaan pada tahun 1993, 1995 dan 2000), Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Akta Cakera Optik 2000, , Akta Cap Dagangan 1976(Akta 175), Akta Paten 1983(Akta 291) dan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996(Akta 552). Ke semua akta di atas untuk mengelakkan pencorobohan ke atas harta intelek yang telah didaftarkan(Bakar et al., n.d.)

## **Kesimpulan**

Berdasarkan huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa konsep harta intelek bukanlah merupakan isu baru, bahkan ia sudah lama wujud sejak daripada awal turunnya wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W. Konsep harta intelek dari sudut perspektif Islam

dan undang-undang sivil mempunyai banyak elemen-elemen persamaan.

Antaranya adalah Islam dan Undang-undang Sivil melarang sebarang perubahan terhadap karya asal. Contoh dalam Islam adalah dengan menggunakan kaedah *mushafaah* dan *sana*. Ia bertepatan dengan hak *Integrity* dan hak moral dalam konsep hak milik harta intelek dari perspektif sivil iaitu untuk mencegah perubahan atau apa-apa perbuatan yang mencacatkan sesuatu karya.

Begitu juga, jika ditinjau dari sudut lain, Islam juga mengiktiraf hak pengarang ke atas karya dengan menggunakan istilah *haq ibtiqar* kerana lebih komprehensif. Begitu juga menurut perspektif undang-undang sivil, akta-akta ditubuhkan bagi melindungi hak harta intelek seseorang pengarang.

Namun begitu, perbezaan yang jelas memisahkan antara kedua-duanya adalah batasan-batasan yang telah ditetapkan sama ada ia dibolehkan atau tidak mengikut hukum syara'. Manakala harta menurut undang-undang sivil pula hanya terbatas pada hukum sah ataupun tidak di sisi undang-undang.

### **Rujukan:**

1987, akta hak cipta. 2013. *Akta Hak Cipta 1987*. AKTA HAK CIPTA 1987.

Abidin, Ibnu. 2003. "Hasyiyah Radd Al-Mukhtar." In , Jilid 5, 3–5. Darul Fiqir.

Al-Ruteil, Dr. Suleiman Mustafa. n.d. "Mabdau Tamlik Wa Mada Itibaruhu Fi Sorfi Zakat." Univerisiti Zaintunah.

Aling, Yusmizal Dolah. 2021. "Jangan Berleengah Daftar Harta Intelek." *My Metro*, 2021.

Azimon, and Nazura. 2009. "Aspek Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Harta Intelek: Permasalahan-Permasalahan Yang Memberi Kesan Kepada Perlindungan Pengguna (Legal Aspects And Enforcement Of Intellectual Properties: Its Problems That Impact Consumers Protection)." *Prosiding*

- PERKEM IV, Jilid 1* 1: 523–37.  
<http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-1-33.pdf>.
- Azmi, Ida Madieha Abdul Ghani. 1995. "Intellectual Property Laws and Islam in Malaysia," no. May: 1–343.
- Bakar, Marina Abu, I, Saad Gomaa Gomaa Zaghloul, Noor Asyimah Ramli, Ahmed Ramadan, and Meryem Abousv & Mohamad Fauzi Md Thahir Mohamed Ahmed. n.d. "ISU TUNTUTAN HARTA INTELEK SEBAGAI HARTA SEPENCARIAN : The Claim Issue of Intellectual Property as a Jointly Acquired Property : A Critical Analysis from Shariah and Law Perspective Harta Sepencarian Ialah Harta Yang Diperolehi Secara Bersama Oleh Suami D" 24 (2): 60–87.
- DR. SRI SUDIARTI, M. 2013. *Fiqh Muamalah Kontemporer*. Vol. 53. [http://digilib.uin-suka.ac.id/25151/1/12380073\\_BAB-I\\_IV-atau-V\\_DAFTAR-PUSTAKA.pdf](http://digilib.uin-suka.ac.id/25151/1/12380073_BAB-I_IV-atau-V_DAFTAR-PUSTAKA.pdf).
- Ezra, Michael. 2009. "SEJARAH DAN KEDUDUKAN SANAD DALAM HADIS NABI." *Muhammad Ali* 7: 1–235. <https://doi.org/10.2307/j.ctv3zxnjk.26>.
- Fauzi bin Deraman. 2000. "Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan." *Jumal Usuluddin*, 18.
- GHANI, NIK ABDUL RAHIM NIK ABDUL, MAT NOOR MAT ZAIN, SALMY EDAWATI YAACOB, RUZIAN MARKOM, AHMAD DAHLAN SALLEH, MOHAMMAD FIRDAUS MOHAMMAD HATTA, AMIR FAZLIM YUSOFF, and HANZALAH ZAINAL. 2016. "ANALISIS SYARIAH TERHADAP KONSEP PEMILIKAN BERMANFAAT ( BENEFICIAL OWNERSHIP ) DALAM Shari ' Ah Analysis on The Concept of Beneficial Ownership in Home" 1 (2).
- Hanini, Dr. Abdul Hamid Abdul Muhsin. 2011. "Al-Ibra' Waalaqatuhu Bil Isqoti Wa Tamliki Wa Sulhi." Universiti Khalil, Palestin.
- Haron, Mohamad Sabri bin. 2010. "Takrifan Mal (Harta) Menurut Sarjana Asia Barat Dan Implikasinya Terhadap Transaksi Masakini." *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat International Journal of West Asian Studies* 2: 1–18.

- Hasbie, Mohd, and Al-shiddieque B I N Hamad. 2018. "Hasbie, Asri - 2018 - Kepentingan Sanad Menjamin Keaslian AQ Dan Hadis," 1–15.
- Hassan, Nur Alia Syuhada Saudi <sup>1</sup> & Mohamad Ghozali. 2019. "HARTA INTELEK DAN PERLINDUNGAN HAK CIPTA: PERSPEKTIF UUM." *ISSN 2502-3632 (Online) ISSN 2356-0304 (Paper) Jurnal Online Internasional & Nasional Vol. 7 No.1, Januari – Juni 2019 Universitas 17 Agustus 1945 Jakarta* 53 (9): 1689–99. [www.journal.uta45jakarta.ac.id](http://www.journal.uta45jakarta.ac.id).
- Hawas, Muhammad Abdul Rahim Ahmad. 2014. "Al-Milkiyyah Al-Mazdujatun Fi Syariah Islam." Universiti Al-Azhar Syarif.
- Ichsan, Muhammad. 2012. "Sejarah Penulisan Dan Pemeliharaan Al-Quran Pada Masa Nabi Saw Dan Sahabat." *Jurnal Substantia* 14 (1): 1–7.
- Izawati Wook. 2019. "SYARIAH AND LAW DISCOURSE: SPECIAL SERIES E - Proceeding of the 3rd International Conference on Law and Justice." *Customary Land Of The Indegenous Peoples In Peninsular Malaysia: An Analysis on the Orang Asli Land Claim Cases 1* (Supplementary 2): 4–10.
- Lestari, Sartika Nanda. 2019. "Perlindungan Hak Moral Pencipta Di Era Digital Di Indonesia." *Diponegoro Private Law Review* 4 (3).
- Manzur, Ibnu. 2010. *Lisanul Arab*. Beirut: Dar al-Ihya al-Turath al-Arabi.
- Mohd Hasbie Al-Shiddieque, Ahmad, Mohd Zin Siti Mursyidah, and Mohamad Khairul Anuar. 2017. "Sanad Al-Quran Kepentingan Dan Keperluannya." *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)* 3: 337–51.
- Mukharram, M.Tamyiz. 2003. "Kontradiksi Dalam Istimalul Haq(Tasauf), Perspektif Hukum Islam" 3.
- Rabeah Binti Ghazalli, and Sabri Bin Mohamad. 2019. "Amalan Talaqqi Dan Mushafahah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam SJKC." *At-Tahkim* 9 (18).
- Roisah, Kholis. 2015. "Kebijakan Hukum 'Transferability' Terhadap Perlindungan Hak Kekayaan Intelektual Di Indonesia." *Law*

*Reform* 11 (2): 241.  
<https://doi.org/10.14710/lr.v11i2.15772>.

- Rosman, Arieff Salleh. 2002. *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan Dengan Undang–Undang Malaysia*. Edited by Abd.Jalil Borhan. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Shikhi, Muhammad Bin Khalil Bin Muhammad Bin Muhammad. 2018. "Al-Tamwil Al-Idofi Surahu Wa Ahkamuhu:Dirasah Tatbiqiyah Fil Masorif Saudiyyah." Universiti Malaya.
- Siti Khairiah Mohd. Zubir. 2011. "Pemikiran Belia Ke Arah Pemupukan Daya Kreatif Dan Inovatif Bagi Membangunkan Negara." *Malaysian Journal of Youth Studies* 4 (June): 1–19. [http://www.iyres.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=273:jurnal11-artikel01&catid=133:jilid4&Itemid=293&lang=ms](http://www.iyres.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=273:jurnal11-artikel01&catid=133:jilid4&Itemid=293&lang=ms).
- Swenson, Brad. 2020. "Intellectual Property Protection through the Berne Convention: A Matter of Economic Survival for the Post-Soviet New Commonwealth of Independent States." *Denver Journal of International Law & Policy* 21 (1): 6.
- Utama, Febri Barokah. 2017. "Kepemilikan Islam Terhadap Penjualan Kaset Bajakan ( Studi Kasus Palembang Square Mall ) Program Studi Ekonomi Islam."
- Wipo. 2013. "Summaries of Conventions, Treaties and Agreements Administered by WIPO 2013."
- Yazid Ahmad & Ibnor Azli Ibrahim. 2006. "Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-Undang Islam Dan Undang-Undang Sivil : Satu Tinjauan." *Jurnal Pengajian Umum* Bil.7: 123–38.
- Yusdani. 2003. "Sumber Hak Milik Dalam Perspektif Hukum Islam." *Al-Mawarid Edisi IX Tahun 2003* 3: 58–69.









# **PENENTUAN HUKUM VAKSIN COVID-19 MENGUNAKAN ORGAN-ON-CHIP: KAJIAN AWAL**

Muhammad Syafiq Bin Rahim  
Penyelidik Bebas  
Syafiqr@gmail.com


## **Abstrak**

Kajian ini memberi tumpuan sumber didalam penentuan hukum vaksin selain daripada penentuan hukum berdasarkan kandungan bahan dan juga keberkesanan terhadap ujian klinikal yang terhad. Kajian terhadap keberkesanan vaksin harus terus menerus dilakukan dengan menggunakan pelbagai cara, seperti ujian terhadap haiwan, dan juga menggunakan Organ-On-Chip, memandangkan variasi virus Covid-19 yang pelbagai dan juga keberkesanan vaksin yang boleh berubah-ubah. Di akhir kajian ini, pemberi fatwa dan pembuat polisi dapat mengeluarkan fatwa dengan lebih terperinci demi kemaslahatan awam.

## **Pendahuluan**

Secara umumnya. Hukum mengambil vaksin sudah diputuskan oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-10 telah memutuskan bahawa hukum Penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Kewajiban vaksin yang diputuskan oleh muzakarah mengambil kira beberapa aspek, antaranya ialah kandungan vaksin dan juga keberkesanan vaksin yang dijalankan secara klinikal [1].

Rajah 1 : Penentuan Sumber Hukum Vaksin



Namun begitu, kajian terhadap vaksin masih terus menerus dilakukan oleh penyelidik didalam dan diluar negara. Di mana, keberkesanan vaksin masih terus diuji. Sehingga kini, vaksin covid-19 juga dilihat mempunyai kesan sampingan yang perlu diberi perhatian. Kajian daripada Norway mendapati vaccine Pfizer “kemungkinan” (likely) bertanggungjawab ke atas kematian terhadap beberapa orang warga tua [2]. Namun begitu, sehingga kini tiada maklumat lebih lanjut mengenai autopsi kematian mereka.

Perlu diberi perhatian juga, kesan untuk membuktikan vaksin boleh memberi kesan sampingan agak rumit. Memandangkan tiada biomarker spesifik untuk membuktikan kaitan tersebut [3]. Tambahan pula, banyak faktor lain juga boleh mempengaruhi akibat kematian seseorang selepas seseorang itu telah divaksin. Oleh itu, untuk mengkaji kaitan antara kematian disebabkan vaksin, penyelidik menggunakan beberapa cara, iaitu 1) menggunakan kaedah kebarangkalian (probability) dan juga 2) mengkaji mekanisme yang boleh menyebabkan reaksi [3].

Seiring dengan kemajuan teknologi, Organ-Atas-Cip (Organ-On-Chip) diperkenalkan, dimana reaksi tindak balas tubuh manusia, dapat dilihat menggunakan peranti. Pada awalnya, Organ-Atas-Cip yang diperkenalkan oleh Wyss Institute for

Biologically Inspired Engineering daripada Harvard menggunakan dadah antimalaria untu melihat keberkesannya untuk memberhentikan (inhibiting) kesan SARS-Cov2 [4]. Teknologi ini juga berupaya untuk menggantikan kajian terhadap manusia dan haiwan.

### **Rasional Kaitan Organ-On-Chip Dan Penentuan Hukum.**

Setakat ini, semasa pandemik Covid-19 Organ-On-Chip pernah digunakan untuk menguji keberkesanan hydroxychloroquine. Di mana, semasa ujian dijalankan, didapati walaupun hydroxychloroquine merupakan anti-viral, namun begitu, kesan anti-viral ini tidak berkesan didalam model seakan tubuh badan manusia. Ini bermakna, FDA juga menggunakan organ-on-chip bagi menentukan polisi dan dasar mereka. Umum diketahui juga, setakat ini tiada vaksin yang mendapat pengesahan penuh (full approval).

FDA juga menggunakan Organ-On-Chip sebagai perbandingan dengan tindak balas in vitro terhadap haiwan. Pencirian jangkitan virus dapat diperhalusi daripada sampel klinikal kepada teknologi yang berkembang seperti organ-on-chip.

Maka, didalam penentuan hukum, ketetapan kewajiban terhadap individu boleh dianalisa menggunakan kemajuan teknologi seperti organ-on-chip. Memandangkan setakat ini, sukar untuk menentukan sama ada individu tertentu akan mendapat reaksi yang buruk daripada pengambilan vaksin.

Selain itu, sehingga kini, ada juga kajian yang mengaitkan genetik manusia dengan jangkitan dan penyakit Covid-19. Ini bermakna, setiap individu akan memberi tindak balas yang berbeza-beza terhadap covid-19, begitu juga dengan vaksin. Tambahan pula, kajian ini akan membuka ruang untuk setiap individu membuat pilihan bagaimana untuk menghindari dan juga mengubati Covid-19.

## Kesimpulan

Kajian ini membuka ruang baru didalam penentuan terhadap kewajiban vaksin Covid-19, memandangkan sebelum ini kajian lebih tertumpu terhadap hukum bahan vaksin dan juga keberkesanan terhadap klinikal yang terhad. Selain itu, penentuan hukum ini juga kemungkinan boleh berubah-ubah terhadap individu yang berbeza, memandangkan dengan teknologi kini yang terhad, sukar untuk menentukan kesesuaian vaksin terhadap individu tertentu. Selain itu, Organ-On-Chip juga berupaya untuk melihat ubat dan juga pencegahan Covid-19 yang setara dengan vaksin.

Perlu diberi perhatian juga, bahawa kewajiban untuk melawan Covid-19 juga bukan sahaja jatuh diatas bahu rakyat, malah juga kewajiban kepada kerajaan untuk menentukan pencegahan dan ubat yang bersesuaian untuk menghentikan pandemik ini.

## Rujukan

- [1] Kerajaan Malaysia. (2020). *Pengambilan Vaksin COVID-19: Hukum dan Permasalahannya*. 1–50.
- [2] Torjesen, I. (2021). Covid-19: Pfizer-BioNTech vaccine is “likely” responsible for deaths of some elderly patients, Norwegian review finds. *Bmj*, *May*, n1372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n1372>
- [3] Why is it so hard to investigate the rare side effects of COVID vaccines? *Nature* <https://doi.org/10.1038/d41586-021-00880-9>
- [4] Human organ chips enable COVID-19 drug repurposing <https://www.sciencedaily.com/releases/2021/05/210503144724.htm>





# **Pendekatan Politik-Dakwah Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang**

Badlihisam Mohd Nasir, Nur Najwa Hanani, Abd Rahman  
Hamzah, Abdul Basit Samat, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz  
Abdullah

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia

Mohd Farhan Md Ariffin

Pusat Kajian Al-Quran and Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Pengenalan**

Adalah suatu hakikat yang jelas difahami bahawa politik dan agama tidak dapat dipisahkan dalam tradisi Islam. Bertentangan dengan fahaman sekularisme, gerakan Islam di seluruh dunia secara beransur-ansur menerapkan dakwah Islamiah ke dalam kancah politik semasa. Dari segi sejarah, kemasukan dakwah dalam politik mungkin sangat pelik dan janggal dalam perjuangan Islam. Walaupun tidak dipersetujui sepenuhnya oleh beberapa gerakan Islam, pendekatan politik dalam dakwah atau sebaliknya dilihat menjadi semakin popular semasa kebangkitan dakwah Malaysia pada awal tahun 1970-an. Perubahan yang boleh ditonjolkan dalam istilah politik-dakwah ini antara lain adalah disebabkan oleh kemunculan beberapa pemimpin politik Muslim yang memainkan peranan penting dalam menggunakan dakwah bagi mencapai tujuan politik mereka. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) muncul bukan hanya sebagai seorang ulama di kampung halamannya Rusila Terengganu tetapi diakui mempunyai

sumbangan yang signifikan dalam kemajuan Islam di seluruh dunia. TGHH memimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) bagi menegakkan gagasan dakwah, serta memanfaatkannya dalam percaturan politik Malaysia. Kertas ini terlebih dahulu menyentuh secara ringkas tentang pengertian istilah politik-dakwah. Ia seterusnya melihat pendekatan holistik TGHH dalam dakwah dan politik khususnya dalam konteks gerakan Islam. Akhirnya, pendekatan TGHH dalam proses mengintegrasikan dakwah dalam politik semasa juga akan dihuraikan secara kritis.

## **Politik-Dakwah**

Politics asalnya ialah istilah Barat yang diambil dari Bahasa Greek (*politiká*) yang bermaksud "affairs of the cities". Dakwah adalah istilah Arabic yang bermaksud panggilan atau seruan. Menurut Islam, politik merujuk kepada siasah bermakna mentadbir khususnya mengikut ajaran agama. Manakala dakwah pula merujuk kepada ajakan atau aktiviti missionary untuk menganut atau mengamalkan Islam itu sendiri. Oleh kerana istilah ini berkembang dari akar bahasa serta melalui proses pemahaman yang berbeza makai a mempunyai orientasi yang tidak sama. Paling ketara ialah jika politik merujuk kepada teori Machevelli iaitu matlamat menghalalkan cara pasti berbeza dengan dakwah yang mendokong aqidah, syariat dan akhlak Islam dalam mencapai kuasa. Kedua-dua istilah ini hanya serasi jika pandangan Islam digunakan secara bersepadu kepada kedua-duanya tanpa menggunakan kacamata Barat yang memisahkannya. Dalam kontek Islam, politik dan dakwah mempunyai persamaan dari segi matlamat dan orientasinya iaitu Islam menjadi fokus dan dasar kepada semua idea dan aktiviti bagi politik ataupun dakwah. Oleh itu pada dasarnya tidak ada pemisahan di antara politik dan dakwah sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat Barat atau fahaman yang memisahkannya secara partial yang belaku dikalangan umat Islam itu sendiri.

Selain dari konsep politik dan dakwah yang bersepadu dalam Al-Quran, kenyataan bahawa politik dan agama tidak dapat dipisahkan dalam Islam jelas diperhatikan dalam Sirah Pophet Muhammad saw. Nabi memulakan perjuangan Islam dengan mengulangi seruan (dakwah) kepada penduduk Mekah. Masyarakat Mekah secara politiknya telah diperintah oleh wakil suku melalui Dar an-Nadwah dan. Mesej agidah yang dibawa oleh Nabi walaupun tidak menyerukan idea politik secara jelas tetapi membawa implikasi kepatuhan yang sepenuhnya kepada Rasulullah saw. Justeru pembesar Quraish tidak bersedia menyerahkan kuasa mereka kepada hanya seorang nabi yang akan menentukan segalanya. Menyedari keadaan ini, Nabi menggunakan kebijaksanaan berdakwah secara panggilan rahsia dalam tiga tahun sebelum secara terbuka melaungkannya di Bukit Safa. Apabila diancam, Nabi mendapat perlindungan politik dari bapa saudaranya Abu Talib dari Bani Hashim. Dakwah Nabi di Mekah selama 13 tahun itu bukan sahaja gagal mendapat sokongan penduduknya malah ia gagal menguasai politik Tanah Haram itu.

Hanya setelah berlakunya Hijrah, dakwah Nabi mula mendapat sokongan massa serta berjaya menguasai politik kenegaraan. Ini dapat dilihat dari pembinaan masjid di Madinah serta perjanjian dengan seluruh penduduk bagi membina sebuah negara yang baru. Islam yang menjadi menjadi agama negara melalui pengisytiharan Perlembagaan Madinah telah memudahkan dakwah telah disatukan dalam pelbagai pendekatan dan kegiatan politik. Politik menjadi pelindung kepada penyebaran Islam atau dakwah. Setiap orang harus tunduk pada undang-undang tertinggi Islam dan kehidupan mereka diatur oleh negara walaupun orang bukan Islam tidak dipaksa untuk memeluk agama Islam. Muslim dan non-Muslim adalah sama di dalam pemerintahan negara walaupun diperintah oleh Nabi yang mendokong dakwah Islam. Dengan dilindungi oleh kekuatan politik, dakwah telah disebarkan ke negeri-negeri dengan jayanya. Konotasi Dakwah Qabl Qital yang kemudian diteruskan oleh Khalifah Islam telah membuktikan hakikat bahawa politik dan dakwah tidak dapat dipisahkan.

Keruntuhan Islam politik bagaimanapun, telah menyebabkan berlakunya penyimpangan dan akhirnya menyebabkan orang Islam terpengaruh dengan sekularisme yang berleluasa sekarang.

Keadaan ini menyebabkan penyertaan dakwah dalam politik nampak kelihatan janggal dalam perjuangan umat Islam di seluruh dunia. Akibatnya, reformis dan sarjana Muslim terkemuka Afghanistan dan Hassan al-Banna muncul untuk menegakkan politik dan dakwah agar kembali ke landasannya. Hassan al-Banna yang dianggap sebagai Ikon dakwah terkemuka membina Ikhwan Muslim sebagai sebuah gerakan dakwah semasa serta turut terlibat dalam politik antarabangsa dengan menghantar pejuang bagi membebaskan Palestin dari Israel. Walaupun pendekatan beliau tidak dipersetujui sepenuhnya oleh umat Islam, penerapan politik dalam dakwah atau sebaliknya telah menjadi semakin berpengaruh sehingga menular dalam kebangkitan dakwah pada awal tahun 1970-an di negara ini.

Perubahan itu pasti terhutang budi kepada beberapa pemimpin politik Muslim dan cendekiawan Islam yang memainkan peranan penting dalam menyatukan dakwah dalam tujuan politik mereka. Dengan kata lain, mereka berjaya memperkenalkan kembali idea pendekatan politik-dakwah sesuai dengan pemahaman dan strategi dalam sesebuah bangsa dan budaya tertentu. Antara lain ialah Pak Natsir seorang mantan Perdana Menteri Indonesia dengan kebijakannya mempromosikan gagasan "Berdakwah lewat politik" (dakwah melalui politik) dan Berpolitik lewat politik (politik melalui dakwah) Ketika beliau menjadi Perdana Menteri Indonesia atau Ketika beliau terbuang tanpa kekuasaan politik. Selaras dengan keadaan Malaysia, pendekatan seperti ini juga berlaku kepada Tuan Guru Haji Hadi Awang, seorang ulama dan juga pemimpin gerakan Islam, PAS.

## **Dakwah dan Politik TGHH**

Sepertimana ulama haraki yang lain, TGHH membawa kefahaman baru dalam hubungan dakwah dan politik. Beliau tidak



mesintesisakan gabungan istilah ini di bilik sejuk menara gading tetapi melaksanakannya sendiri di dua medan iaitu politik dan keagamaan. Menurut beliau Islam adalah agama yang sekaligus mengandungi politik. Jika seseorang itu berpolitik bermakna ia akan berdakwah dan begitulah sebaliknya. Tiada pemisahan di antara politik dan agama. Dakwah yang merupakan gerakerja keagamaan juga adalah gerakerja politik bagi tujuan menegakkan Islam melalui kekuasaan. Tiada pemisahan di antara politik dan agama seperti yang sering dilaungkan oleh pemimpin parti nasionalis UMNO ketika itu.

Politik adalah suatu yang suci dan menjadi amalan para nabi dan bukannya kotor seperti yang sering dipandang oleh masyarakat. Silap faham meletakkan dakwah sebagai gerakan yang suci dan tidak boleh bercampur dengan politik akan menyebabkan umat Islam akan diperintah oleh mereka yang tidak meletakkan syariat Islam dalam konteks bernegara. Ini sangat merugikan dakwah Islam itu sendiri kerana ia tidak dilindungi oleh kekuasaan seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad dan khalifah Islam sebelumnya. Ketegasan TGHH dalam mempertahankan idealism ini menimbulkan kontroversi nasional apabila beliau didakwa telah mengkafirkan UMNO yang didakwa menyatakan politik suku agama suku. Atas kefahaman terhadap gabungan telah menyebabkan TGHH mengorak langkah melaksanakan pendekatan politik-dakwah yang memberi impak besar kepada umat Islam.

Mengetahui hakikat bahawa politik akan melibatkan kerja-kerja kotor dalam mendapatkan dan melindungi kekuasaan, maka itu adalah pantang larang bagi beberapa sarjana Muslim juga untuk kumpulan gabungan mereka. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang bagaimanapun, muncul bukan hanya sebagai ulama Muslim di kampung halamannya Rusila Terengganu tetapi juga telah menjadi ahli politik pintar yang dapat menyumbang kepada gerakan Islam global. Dia bertanggung jawab untuk memberi inspirasi bukan hanya kepada partinya, yakni Islam Malaysia untuk gagasan dakwah, tetapi juga memanfaatkannya untuk menawar kuasa dalam politik Malaysia.

Institusi ulama adalah institusi yang sangat penting dan dihormati di dalam Islam. Pemimpin dalam Islam secara idealnya adalah seorang ulama yang mengetahui selok belok agama dengan mendalam. Pembinaan kepemimpinan seorang ulama ini dilalui oleh TGHH dengan mempelajari agama sejak usia muda hingga ke Universiti Islam Madinah dan universiti al-Azhar Mesir. Beliau bukan sahaja mendalami ilmu agama secara formal tetapi juga membina sosok diri sebagai ulamak haraki bersama-sama tokoh Gerakan Islam antarabangsa seperti Prof. Mohammad al-Wakeel and Sheikh Said Hawwa semasa menuntut di sana. Melalui hubungannya dengan pimpinan Ikhwan pula TGHH mendalami gabungan politik-dakwah yang dilaksanakan secara praktikal berdepan dengan penjajahan barat dan ideologi sosialis di Timur Tengah ketika itu.

Walaupun belajar di Arab Saudi, beliau tidak terpengaruh dengan Gerakan Wahabi dan kekal dalam imej Ahl Sunnah wa al-Jamaah apabila Kembali ke tanahair. Beliau juga tidak menubuhkan cawangan Ikhwan Muslimin di negara ini, tetapi sebaliknya terlibat memimpin ABIM Terengganu pada tahun 1977 sebelum bertanding atas tiket PAS pada Pilihanraya Umum 1978. Gabungan pengalamannya memimpin NGO Islam di era kebangkitan dakwah 1970an serta PAS, sebuah parti politik memperjuangkan wujudnya sebuah negara Islam itu memberikan asas yang kuat bagi kebangkitan politico-dakwah TGHH.

Sosok ulama haraki ini dibangunkan oleh TGHH di masjid Rusila dengan meneruskan perjuangan politik-dakwah ayahnya yang mewarisi kebangkitan menentang penjajah oleh Haji Abdul Rahman Limbong di awal abad ke dua puluh. Nama Rusila menjadi masyhur dengan pengajian politik Islam melalui pembacaan kitab dan syarahan yang di sampaikan oleh beliau. Ia menjadi pusat kebangkitan dakwah-politic apabila semua aktiviti keagamaan ditumpukan kepada pencapaian kuasa politik untuk melaksanakan Islam dalam sebuah negara. Walaupun dianggap oleh lawan politiknya sebagai tempat pecah-belah masyarakat, masjid Rusila terus berkembang sebagai markas kebangkitan dakwah yang

menyeru kepada penyatuan politik di atas dasar Islam berbanding kebangsaan yang menjadi dasar perjuangan politik orang Melayu ketika itu.

TGHH meneruskan tradisi keilmuan seorang ulama dengan menulis beratus buku-buku yang membawa tema politik Islam dan dakwah. Walaupun beliau tidak menulis secara khusus idea politic-dakwah dari perspektik akademik dalam satu tajuk yang khusus, beliau mengangkat isu politik Islam yang secara tradisinya dibincangkan dalam Islam serta menyebarkan pemikiran tokoh-tokoh Gerakan Islam semasa. Di samping itu TGHH menyalurkan pemikiran politic-dakwahnya dalam kerangka parti politik bagi penyelesaian di negara ini. Antaranya yang terkini ialah buku *Fiqh Siyasa Khalifah Abu Bakar aS-Sidiq* (2021), *Budaya Politik Matang dan Sejahtera* (2020) dan *Islam Adil Untuk Semua* (2020). Ia bukan sahaja dapat menjelaskan dasar politik Islam yang responsif kepada perkembangan semasa tetapi menjadi asas kepada perjuangan Gerakan Islam atau polisi bagi sebuah negara yang mahu mendaulatkan Islam sebagai dasar dan matlamatnya. Ia adalah di antara karya beliau yang terus hidup memberi jawapan kepada cabaran semasa serta menjadi rujukan kepada kajian ilmu Islam kontemporari.

Kebangkitan dakwah era 1970an di negara ini telah banyak mempengaruhi PAS untuk memperkasakan dakwah di dalam organisasi tersebut. Di samping rombakan undang-undang Tubuh parti untuk meletakkan dakwah sebagai unsur penting, orientasi kepimpinan ulama menekankan kepentingan dakwah sebagai pendekatan utama parti. PAS tidak lagi ingin dikenali sebagai sebuah parti politik ultra Melayu tetapi berubah menjadikan politik dan dakwah sebagai suatu pendekatan yang bersepadu dalam memperjuangkan Islam di Malaysia. Perubahan ini memerlukan suatu barisan kepimpinan parti yang dapat menyerap budaya dakwah di dalam parti.

Cabaran ini disambut oleh TGHH yang merupakan salah seorang dari barisan kepimpinan Ulama yang bangkit membawa reformasi dakwah di dalam parti awal 1980an. Bergandingan

dengan tokoh-tokoh lain seperti Ustaz Fadzil Noor, Ustaz Yahya Othman dan Ustaz Harun Taib mereka membangunkan tarbiah dalam PAS. Berbagai program dilakukan untuk mengubah PAS sebagai sebuah Gerakan Islam yang mantap dan mempunyai Tanzim dakwahnya yang tersendiri. TGHH walaupun belajar di Arab Saudi tidak terpengaruh untuk menjadikan PAS sebagai Gerakan Salafi dan begitu juga tidak berusaha mengubah PAS mengikut skema tarbiah Ikhwan secara mutlak. TGHH bersama yang lain membangunkan modul Tarbiyah PAS dalam ILHAM, sebuah institusi yang ditubuhkan untuk membangunkan kaderisasi keahlian parti secara sistematik dan professional.

Walaubagaimanapun ketika itu beliau dilihat agak tegas dan lantang khususnya dalam memperjuangkan hak-hak umat Islam yang ditindas serta batas-batas Islam dan kufur. Ini menyebabkan dakwah TGHH diserang dengan berbagai dakwaan negatif seperti mempergunakan agama untuk kepentingan politik parti dan juga sebagai pemecah belah masyarakat. Amanat Haji Hadi (1983) adalah di antara isu yang diperbesarkan oleh pihak tertentu sehingga menutup konteks cabaran perjuangan Islam pada ketika itu. TGHH menjelaskan isu ini bukan sahaja melalui tulisan di dalam buku tetapi sedia berdepan dengan siapa sahaja bagi menjelaskan misi dakwah beliau. Bagi TGHH sekularisme merupakan barah yang membahayakan aqidah umat Islam yang akhirnya menyebabkan perpaduan umat Islam yang sebenarnya tidak dapat dicapai.

Asas perpaduan yang jelas ini menyebabkan PAS teguh memegang prinsip politik-dakwahnya dalam konteks sebuah parti politik dan juga Gerakan Islam atau dakwah. Walaupun berlaku pergolakan selepas pemergian TGNA pada 2014, PAS terus teguh di bawah kepimpinan TGHH. Penentangan terhadap kepimpinannya yang digerakkan oleh kumpulan liberal yang mahu mengekalkan kewujudan PAS di dalam Pakatan Harapan bersama DAP dan PKR tidak dapat melumpuhkan parti itu yang mengambil pendekatan bertanding secara sendirian di bawah lambang Gagasan Sejahtera. Langkah ini membezakan pendekatan dakwah yang dibawa oleh TGHH dalam politik PAS. Berbeza dengan kumpulan serpihan yang

menawarkan pendekatan dakwah yang liberal bersama dengan PKR dan DAP, parti Islam itu diperkukuhkan oleh TGHH bagi mencapai seruan utama PAS sejak ditubuhkan iaitu menyatukan orang Melayu dan umat Islam di negara ini di atas dasar Islam. Dasar yang diperjuangkan oleh TGHH sudah parti mengejutkan kerana selama ini PAS dilihat begitu terbuka khususnya terhadap non-Muslim dalam menyampaikan seruan dakwahnya.

### **Pendekatan TGHH dalam politik semasa**

Perubahan politik dakwah TGHH yang lunak terhadap UMNO tetapi tegas pula kepada rakan-rakan Pakatan Harapan yang pernah bersamanya semasa di dalam Pakatan Rakyat dahulu pasti menimbulkan pandangan pro dan kontra. Bagi mereka yang memahami sejarah parti itu pasti akan dapat melihat bahawa pendekatan politico-dakwahnya sangat mempengaruhi hala tuju parti itu di sepanjang zaman. Dalam ertikata lain matlamat politik PAS bukan hanya untuk merebut kekuasaan semata-mata tetapi lebih kepada membawa mesej dakwah agar Islamnya sampai kepada masyarakat. Melalui dakwah, negara dapat diurus dengan lebih tenang tanpa polemik politik yang sengit. Dalam konteks ini, kedudukan PAS sangat penting khususnya berperanan sebagai pengimbang kepada parti pemerintah atau mungkin boleh menjadi penentu (King Maker) arus politik negara.

Semenjak penubuhan 1951, PAS dapat menguasai politik negara berbanding UMNO yang mengetuai Perikatan, sebuah gabungan tiga bangsa besar iaitu Melayu, Cina dan India. Namun, ia dianggap sebagai sebuah gerakan dakwah untuk mengembalikan UMNO kepada perjuangan politik Islam berbanding sekular yang menguasai parti itu. Ini adalah dakwah awal PAS yang berterusan hinggalah ia menunjukkan peranannya yang sebenar yang menyelamatkan orang-orang Melayu dalam peristiwa 13 Mei 1969. Tindakan PAS menyertai gabungan dengan UMNO dan parti lain dalam Barisan Nasional pada tahun 1973 membuka lembaran baru dakwah di negara ini. Asas perpaduan Melayu yang merujuk kepada

Islam itu berjaya antara lain memperkukuhkan elemen Islam dalam pentadbiran negara. YADIM juga telah ditubuhkan hasil dari kerjasama politik ini. Walaupun gabungan ini berakhir pada 1978, ia memperlihatkan kesan yang besar mengenai pengaruh PAS khususnya dalam sebuah kerajaan sehingga ada yang mendakwa bahawa PAS perlu ditendang keluar BN justeru pengaruhnya yang semakin berkembang itu.

Kembalinya PAS berseorangan sebagai pembangkang menjadikan parti itu sebagai pusat berkumpulnya gerakan dakwah dari NGO seperti ABIM dan lain-lain bagi mengimbangi kekuasaan politik UMNO. Sebagai bekas pimpinan ABIM Terengganu, TGHH memainkan peranan penting dalam mengembelingkan penglibatan NGO dakwah lain untuk membentuk satu force politik Islam yang lebih utuh. Ini menyebabkan parti itu berjaya menguasai Kelantan pada 1990 hasil dari gabungannya dengan Semangat 46, parti serpihan UMNO. Bahkan PAS menjadi penggerak kepada kebangkitan reformasi Anwar Ibrahim pada 1998 sehingga berhasil menguasai Terengganu pada Pilihanraya Umum 1999. Tidak dapat dinafikan bahawa kepimpinan PAS bertanggungjawab menyuburkan reformasi sewaktu Anwar di penjara. TGHH sendiri menulis buku bertajuk Qazaf Mangsa Fitnah (2001) membela Anwar yang difitnah kerana jenayah liwat itu.

TGHH meneruskan tradisi PAS yang meluaskan pintu kerjasama politiknya dengan DAP dalam Pakatan Rakyat demi dakwah. Lim Kit Siang pejuang sosialis pernah datang mengunjungi rumah TGHH yang sangat sederhana di Rusila Terengganu. Tindakan ini sama seperti yang dilakukan oleh TGNA yang berdakwah secara terbuka kepada pemimpin-pemimpin bukan Islam. Ia menunjukkan bahawa TGHH sangat berpengalaman bersama kepimpinan PAS melaksanakan politik dakwah khususnya dalam konteks menjadikan parti itu berperanan besar dalam sebuah kerajaan atau barisan pembangkang yang kuat. Latarbelakang inilah yang perlu difahami terlebih dahulu sebelum keliru dengan tindakan TGHH politik terkini yang mungkin dianggap bertentangan dengan prinsip perjuangan gerakan Islam. Lebih-lebih lagi ia

dikatakan mengkhianati kepimpinan Tok Guru Nik Aziz yang nampak lebih tesaerlah dalam dakwah politiknya. Sedangkan TGNA sendiri sangat tegas membela kepentingan Islam dalam semua keadaan. Sikap lunak beliau kepada DAP tidak memadamakan ketegasannya memberi kata dua kepada parti sosialis itu samada untuk bersama gabungan PAS dalam isu negara Islam atau sebaliknya. Ini memberi isyarat yang jelas bahawa sesuatu perubahan politik itu dipacu oleh PAS berdasarkan kepentingan dakwah dan bukannya untuk kepentingan diri.

Dalam perkembangan terkini politik negara, pendekatan politik-dakwah PAS dilaksanakan secara praktikal oleh TGHH. Ini boleh dilihat dari peranan TGHH yang membawa PAS sebagai peneraju Gagasan Sejahtera dalam Pilihanraya Umum 2018. Ia mengejutkan jangkakan yang PAS akan bergabung dengan UMNO setelah ditinggalkan oleh Pakatan Harapan. Pertandingan tiga penjurong ini berjaya menjatuhkan UMNO dari kekuasaannya dan meninggalkan lompang yang besar apabila Pakatan Harapan pula dilihat tidak berupaya melaksanakan janji ketika mereka menjadi kerajaan. PAS meneruskan politik damai berdasarkan pendekatan Politik Matang dan Sejahtera apabila merapati UMNO bagi memperjuangkan isu-isu Islam dan orang Melayu sehingga berjaya menubuhkan Muafakat Nasional pada 2019. Keserasian muafakat ini dapat dilihat bukan sahaja dari kejayaan menguasai sokongan umum dalam beberapa pilihanraya kecil tetapi dapat merapatkan semula hubungan ukhuwwah di kalangan dua parti politik terbesar orang Melayu itu. Atas semangat dakwah, Piagam Muafakat Nasional yang ditandatangani oleh kepimpinan berjaya menghimpunkan kuasa politik Melayu dalam satu force untuk bangkit sebagaimana yang pernah dilakukan ketika penubuhan Barisan Nasional dahulu.

TGHH melihat perpaduan Islam bukan hanya tertakluk kepada kekuatan majoriti bangsa Melayu yang mendokongnya. Beliau menerima MCA dan MIC sebagai parti komponen yang dapat meneguhkan kuasa politik yang stabil di Malaysia. Kehilangan DAP yang mewakili suara non-Muslim sewaktu dalam Pakatan Rakyat

dahulu diganti dengan mereka yang lebih sedia mendengar dakwah PAS ketika ini. Dengan kejatuhan PH akibat perletakan jawatan Tun Mahathir, TGHH menyertai Perikatan Nasional dan mengulangi peranan PAS dalam kerajaan pusat suatu ketika di bawah Dato Asri dahulu. Beberapa ahli PAS dilantik ke jawatan Menteri di samping beliau sendiri dilantik oleh Perdana Menteri sebagai Duta Khas ke Timur Tengah yang bertaraf Menteri.

Peranan baru ini telah memperkukuhkan medan politik-dakwah TGHH di peringkat antarabangsa. Latarbelakang pengalamannya dalam Gerakan Islam dan sebagai mantan Naib Ketua Kesatuan Ulama Islam sedunia serta hubungannya dengan Turki dan Iran boleh dimanfaatkan untuk perpaduan umat Islam sedunia. Sekali lagi TGHH berpeluang untuk membuktikan bahawa tokoh Gerakan Islam yang berpengalaman luas dalam politik dan pemerintahan bernegara dapat menjadi pendamai khususnya di antara Sunni dan Syiah di Timur Tengah. Pertelingkahan di antara Yaman dan Arab Saudi yang melibatkan konflik Sunni-Syiah dan campurtangan Amerika merupakan ujian kepada TGHH melaksanakan politik-dakwahnya sebelum tampil lebih tegas dalam mempertahankan hak umat Islam di Palestin dan lain-lain. Sebagaimana yang pernah dilakukan oleh al-marhum Fadhil Noor dahulu, TGHH tampil bersama dengan Tun Mahathir dalam webinar mengecam tindakan Israel menyerang masjidil Aqsa dan Gaza baru-baru ini. Hasilnya, Malaysia hari ini kelihatan semakin ke hadapan dalam mempertahankan hak rakyat

### **Palestin di peringkat antarabangsa**

Usaha TGHH di rantau Asia Barat berjalan serentak dengan peranan yang perlu dimainkannya secara serius dalam mendamaikan konflik terkini di antara UMNO dan Bersatu dalam kerajaan darurat hari ini. Sebagai tokoh ulama yang berjiwa besar dan menjadikan dakwah sebagai matlamat politiknya, mesej kedamaian atau Sejahtera pastinya akan merentas sempadan kepartian politik di negara ini. Penarikan PAS yang dipimpinnnya dari terus mendokong gerakan



reformasi Anwar Ibrahim akan terus diuji. Ia bergantung kepada hala tuju politik parti yang dibawanya yang tetap kekal dalam orbit Islam dan bukannya kepentingan seorang individu semata-mata. Oleh itu, peranan TGHH sebagai penentu bagi kedua-dua barisan parti politik yang bersaing di negara ini akan terus signifikan.

## **Kesimpulan**

Peranan penting yang dapat disorot secara ringkas di atas memaparkan bahawa TGHH adalah seorang tokoh yang sangat berpengaruh dalam perjuangan Islam. Ia membenarkan ramalan positif majalah Newsweek pada tahun 1983 ketika menilai pengaruh aktiviti dakwah beliau di Rusila Terengganu. Walaupun beliau tidak berjaya menjadi Perdana Menteri seperti mana yang dijangkakan oleh majalah berkenaan, TGHH muncul sebagai tokoh ulama yang berwibawa sehingga ke peringkat antarabangsa. Peranan TGHH dalam menintegrasikan dakwah dan politik samada di dalam parti atau pemerintahan negara menunjukkan bahawa Islam mampu menafikan idealism sekular yang memisahkan agama dan politik. Ia juga membuktikan lebih jauh bahawa dengan bersandarkan kepada metlamat dakwah, sebuah parti Islam dapat menjadi lebih terbuka termasuk kepada pihak yang suatu ketika dahulu adalah lawan politiknya. Ketegasan mempertahankan dakwah Islam akan menyebabkan berlakunya perubahan dari sudut percaturan politik semasa. Apa yang penting kejayaan TGHH dalam melaksanakan pendekatan politik-dakwahnya membuktikan seorang ulama masih lagi tetap berpengaruh dalam sosial politik ummah.

## **Penghargaan**

Adalah diperakui bahawa hasil kerja ini sebahagiannya ditaja oleh dana Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental, (R.J130000.7853.5F411) serta Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui UTM Galakan Penyelidikan, (Q.J130000.3853.19J92). Terima kasih diucapkan.

## **Rujukan dan Bacaan Lanjut**

Newsweek pada tahun 1983.

Fiqh Siyasa Khalifah Abu Bakar aS-Sidiq (2021).

Budaya Politik Matang dan Sejahtera (2020)

Islam Adil Untuk Semua (2020).

Pemetaan Baru Dunia Islam (2021)

Berita Harian Jumaat 4 Jun 2021.

Kelantan: Universiti Politik Terbuka oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat,  
Nilam Puri, 1995 hal 145

Andainya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat masih hidup, beliau juga akan berkata perkara sama. Hanya kerana ada perkataan 'demokratik' pada nama DAP, tidak bermakna parti itu boleh berlaku adil, menjamin kebaikan atau keamanan. "Kita boleh terima teguran, kritikan dan nasihat jika kita buat salah dari segi nas, hadis atau tidak betul dari Qurannya. Tapi jangan sampai peringkat nak lawan semata-mata turut demokrasi. Ertinya demokrasi sudah bertukar jadi agama." (Baca Kelantan: Universiti Politik Terbuka oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat, Nilam Puri, 1995 hal 145).

Semasa hayatnya, beliau cuba mentarbiyah DAP mengenai negara Islam dan hukum hudud, tapi gagal. Selama menjalinkan hubungan politik lebih 20 tahun, DAP tetap menentang PAS sehingga berpecah Ogos lalu. DAP menolak hudud kerana menganggap hukum Islam yang diasaskan lebih 1,400 tahun lalu tidak boleh diguna dalam negara majmuk seperti Malaysia. Kata Nik Aziz, hujah DAP tak boleh dipakai.  
Berita Harian Jumaat 4 Jun 2021.





# **Halal Label, Halal Atribut Dan Perlindungan Pengguna Makanan Halal Di Malaysia Berdasarkan Akta Makanan 1983 dan Standard MS1500:2019**

Mustafa ' Afifi bin Ab. Halimi<sup>i</sup>, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh<sup>ii</sup>,  
Suraiya Osman<sup>iii</sup>, Abdullaah Jalil<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: afifi@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. mahyeddin@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. suraiya@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: abdullaah@usim.edu.my

## **Abstrak**

Industri makanan halal merupakan satu pasaran yang belum sepenuhnya diterokai dan ianya mempunyai potensi yang sangat baik pada masa hadapan. Ini disokong oleh pertambahan masyarakat Islam dunia yang dianggarkan berjumlah seramai 1,599,500,000 pada tahun 2010 dan dijangka meningkat sehingga 2,761,480,000 pada tahun 2050 (Berdasarkan dapatan Pusat Kajian *Pew*, USA) dengan nilai pasaran halal semasa dianggarkan mencecah USD 2.3 billion. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang dibangkitkan dalam industri makanan halal samada diperingkat domestik mahupun antarabangsa terutamanya berkaitan dengan penyalahgunaan label halal, halal atribut dan

kesalahan-kesalahan lain yang berhubung kait dengannya. Persoalan yang timbul, sama ada hak orang Islam dilindungi sepenuhnya di bawah undang-undang berkaitan halal dan apakah hak-hak yang diberikan oleh undang-undang jika berlaku pelanggaran terhadap undang-undang ini? Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji halal label berdasarkan Akta Makanan 1983 dan melihat sejauh mana undang-undang berkaitan makanan, khususnya Akta Makanan 1983 berperanan dalam isu berkaitan penyalahgunaan label halal. Selain daripada itu, adakah Standard Halal Malaysia MS1500:2019 dan Manual halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh dijadikan rujukan dalam isu label halal di bawah Akta Makanan 1983. Analisis dokumen digunakan untuk dapatan, dan hasil dapatan ini diharapkan dapat menambahbaik undang-undang makanan di Malaysia khususnya dalam perkara-perkara berkaitan makanan halal selain melindungi pengguna dari penyalahgunaan label halal.

**Kata kunci:** Halal, Undang-Undang Makanan, label, Perlindungan Pengguna, Undang-Undang Pengguna, Halal standard, Halal Manual.

## **Pendahuluan**

Label merupakan salah satu elemen yang penting dalam penyediaan makanan. Ianya berperanan sebagai salah satu usaha penyampaian maklumat kepada pengguna dan memberikan mereka peluang untuk membuat pilihan yang terbaik. Apabila pengeluar meletakkan label kepada sesuatu produk, maklumat yang dipaparkan merupakan maklumat yang penting kepada pengguna yang boleh menyebabkan mereka kekal membeli atau mengubah fikiran (Golan, Kuchler & Mitchell, 2001). Menurut Teisl & Roe (2016), pelabelan produk merupakan instrumen polisi kerajaan atau pihak lain yang mengawal pemberian maklumat tertentu kepada pengguna.

Label dan standard halal bagi setiap negara adalah berbeza, walaupun di negara Islam ada usaha di peringkat OIC untuk mewujudkan keseragaman, namun dari aspek pelaksanaan ada kekangan yang timbul (Ab Halim & Salleh, 2012). Di Malaysia, usaha penyeragaman pelabelan halal di Malaysia dipertanggungjawabkan kepada JAKIM dengan kerjasama JAIN dan MAIN (Ab Halim & Salleh, 2018).

Walaupun ada usaha diperingkat kerajaan untuk mengawal selia pelabelan halal di Malaysia, namun, sepertimana yang dilaporkan oleh media, terdapat begitu banyak penyalahgunaan yang melibatkan label halal. Contoh kes yang pernah dilaporkan oleh akhbar adalah seperti peniaga telah memperoleh logo halal tetapi kemudiannya menyalahgunakan logo tersebut, sijil pengesahan halal telah tamat tempoh atau syarikat sememangnya tidak pernah memperoleh sijil halal tetapi menggunakan sijil palsu (Ab. Halim et al. 2013).

Terdapat juga kes yang dilaporkan oleh media arus perdana yang mana terdapatnya perniagaan yang menggunakan logo halal untuk produk mereka tetapi hasil dari penyiasatan mendapati bahawa produk tersebut mengandungi alkohol atau asid deoksiribonukleik (DNA) babi diharamkan oleh Islam sebagai contoh, kes-kes yang dilaporkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkenaan hasil analisis yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia pada sampel produk HP Sos dan Tabasco Pepper Sos telah mengesahkan adanya asid deoksiribonukleik (DNA) babi di dalam kandungan produk tersebut, JAKIM sahkan mentega *Golden Churn Pure Creamery Butter* tidak halal dan tiga pengarah syarikat Rail Passion Sdn. Bhd. (Rail Passion) didakwa di Mahkamah Majistret atas dua tuduhan menjual kopi mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi di kedai minuman, Kluang Rail Coffee tanpa meletakkan pernyataan kewujudannya pada label pembungkusan kopi (Ab Halim et al. 2013).

Selain itu, terdapat juga kes di mana peniaga menggunakan nama-nama Islam yang boleh menyebabkan pengguna terkeliru bahawa produk itu merupakan produk halal atau telah mendapat

pensijilan halal seperti yang telah berlaku di dalam kes P. Ramly Burger pada tahun 2016 yang meletakkan nama P. Ramly sebagai jenama burger babi (Lim, 2016). Tidak lupa juga kes Jus Sunnah yang telah dibongkarkan pada tahun 2018 yang mengandungi bahan dadah terlarang iaitu steroid dexamethasone dan prednisolone yang diharamkan oleh Kementerian kesihatan Malaysia (Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Fazrik Kamarudin, 2018). Ini jelas menunjukkan ketidakprihatinan pihak yang tidak bertanggungjawab meremehkan status halal produk yang merupakan perkara yang penting kepada umat Islam.

Artikel ini akan melihat sejauh mana undang-undang makanan yang terpakai di Malaysia melindungi pengguna sekiranya berlaku penyalahgunaan label halal.

## **Penyalahgunaan Label Menurut Islam**

Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa berintegriti dan Amanah dalam menjalankan urusan niaga. Peniaga atau pengeluar yang menyalahgunakan label halal, sedangkan hakikatnya produknya tidak halal, telah menyalahi konsep Amanah yang ditegaskan dalam al-Quran menerusi firmanNYA:

**إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا**

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya)” (Surah al-Nisa; 58)

Menurut Imam al-Maraghi (1946), konsep amanah turut merangkumi amanah seorang individu terhadap manusia lain dan tidak menipu. Konsep ini amat berkaitan dengan isu yang sedang dibincangkan iaitu seorang pengeluar atau peniaga tidak sewajarnya membuat penipuan dalam konteks penyalahgunaan label halal. Selain itu menurut Sheikh Muhammad Rashid Redha (1990), amanah merupakan hak yang perlu ditunaikan oleh setiap *mukallaf* ke atas orang lain merangkumi harta dan ilmu

pengetahuan. Jika pengeluar atau peniaga itu seorang Muslim, maka haram baginya menyembunyikan maklumat secara penyalahgunaan label halal. Justeru, pemberitahuan maklumat sebenar sesuatu produk boleh dikira termasuk dalam pengertian Amanah ini.

Selain itu, unsur penipuan dalam perniagaan dilarang keras oleh baginda Rasulullah SAW. Di dalam sebuah hadis sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, terdapat sebuah kisah di mana Rasulullah jalan melintasi selenggok makanan. Baginda lantas memasukkan tangannya di dalam longgokan makanan tersebut dan mendapati jari jemarinya basah. Baginda selanjutnya bersabda:

((ما هذا يا صاحبَ الطَّعامِ؟ قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللَّهِ،  
قَالَ: أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ  
مِنِّي))

“Basahan apakah ini wahai pemilik (penjual) makanan? Peniaga itu berkata: “Makanan itu terkena air hujan ya Rasulullah”. Baginda bersabda: “Mengapa kamu tidak meletakkan yang basah ini di bahagian atas supaya orang ramai melihatnya? Sesiapa yang menipu bukanlah dari kalangan umatku” (Riwayat Muslim).

Menurut al-Khattabi (t.th), hadis di atas bermaksud sesiapa yang menjadikan tabiat menipu pelanggan sebagai amalan perniagaannya, ia telah terkeluar daripada jalan yang dibawa oleh Nabi SAW. Jelasnya, ia dianggap tidak tergolong dari kalangan umat baginda SAW. Penyalahgunaan label halal pada produk makanan boleh dikira termasuk dalam kategori menipu pelanggan. Dalam konteks pelabelan halal ini, Islam telah menggariskan etika-etika yang perlu diikuti bagi memastikan pengguna atau pelanggan produk halal mendapat perlindungan sewajarnya, antaranya adalah hak untuk mendapat maklumat yang benar tentang produk halal yang dibeli (Ab Halim & Salleh, 2020). Ini kerana label memainkan peranan penting dalam pemilihan produk oleh pelanggan.

## **Penyalahgunaan label halal pada makanan**

Terdapat pelbagai undang-undang di Malaysia yang mentadbir urusan perkara melibatkan label yang berkaitan dengan pengguna. Undang-undang perlindungan pengguna dan undang-undang makanan boleh dikuatkuasakan bagi melindungi pengguna dari penyalahgunaan label. (Pointing et. al 2008, Ab Halim et. al, 2019) Pelabelan makanan ini telah ada diperuntukkan dalam beberapa Akta seperti Seksyen 15 dan 16 Akta Makanan 1983, Seksyen 6 dan 7 Akta Perihal Dagangan 2011 dan Seksyen 8, 9 dan 10 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Fokus kertas kerja ini adalah untuk membuat analisis dan melihat sejauh mana peruntukan undang-undang berkaitan label yang diperuntukkan dalam Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 terpakai kepada pelabelan makanan halal dan selanjutnya melindungi pengguna dalam konteks pelabelan halal sekiranya berlaku pelanggaran terhadap penyalahgunaan label halal.

### **Adakah label halal pada produk makanan di takrifkan sebagai 'label' seperti mana peruntukan dalam Akta Makanan 1983?**

Seksyen 2 Akta Makanan 1983 mendefinisikan label sebagai 'meliputi apa-apa teg, jenama, tanda, benda bergambar atau perkara perihalan lain yang bertulis, bercetak, berstencil, bertanda, bercat, bercetak timbul atau dicap pada apa-apa makanan atau dilekatkan pada apa-apa makanan atau dimasukkan ke dalam makanan menjadi sebahagian daripada makanan atau disertakan dengan apa-apa makanan'. (Akta Makanan 1983, Seksyen 2)

Untuk melihat samada definisi ini terpakai kepada label halal, rujukan boleh dibuat kepada Perintah 4, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang menggariskan 2 perkara yang perlu dilaksanakan sebelum sesuatu produk makanan



itu boleh dilabel sebagai halal. Pertama, ianya mesti dilabel oleh pihak berkuasa (Perintah 4(1)(a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011) dan setelah berjaya dalam permohonan pensijilan halal baru boleh ditanda dengan label halal (Perintah 4(1)(b), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011). Berdasarkan kepada takrifan label di bawah Akta Makanan 1983 dan keperluan label halal yang diperuntukkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, label halal perlu memenuhi takrifan label sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Makanan 1983.

### **Perkara yang perlu dipenuhi bagi pensijilan label halal**

Pensijilan halal di Malaysia di tadbir urus oleh beberapa peruntukan undang-undang dan peraturan. Sebagai contoh, Perintah 6, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 memperuntukkan bahawa apa-apa makanan yang dilabel dengan label halal perlu dilabelkan dengan label sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Tambahan daripada itu, makanan yang dilabel perlu memenuhi keperluan makanan halal sepertimana yang diperuntukkan dalam Perintah 4 dan 5, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Selain itu, Standard MS1500:2009 (Digubal oleh SIRIM) dan Manual Pensijilan Halal (Digubal oleh JAKIM) juga memperuntukkan keperluan-keperluan khusus untuk pensijilan halal tetapi tiada peruntukan terperinci tentang pelabelan halal. Oleh itu, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 akan dirujuk kerana peraturan ini memperuntukkan perincian dalam pelabelan makanan secara umum dan label halal termasuk dalam kategori makanan dan sepatutnya juga tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

## **Pelabelan makanan secara umum di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (Di tadbir urus oleh Kementerian Kesihatan Malaysia)**

Bahagian ini akan melihat sejauh mana undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 terpakai dan memadai untuk melindungi kepentingan pengguna makanan halal. Bagi makanan yang mengandungi lembu, babi atau sumber daripadanya, atau lemak bersumber daripadanya, maka, perlulah dilabel di dalam kandungan label makanan dengan jelas. (Peraturan 11(1)(c), Peraturan-Peraturan Makanan 1985).

Ini kerana apa-apa makanan yang mengandungi babi atau lemaknya atau apa-apa yang bersumber daripadanya adalah tidak halal. Keadaan ini sama juga dengan lembu yang tidak disembelih mengikut hukum Syara, juga termasuk dalam kategori tidak halal. Selain daripada itu, klon, atau organisma terubah suai secara genetik (GMO) yang menggunakan genetik haiwan yang diharamkan untuk dimakan merupakan permasalahan terkini yang melibatkan makanan halal dan mendatangkan kekeliruan kepada pengguna khususnya pengguna Muslim. Sebagai contoh, organisma terubah suai secara genetik ini mungkin bercampur dengan genetik haiwan tidak halal seperti kacang soya yang dicambahkan bersama genetik babi untuk mendapatkan hasil kacang soya yang lebih baik (Ambali dan Bakar 2014, 20).

Sekiranya genetik haiwan yang diharamkan ini digunakan, ianya boleh dianggap sebagai mengandungi bahan yang bersumberkan sesuatu yang tidak halal dan hasil yang lahir daripadanya juga tidak halal. Ini juga terpakai kepada alkohol (Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Makanan 1985) di mana makanan yang mengandungi alkohol adalah tidak halal. Sekiranya makanan tersebut mengandungi alkohol, ianya adalah tidak halal kerana makanan halal tidak boleh mengandungi haiwan yang diharamkan seperti babi atau lembu yang tidak disembelih

mengikut hukum syara, alkohol atau apa-apa bahan yang memabukkan dan memudaratkan.

**Adakah piawaian label yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 terpakai kepada makanan halal.**

Label makanan perlu selari dengan piawaian yang ditetapkan untuk jenis makanan tersebut sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 15 Akta Makanan 1983 yang menyatakan seperti berikut:

Jika suatu standard telah ditetapkan bagi apa-apa makanan maka mana-mana orang yang membungkus, melabel atau mengiklankan, menyedia, apa-apa makanan yang tidak menepati standard itu, dengan sedemikian cara hingga mungkin makanan itu dikelirukan sebagai makanan daripada standard yang ditetapkan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Piawaian halal Malaysia telah ditetapkan oleh Standard MS 1500:2009 dan Manual Pensijilan Halal Malaysia. Persoalan yang timbul, adakah piawaian halal ini termasuk dalam piawaian di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Makanan 1985? Bagi menjawab persoalan ini, peruntukan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 perlu diteliti. Terdapat 10 Bahagian dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ini (Bahagian I – X). Bahagian VIII meliputi peruntukan berkaitan piawaian dan keperluan label bagi makanan-makanan tertentu. Terdapat 31 perkara yang meliputi piawaian dan pelabelan makanan seperti bijirin, susu dan produk tenusu, daging dan produk berkaitan daging, ikan dan produk berkaitan ikan dan lain-lain. Bagaimanapun, tiada piawaian dan pelabelan bagi makanan halal di dalam senarai ini dan terdapat kelompongan dalam piawaian makanan halal di bawah Peraturan-

Peraturan Makanan 1985 di mana tiada sebarang peruntukan atau rujukan yang di buat berkaitan makanan halal di dalam senarai tersebut. Ini secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan kepada pengusaha makanan dan boleh menjadi salah satu sebab mengapa penyalahgunaan label halal masih berlaku sehingga kini.

Merujuk kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, undang-undang berkaitan label dan pembungkusan makanan adalah terperinci dan kesalahan-kesalahan berkaitan pelabelan dan pembungkusan makanan pada kebiasaannya berlaku sekiranya terdapat kontaminasi selepas proses pelabelan atau pengusaha makanan sememangnya mempunyai niat untuk memperdaya pengguna dalam pelabelan makanan. Terdapat beberapa kes di mana kontaminasi dengan kandungan tidak halal dikatakan berlaku selepas proses penyediaan makanan selesai (Astro Awani 2014; Ministry of Health 2014; Mustapha 2014).

Walaubagaimanapun, Peraturan-Peraturan Makanan 1983 ini tidak terpakai kepada makanan halal berdasarkan kepada kelompongan dalam undang-undang yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu dalam aspek pelabelan makanan halal. Kelompongan ini boleh diperbaiki bagi memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pengguna dalam produk makanan halal. Ini disokong oleh Noriah (2010) yang menyatakan bahawa walaupun Peraturan-Peraturan Makanan 1985 mensyaratkan untuk dideklarasikan pelabelan bagi kandungan makanan yang mengandungi perkara yang tidak halal, peruntukan ini juga membantu dalam pengurusan penyediaan makanan halal (Ramli 2010, 14).

Terdapat beberapa contoh di mana tindakan di ambil terhadap penjual yang gagal memenuhi peruntukan di bawah Bahagian VI Peraturan Makanan 1985 tentang piawaian dalam pelabelan makanan. Dalam kes *Public Prosecutor v Lip Lock Yuen Co* [2000] 1 LNS 200, Respondan dalam kes ini telah didakwa disebabkan penjualan 2 paket buah-buahan yang dipaketkan yang

mengandung pemanis (*cyclamate*) yang dilarang di bawah Peraturan 133(2) Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Piawaian halal juga perlu dimasukkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 bagi memperkasakan perlindungan pengguna dalam makanan halal dan membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan oleh penguatkuasa Kementerian Kesihatan sekiranya berlaku pelanggaran terhadap piawaian ini.

### **Standard Makanan Halal MS1500:2019**

Perenggan 4.7 Standard Makanan Halal MS1500:2019 memperincikan keperluan pelabelan makanan halal di untuk tujuan 'pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan'. Perenggan ini menjelaskan bagaimana untuk membungkus, melabel dan mengiklankan makanan halal yang mana dinyatakan seperti berikut:

*Halal food shall be suitably packed. Packaging materials shall be Halal in nature and shall be made from any raw materials that are decreed as non-najs by Shariah law; it is not prepared, processed or manufactured using equipment that is contaminated with things that are najis as decreed by Shariah law; during its preparation, processing, storage or transportation, it shall be physically separated from any other food that does not meet the above requirements stated in the above items or any other things that have been decreed as najis by Shariah law; the packaging material does not have any toxic effect on the Halal food; packaging design, sign, symbol, logo, name and picture shall not be misleading and/or contravening the principles of Shariah law. Labelling material used in direct contact with the product shall be non-hazardous and Halal.*

Daripada perenggan ini, keperluan pelabelan makanan halal tidak jauh berbeza daripada keperluan pelabelan di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Walaubagaimanapun, Standard Makanan Halal MS1500:2019 memberikan perincian terhadap keperluan memenuhi tuntutan Syara' seperti menggunakan bahan-bahan yang tidak najis, simbol, logo dan nama yang digunakan tidak bertentangan dengan prinsip Islam yang mana tidak terdapat dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini, cadangan untuk memasukkan peruntukan berkaitan makanan halal atau di buat rujukan terhadap Standard Makanan Halal MS1500:2019 di dalam Bahagian V11 Peraturan-Peraturan Makanan 1985 bagi makanan halal akan membantu dalam memastikan penyedia makanan lebih berhati-hati apabila menyediakan makanan halal.

### **Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020**

Manual Halal Jakim adalah garis panduan yang disediakan untuk pegawai membuat pemeriksaan terhadap premis-premis makanan halal dan pengusaha makanan membuat rujukan tentang keperluan-keperluan dalam penyediaan makanan halal di Malaysia. Bagi tujuan perbincangan dalam artikel ini, fokus perbincangan adalah berkenaan perenggan 6. dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 berkaitan dengan pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan:

Bahan pembungkusan dan pelabelan hendaklah dipastikan halal, tidak mencemarkan produk dan selamat untuk kegunaan manusia; pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan hendaklah tidak melanggar prinsip-prinsip Hukum Syarak, tidak menonjolkan unsur-unsur tidak sopan yang bertentangan moral dan memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia; pelabelan hendaklah tidak

menggunakan pernyataan, lambang, istilah atau nama yang berunsurkan keagamaan dan ketuhanan seperti nama-nama Allah, makanan Sunnah, dewa dan seumpamanya; sebarang bentuk rajah atau ilustrasi haiwan yang dikategorikan sebagai najis mughallazah, berunsurkan keagamaan dan memberi implikasi negative kepada Pensijilan Halal Malaysia hendaklah tidak digunakan; pelabelan produk hendaklah sama sepertimana nama produk yang diisytiharkan dalam borang permohonan MYeHALAL; Setiap label pembungkusan hendaklah dicetak dengan terang dan jelas serta tidak mudah dipadamkan, sebarang tuntutan pada label produk hendaklah mematuhi perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;; pelabelan produk yang diproses dan dibungkus dalam negara hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dan boleh termasuk terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain; dan antara perkara yang perlu ada seperti nama produk, nama dan alamat pemegang SPHM; dan logo Halal Malaysia beserta nombor Malaysian Standard (MS) dan nombor rujukan fail.

Walaupun bagaimanapun, rujukan terhadap Manual ini hanyalah terpakai kepada pengilang atau pengusaha makanan yang mendapatkan sijil halal daripada JAKIM dan sekiranya ia melibatkan pemalsuan sijil atau penama menggunakan sijil palsu tanpa membuat permohonan kepada JAKIM, ia adalah di luar bidang kuasa mereka tetapi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Ini juga merupakan satu cabaran kepada JAKIM dalam menguatkuasakan pemantauan pensijilan halal di Malaysia.

### **Potensi pelanggaran undang-undang dalam pelabelan Makanan halal.**

Perbincangan seterusnya adalah untuk melihat sejauh mana liabiliti atau pelanggaran undang-undang yang akan timbul sekiranya

berlaku pelanggaran terhadap keperluan pelabelan makanan halal di Malaysia. Antara contoh kesalahan-kesalahan yang melibatkan label halal adalah penggunaan label halal palsu, sijil halal tamat tempoh dan/atau memasukkan atau mencampurkan kandungan yang tidak halal kepada produk makanan yang telah memperolehi sijil halal (Ab Halim et al. 2013). dan juga menggunakan unsur-unsur yang boleh mengelirukan pengguna pada label produk bagi menyatakan produk itu halal (Osman. S, Ahmad M.H & Jalil A. (2019).

### **Pelanggaran terhadap Akta Makanan 1983**

Akta Makanan 1983 digubal bertujuan untuk 'melindungi masyarakat dalam aspek kesihatan terhadap penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta apa-apa yang berkaitan dengannya' (*Preamble*, Akta Makanan 1983). Bahagian ini akan melihat samada timbul atau tidak pelanggaran terhadap undang-undang bagi pelanggaran terhadap keperluan pelabelan halal di bawah Akta Makanan 1983.

### **Samada penyalahgunaan label halal menjadi kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Makanan 1983.**

Seksyen 14(1) Akta Makanan 1983 adalah larangan untuk menjual makanan yang bukan daripada jenis, bahan atau kualiti yang diminta.

Makanan halal mempunyai bahan atau kualitinya yang tersendiri sebelum ianya boleh dilabel sebagai makanan halal. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang itu menjual sesuatu makanan yang lain dari jenis, bahan atau kualiti yang sepatutnya sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 14(1) Akta Makanan 1983 ini yang dinyatakan seperti berikut:

Mana-mana orang yang menjual apa-apa makanan yang bukannya dari jenis, atau bukannya dari bahan atau



bukannya dari kualiti (sebagaimana dinyatakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya) bagi makanan yang diminta oleh pembeli melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda atau kedua-duanya.

Walaubagaimanapun, tiada peraturan atau rujukan khusus yang dibuat terhadap pelabelan halal di bawah Akta Makanan 1983 berkaitan dengan jenis, bahan dan kualiti. Walaupun Seksyen 14(2) Akta Makanan 1983 menyatakan bahawa sekiranya ada peraturan di bawah Akta ini yang menetapkan apa-apa standard berkaitan jenis, bahan atau kualiti, dan pembeli dianggap telah meminta makanan yang mematuhi peruntukan peraturan-peraturan tersebut tapi ianya tidak terpakai kepada pelabelan makanan halal kerana tiada peraturan berkaitan standard makanan halal yang dinyatakan di bawah Akta Makanan 1983 dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Ini amat mengecewakan kerana halal mempunyai bahan dan kualitinya yang tersendiri berdasarkan kepada Standard Halal Malaysia dan Manual Pensijilan Halal Malaysia yang telah dibincangkan sebelum ini. Dengan itu, penyalahgunaan label halal tidak menjadi kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Makanan 1983.

**Samada penyalahgunaan label halal melanggar Seksyen 15 Akta Makanan bagi pelabelan yang tidak menepati label standard makanan sepertimana yang telah diiperuntukkan di bawah Bahagian VI Peraturan-Peraturan Makanan 1985.**

Tiada pelanggaran terhadap Seksyen 15 Akta Makanan 1983 kerana keperluan pelabelan standard halal tiada dalam Bahagian VIII Peraturan-Peraturan Makanan 1985 kecuali jika Peraturan-Peraturan Makanan 1985 ini dipinda dengan memasukkan atau membuat rujukan terhadap standard halal.

## **Samada penyalahgunaan label halal merupakan kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta Makanan 1983.**

Seksyen 16 Akta Makanan 1983 memperuntukkan bahawa:

'Mana-mana orang yang menyediakan, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan dengan suatu cara yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan sifat, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal-usul, lama atau bahagian kandungannya atau bersalahan dengan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda atau kedua-duanya.'

Peruntukan ini adalah peruntukan umum dan tiada disebut secara khusus tentang penyalahgunaan label halal. Oleh itu, penelitian perlu dibuat terhadap peruntukan ini untuk melihat samada penyalahgunaan label halal menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta Makanan 1983 ini.

Terdapat dua bahagian terhadap Seksyen 16 ini. Pertama, perlu wujud pemalsuan label, mengelirukan atau label yang memperdayakan. Kedua, pemalsuan; pengeliruan atau pemerdayaan ini adalah berkaitan dengan sifat, jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal-usul, lama atau bahagian kandungan makanan tersebut. Bagi beberapa perkara seperti jenis, bahan dan kualiti ada diperuntukkan dalam Seksyen 14 dan 15 Akta Makanan 1983 tetapi makanan halal tidak tertakluk kepada peruntukan Seksyen 14 dan 15 seperti yang dibincangkan sebelum ini kerana tiada peraturan atau rujukan yang dibuat terhadap standard halal dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Provisi ini juga agak samar pemakaiannya terhadap produk yang menggunakan unsur-unsur

Islam kerana tiada peruntukan yang jelas menyatakan bahawa unsur-unsur Islam pada label dan cap dagang seperti nama orang Islam atau lambang seperti kubah melambangkan kehalalan sesuatu produk. Namun demikian, jika produk tersebut membahayakan kesihatan atau mengandungi bahan terlarang atau beracun, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 adalah terpakai.

Menurut Seksyen 13 Akta Makanan 1983:

mereka yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang mempunyai bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1000,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Melalui sidang akhbar oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 5 November 2020, tindakan undang-undang telah diambil ke atas pengeluar atau pengedar yang tidak mematuhi Seksyen 13 di atas. Sebanyak empat daripada 16 jenama produk makanan yang tidak mematuhi undang-undang tersebut (Bernama, 5 Nov 2020). Antara jenama yang telah digunakan adalah Kopi Panggung Ambiak, Jus Saidina dan Tonik Tuan Haji. Jenama ini jelas telah menyalahgunakan unsur Islam demi menarik perhatian pembeli. Jelas terdapat label halal dipamerkan pada pembungkusan produk ini yang telah menyalahi prinsip asas halal yang seharusnya melambangkan kesucian dan keselamatan produk.

Walaubagaimanapun, terdapat keperluan-keperluan lain yang boleh diaplikasikan berdasarkan Seksyen 16, Akta Makanan 1983 dalam penyalahgunaan halal label bagi melindungi pengguna. Sebagai contoh keperluan berkaitan ketulenan atau bahagian kandungan makanan tersebut, tiada peruntukan terperinci berkenaan keperluan ini dan keperluan ini boleh diaplikasikan secara umum dalam isu berkaitan penyalahgunaan label makanan termasuk label halal. Makanan yang dilabel sebagai halal tidak boleh mengandungi kandungan yang tidak halal dan sekiranya

makanan tersebut dilabel sebagai halal, maka, berlaku penyalahgunaan label halal kerana keesahan makanan halal tersebut boleh dipertikaikan dan menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 16 Akta Makanan 1983. Walaubagaimanapun, sehingga ke hari ini, tiada tindakan penyalahgunaan label halal yang dikuatkuasakan dibawah peruntukan Seksyen 16 Akta Makanan 1983.

## **Cadangan dan Penutup**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa Akta Makanan 1983 dan Peraturan - Peraturan Makanan 1985 tidak sepenuhnya melindungi pelabelan makanan Halal. Walaupun halal di tadbir urus oleh pelbagai undang-undang yang berkaitan tetapi masih berlaku penyalahgunaan label halal. Undang-undang yang mentadbir urus makanan seperti Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sepatutnya memainkan peranan dalam memastikan ada peruntukan di bawah Akta Makanan yang membantu dalam mengawal selia pelabelan makanan halal.

Adalah di cadangkan untuk Akta Makanan 1983 ini dipinda dengan memasukkan peraturan atau rujukan terhadap bahan dan kualiti makanan halal dan seterusnya membolehkan sebarang penyalahgunaan label halal menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14 Akta Makanan 1983.

Bagi mengatasi permasalahan untuk membolehkan penyalahgunaan label halal dikuatkuasakan di bawah peruntukan Seksyen 15 Akta Makanan 1985, adalah diusulkan supaya keperluan pensijilan yang ditetapkan dalam Standard MS1500:2019 dan Manual Pensijilan Halal Malaysia juga dimasukkan dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 atau pun dibuat satu peruntukan untuk keperluan piawaian makanan halal ini perlu merujuk kepada Standard MS1500:2019 dan Manual Pensijilan Halal Malaysia. Ini boleh membantu dalam memperkasakan lagi peraturan makanan dan dalam masa yang sama memperkukuhkan lagi perlindungan

pengguna dalam produk halal. Sekiranya berlaku pelanggaran terhadap keperluan halal ini, tindakan boleh di ambil berdasarkan Seksyen 15 Akta Makanan 1983.

Berdasarkan kepada Seksyen 34 Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan mempunyai kuasa untuk membuat pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Makanan 1985 bagi menambahbaik peruntukan sedia ada sebagai contoh, berdasarkan Seksyen 34(a):

‘untuk menetapkan standard, komposisi, kekuatan, potensi, ketulenan, kualiti, berat, kuantiti, tempoh penggunaan atau lain-lain sifat bagi apa-apa makanan atau apa-apa ramuan atau komponennya’

Memandangkan telah pun wujud standard label halal di dalam standard makanan halal MS1500:2019, Menteri yang berkuasa boleh memasukkan standard halal ini di dalam peraturan-peraturan Makanan 1985 ataupun rujukan dibuat di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 di mana label berkaitan halal adalah merujuk kepada standard halal MS1500:2019.

Berdasarkan kepada perkembangan industri halal masa kini, selain daripada cadangan yang diutarakan di atas, undang-undang berkaitan pelabelan halal juga perlu diteliti dan dipastikan keberkesanan pelaksanaannya supaya pengguna tidak teraniya dan tertipu dengan isu-isu berkaitan penyalahgunaan label halal.

## **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Undang-undang berkaitan pelabelan dan pemasaran produk: Penilaian dan cadangan pindaan menurut Maqasid Syariah” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0217/051000/12418).

## Rujukan

- Ab Halim, Mustafa Afifi dan Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, "The possibility of uniformity on halal standards in organization of Islamic Countries (OIC) country" *World Applied Sciences Journal*, 2012.
- Ab Halim, Mustafa Afifi, Kamilah Wati Mohd, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Asming Yalawae, Syed Mohd Najib Syed Omar, Azlin Alisa Ahmad, Mohd Kashim, dan Aida Sobri. 2013. "Perlindungan Pengguna Produk Halal Di Malaysia: Isu dan Cabaran Penguatkuasaan Pensijilan Halal." In *International Conference on Consumerism (ICC) 2013*.
- Ab Halim, Mustafa Afifi dan Mohd Salleh, Mohd Mahyeddin "Peranan JAKIM dan JAIN dalam kes yang melibatkan penyalahgunaan label halal pada produk makanan" *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 2018.
- Ab Halim, Mustafa Afifi, HM Dahalan & MZ Awang, "Legal status of Malaysian logo and the application of Malaysian laws to the misuse of the halal logo", 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) KUIS, 24 September 2019
- Ab Halim, MA & Mohd Salleh MM, "Consumer rights in Halal products: A study based on legal and Syariah perspectives, *Food Research* 4 (Suppl. 1): 281-290.
- Al-Khattabi, Abi Sulaiman (t.th). *Ma'alim al-Sunan*. Maktabah Syamilah.
- Al-Maraghi, Ahmad bin Mustafa (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Maktabah al-Bab al-Halabi.
- Ambali, Abdul Raufu, dan Ahmad Naqiyuddin Bakar. 2014. "People's Awareness on Halal Foods and Products: Potential Issues for Policy-makers." *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 121 (September 2012): 3–25. doi:10.1016/j.sbspro.2014.01.1104.
- Astro Awani. 2014. "Kenyataan media berkenaan keputusan ujian DNA babi dalam produk Cadbury." *Astro Awani*, Juni 2, sec. Laman Utama.

<http://www.astroawani.com/news/show/kenyataan-media-berkenaan-keputusan-ujian-dna-babi-dalam-produk-cadbury-37022>.

- Department of Standards Malaysia. 2009. *MS 1500:2009 Halal Food - Production, Preparing, Handling and Storage - General Guidelines (Second Revision)*.
- Golan, E., Kuchler, F., Mitchell, L., Greene, C. and Jessup, A. (2001). Economics of Food Labeling. Agricultural Economic Report No. 793. United States: Economic Research Service, U.S. Department of Agriculture.
- Lim, S. J. Z. and I. (2016). Ninja Joe's 'P Ramly' burger broke halal food law, Jais says. Malay Mail. Retrieved from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/10/27/ninja-joes-p-ramly-burger-broke-halal-food-law-jais-says/1237625>
- Md Denin M.J.A. and Fazrik Kamarudin. (2018). Produk Sunnah Tauke Haram. Harian Metro.
- Ministry of Health. 2014. "Ministry of Health Result report for cadbury product."
- Muhammad Rashid Redha (1990). *Tafsir al-Manar*. Mesir: Hai'ah Misriyyah al-Ammah lil Kitab.
- Mustapha, Muzdalifah. 2014. "KP Kesihatan jelas isu coklat Cadbury."  
[http://ww3.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140605/dn\\_27/KP-Kesihatan-jelas-isu-coklat-Cadbury](http://ww3.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140605/dn_27/KP-Kesihatan-jelas-isu-coklat-Cadbury).
- Pointing, John, Yunes Teinaz, dan Shafi Shuja. 2008. "Illegal labelling and sales of halal meat and food products." *Journal of Criminal Law*, 206–14.
- Ramli, Noriah. 2010. "Laws and Regulations on Halal Production."  
[http://irep.iium.edu.my/16117/1/HALAL\\_LEGAL\\_CONTROL-USIM-HDC\\_HEP\\_1\\_2010-2.pdf](http://irep.iium.edu.my/16117/1/HALAL_LEGAL_CONTROL-USIM-HDC_HEP_1_2010-2.pdf).
- Osman, S., Ab. Rahman, S. and Jalil, A. (2020). Issues in halal food product labelling: a conceptual paper. *Food Research 4 (Suppl. 1): 214-219*.

Osman, S., Ahmad, M.H. and Jalil, A. (2019). Penggunaan unsur Islam dalam Perniagaan: analisa Dari perspektif Syariah. *Journal of islamic Social Sciences and Humanities*, 17 (Special Edition), 39-51.

Teisl, M. and Roe, B. (1998). The Economics of Labeling: An Overview of Issues for Health and Environmental Disclosure. *Agricultural and Resource Economics Review*, 27(2), 140-150

Public Prosecutor v Lip Lock Yuen Co [2000] 1 LNS 200

Akta Makanan 1983

Akta Perihal Dagangan 2011

Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011

Akta Perlindungan Pengguna 1999

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

MS1500:2019







# **Kerangka Pembangunan Kesejahteraan Suri Rumah Berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Ila Nursalida Ali Amran<sup>1</sup>, Zilal Saari<sup>2,3</sup>

Calon Doktor Falsafah, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur. Email: ilanursalida@yahoo.com

<sup>2</sup> Pensyarah kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur. Email: zilal@utm.my

Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Ibnu Sina Institute For Scientific And Industrial Research (ISI-SIR), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

## **Abstrak**

Penyertaan wanita dalam aliran pendidikan tertiar adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Namun penglibatan mereka dalam bidang pekerjaan profesional direkodkan lebih rendah. Ianya bertentangan dengan Teori Modal Insan yang menjangkakan peningkatan penglibatan dalam bidang kerjaya bagi individu yang memiliki latar belakang pendidikan tinggi. Peranan berganda yang dipikul wanita menyebabkan mereka meninggalkan kerjaya atau membuat keputusan untuk tidak menyertai lapangan kerjaya. Bagi wanita yang telah berkahwin dan mempunyai anak usia kecil khususnya, keputusan menjadi suri rumah sepenuh masa menjadi pilihan. Berdasarkan kajian lepas, suri rumah didapati mengalami masalah berkaitan kesejahteraan. Kajian ini dijalankan bagi membangunkan kerangka kesejahteraan suri rumah yang diserap berpandukan Falsafah Pendidikan Negara. Elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek diserap sebagai pembangunan aspek kesejahteraan suri rumah berasaskan kerangka tauhid.

**Kata kunci:** kesejahteraan, suri rumah, falsafah pendidikan kebangsaan, peran ganda

## **Abstract**

The participation of women in tertiary education is higher than men. However, their involvement in professional employment was recorded lower. This is contrary to Human Capital Theory which expects increased involvement of individuals with higher education backgrounds in career. Due to the multiple roles that women play resulted them to leave their careers or decided not to join career field. For women who are married with young children, the decision to become a full -time housewife is an option. Based on past studies, housewives were found to have problems related to well -being. This study was conducted to outline the elements of well-being absorbed based on the National Education Philosophy. Physical, emotional, spiritual and intellectual elements are absorbed for the development of housewife well-being based on the tauhidic framework.

**Keywords:** well-being, housewife, national education philosophy, dual-role

## **Pengenalan**

Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2019 merekodkan kadar enrolmen kasar wanita dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat tertiar adalah sangat memberangsangkan sekitar 50.3%. Dengan nisbah hampir 60:40, kadar ini adalah lebih tinggi dari lelaki iaitu 37.8%. Namun begitu penglibatan wanita di bidang pekerjaan professional pula adalah rendah berbanding lelaki iaitu hanya 44.3% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Walaupun perbezaan peratusannya kecil, ia menunjukkan bahawa wanita yang memiliki ijazah di peringkat tertiar tidak mengutamakan penglibatan dalam bidang pekerjaan secara professional semata-mata selepas tamat pembelajaran.

Secara umumnya wanita yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi diramal menyertai lapangan kerjaya selepas tamat pembelajaran. Penglibatan wanita dalam tenaga buruh negara menjadi perhatian sejak selepas kemerdekaan dan ianya adalah satu keperluan pada masa kini. Demi pertumbuhan ekonomi yang mampan wanita seharusnya berganding bahu bersama lelaki melibatkan diri dalam pasaran buruh bagi meningkatkan perkembangan ekonomi negara (Suhaida Mohd Amin et al., 2019).

Negara dijangka akan mengalami kerugian jika wanita tidak menyertai pasaran buruh (Norehan Abdullah et al., 2012).

Ini selari dengan Teori Modal Insan (Becker, 1962) yang menjangkakan penglibatan individu berpendidikan tinggi dalam lapangan kerjaya adalah sebuah bentuk pelaburan kepada negara. Pelaburan masa yang dibuat dalam tempoh pembelajaran mendatangkan pulangan dalam bentuk tawaran kewangan meningkatkan kebarangkalian wanita menyertai lapangan kerjaya (Norehan Abdullah et al., 2012). Dalam erti kata lain lebih tinggi penyertaan dalam bidang pendidikan, lebih baik ganjaran kewangan yang diterima seterusnya menambah baik perkembangan ekonomi negara (Gillies, 2015). Lebih banyak pelaburan yang dibuat dalam pendidikan perkembangan ekonomi negara dijangka menjadi lebih baik.

Namun begitu, statistik dari pada Jabatan Perangkaan Malaysia, (2020) tidak menunjukkan data yang selari dengan pernyataan Teori Modal Insan (Becker, 1962). Individu yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi khususnya wanita direkodkan tidak menyertai lapangan kerjaya selepas tamat pembelajaran. Kajian lepas menunjukkan salah satu sebab utama wanita meninggalkan kerjaya atau memilih untuk tidak bekerja adalah kerana ingin menumpukan perhatian kepada keluarga dan pengasuhan anak-anak (Haryana Rozana Abd Rahim, 2015 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2017; Tomescu-Dubrow et al., 2019). Disebabkan faktor umur anak yang masih kecil dan kurang fasiliti penjagaan kanak-kanak yang berkualiti menyebabkan wanita tidak menyertai lapangan kerjaya dan membuat keputusan sebagai suri rumah sepenuh masa (Norehan Abdullah et al., 2012 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2017 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2016).

Wanita secara umumnya menjalankan peranan tradisi menguruskan hal ehwal rumah tangga seperti memasak, mengemas, membasuh, mengasuh dan mendidik anak-anak (Skoog, 2017). Tugas ini tetap digalas oleh wanita khususnya ibu walaupun mereka terlibat dalam lapangan kerjaya (Noraini M. Noor, 2003 ; Suhaida Mohd Amin et al., 2019). Penglibatan wanita dalam lapangan kerjaya menyebabkan wanita terpaksa memainkan peranan berganda. Peranan berganda ini dilaporkan mendatangkan beban buat mereka (Suhaida Mohd Amin et al., 2017).

Bagi memainkan peranan berganda ini, wanita yang memilih untuk bekerja harus memiliki kemahiran yang tinggi dalam aspek

pengurusan diri, emosi, kerjaya, keluarga, jagaan anak-anak dan urusan rumahtangga yang lain (Harlina Halizah Siraj, 2014). Dengan hal demikian, tidak semua wanita mampu menggalas peranan yang pelbagai dalam satu masa. Menyeimbangkan antara peranan yang ada adalah kesukaran bagi sesetengah wanita (Haryana Rozana Abd Rahim, 2015).

## **Latar Belakang Masalah**

Dalam mengendalikan pengurusan peranan yang pelbagai, Chrouser Ahrens dan Ryff, (2006) mengetengahkan dua teori peranan yang mempengaruhi kesejahteraan. Teori tersebut adalah teori penipisan (*depletion*) dan pengkayaan (*enrichment*). Menurut Chrouser Ahrens dan Ryff, (2006), peningkatan peranan yang pelbagai membawa kepada ketegangan dan bebanan berlebihan. Oleh sebab itu, teori penipisan (*depletion*) menyatakan, peranan yang pelbagai meningkatkan tahap tekanan fizikal dan mental (Sumra & Schillaci, 2015). Dalam masa yang sama, teori penipisan (*depletion*) ini juga dikaitkan dengan tahap kepuasan hidup yang rendah. Ini adalah disebabkan jumlah peranan yang rendah disumbangkan kepada keluarga dan masyarakat (Hori, 2017 ; Sumra & Schillaci, 2015). Teori pengkayaan (*enrichment*) menyatakan individu yang memainkan peranan pelbagai mempunyai tahap tekanan yang rendah dan mempunyai kepuasan hidup yang tinggi. Hal ini berikutan peranan yang pelbagai melahirkan rasa prestij, peningkatan kesejahteraan peribadi, rasa berkemampuan dan berketrampilan (Thoits, 1983).

Berdasarkan teori peranan ini, jelas kelihatan wanita mempunyai konflik dalam menjalankan peranan yang mereka galas. Untuk memainkan peranan pelbagai, sebilangan wanita merasakan ianya suatu bebanan yang berat. Seterusnya mereka memilih untuk mengurangkan peranan yang ada. Namun dalam masa yang sama, berpandukan teori peranan penipisan (*depletion*), peranan sedikit yang dimainkan membuatkan wanita merasa rendah diri, tidak berupaya, tidak memberi manfaat dan tidak berketrampilan. Akan tetapi kesihatan diri dari aspek penjagaan fizikal dan mental harus menjadi keutamaan dan kepentingan.

Cabrera, (2007) melaporkan fokus wanita terhadap kerjaya berubah apabila cuba menyeimbangkan antara kerjaya dan rumahtangga. Wanita khususnya ibu terpaksa memilih peranan

yang menjadi fokus utama. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1988) kerjaya khusus bagi wanita bergelar isteri dan ibu adalah fokus kepada sesuatu yang sesuai dengan tabiat keperempuannya. Maka, wanita yang ingin fokus kepada satu kerjaya memilih suri rumah sepenuh masa menggantikan kerjaya sedia ada yang digalas sebelum ini. Ini diperkukuk dengan pandangan bahawa wanita berkerjaya peringkat pertengahan lebih berminat mencapai keseimbangan dan kepuasan dalam kehidupan melalui pekerjaan yang dilakukan (Cabrer, 2007).

Walaupun kerjaya sebagai suri rumah adalah sebuah pilihan bagi mencapai keseimbangan dalam kehidupan, namun realiti yang dihadapi oleh seorang suri rumah tidaklah seindah dan semudah yang disangka. Suri rumah kelihatan hanya menjalankan satu peranan sahaja di rumah, namun hakikatnya tugas suri rumah itu sendiri adalah cukup banyak dan berat. Menurut Sumra dan Schillaci (2015), kebanyakan sorotan literatur tidak menyebutkan kepelbagaian dan kerumitan peranan yang wujud dalam tugas seorang suri rumah. Hakikatnya, peranan sebagai ibu, isteri, pengasuh anak-anak dan pengurus rumahtangga mempunyai sumbangan dan tahap ketegangannya yang tersendiri.

Justeru, menggalas jawatan sebagai seorang suri rumah dan memainkan peranan yang berkaitan dengannya dilaporkan mempengaruhi tahap kesihatan individu dari segi kesejahteraan mental dan fizikal (Sumra & Schillaci, 2015). Berdasarkan teori peranan (Chrouser Ahrens & Ryff, 2006) yang disebutkan sebelum ini, tugas suri rumah jika dilihat dari segi kuantiti peranan yang dimainkan boleh meningkatkan dan menurunkan tahap kesejahteraan dalam masa yang sama. Persoalannya, bagaimanakah suri rumah mampu mencapai tahap kesejahteraan yang optimum dalam memainkan perannya sebagai ibu, isteri, pengasuh anak-anak dan pengurus rumahtangga?

### **Objektif kajian**

Kajian ini dijalankan bagi membangunkan kerangka kesejahteraan berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen kesejahteraan yang digariskan dapat membantu suri rumah mencapai kesejahteraan dan keseimbangan dalam kehidupan.

## Sorotan Literatur

Definisi suri rumah

Kitterød dan Rønsen, (2013) menyatakan pengistilahan yang tepat berkaitan suri rumah jarang direkodkan dalam kebanyakan kajian literatur. Namun begitu suri rumah boleh didefinisikan berdasarkan fahaman persepsi tentang pekerjaan dan bilangan waktu bekerja (Kitterød & Rønsen, 2013). Persepsi masyarakat umum mendefinisikan wanita yang tidak bekerja sebagai suri rumah (Kitterød & Rønsen, 2013 ; Mikucka, 2011). Sebagai contoh, masyarakat di Poland mengkategorikan wanita yang tidak mempunyai sebarang kerjaya rasmi adalah suri rumah (Tomescu-Dubrow et al., 2019). 5.5 juta daripada 19 juta wanita di Poland tidak bekerja dan mereka menjalankan tugas suri rumah sebagai kerjaya.

Tugas tradisi yang dijalankan oleh wanita seringkali dikaitkan dengan suri rumah. Ianya meliputi tugas seperti memasak, membasuh, mengemas dan mengasuh (Skoog, 2017). Namun secara khusus wanita sebagai suri rumah menumpukan tugas berkaitan pengasuhan dan pendidikan anak-anak sebagai fokus utama (Mikucka, 2011). Ini dibuktikan dengan fenomena sebahagian wanita akan memilih untuk keluar dari pasaran buruh selepas berkahwin dan mendapat anak pertama (Hori, 2017 ; Zhou, 2019). Mereka mengutamakan keluarga dan anak-anak mengatasi pendapatan kewangan hasil dari kerjaya di luar rumah (Dillaway & Pare, 2008 ; Zhou, 2019).

Definisi lain bagi suri rumah ialah wanita yang bekerja kurang dari 20 jam seminggu (Kitterød & Rønsen, 2013). Mereka dikategorikan sebagai suri rumah kerana mempunyai lebih banyak masa melakukan tugas-tugas suri rumah berbanding tugas kerjaya di luar rumah. Tugas domestik wanita di dalam rumah tidak ditafsirkan sebagai pekerjaan rasmi. Ianya tidak dianggap sebagai kerjaya kerana pekerjaan yang terlibat dengan bayaran upah sahaja dianggap sebagai kerjaya yang produktif (Jalilah Md. Shah, 2010). Sangatlah menyedihkan apabila pekerjaan tanpa upah dianggap tidak penting walaupun ianya adalah suatu pekerjaan yang sangat berat (Lebert-Charron et al., 2018), memerlukan skill dan latihan yang intensif (Kenneskog, 2016) dan memakan masa yang panjang untuk diselesaikan berbanding masa formal pekerja pasaran buruh (Jalilah Md. Shah, 2010).

### Kesejahteraan suri rumah

Dari sudut pandang ekonomi, kerjaya dilihat sebagai salah satu faktor yang meningkatkan kesejahteraan individu disebabkan ganjaran kewangan yang diperolehi (Mikucka, 2011). Namun, kerjaya suri rumah bukanlah sebuah kerjaya yang mendatangkan pulangan kewangan. Tugas suri rumah dijalankan tanpa upah dan secara percuma. Walaupun sebenarnya kerjaya suri rumah adalah sebuah bentuk penjimatan, akan tetapi mereka dipandang rendah dan sinis oleh sebahagian masyarakat yang mementingkan kebendaan dan material. Seinggakan masyarakat memandang wanita bekerja yang mendapat ganjaran kewangan adalah lebih tinggi daripada wanita suri rumah yang hanya melakukan kerja-kerja di rumah (Jalilah Md. Shah, 2010).

Suri rumah seringkali dikaitkan dengan kusam dan penakut (Skoog, 2017). Ini adalah kerana mereka diperhatikan mempunyai kurang peluang bersosial dengan golongan dewasa berbanding wanita bekerja. Mereka seringkali dilihat lemah dan mempunyai tahap kecekapan yang rendah sehingga harus dipelihara dan diberi perhatian sepenuhnya (Dillaway & Pare, 2008). Namun begitu, kecekapan suri rumah terbukti terarah kepada tugas-tugas yang berkaitan dengan kemahiran mereka (Ridgeway & Correll, 2004). Suri rumah cekap dalam bidang pengasuhan anak-anak dan pengurusan rumahtangga. Persepsi sosial yang menghukum suri rumah dengan pandangan negatif merendahkan tahap kesejahteraan suri rumah (Bjuggren & Henrekson, 2018).

Beja, (2014) menjalankan kajian mengenai perbandingan tahap kebahagiaan suri rumah dan wanita berkerjaya. Hasil kajian tersebut memberi dapatan yang neutral. Kedua-dua wanita bekerja dan suri rumah adalah bahagia. Namun kebahagiaan itu ditentukan oleh keadaan sosial dan budaya negara masing-masing. Menurut Beja, (2014) kebahagiaan diukur dengan menilai tahap kepuasan hidup. Dalam kajian tersebut Beja (2014) melaporkan di Eropah Timur, bekerja sepenuh masa adalah lebih memberi kepuasan hidup berbanding di Afrika dan Timur Tengah. Manakala wanita di Asia lebih memilih bekerja sendiri kerana bebas mengurus masa yang mereka ada untuk melakukan kerja-kerja di rumah dan di luar rumah.

Apabila membandingkan kepuasan hidup bagi wanita bekerja dengan suri rumah sepenuh masa, Okulicz-Kozaryn dan

da Rocha Valente, (2018) menyatakan suri rumah adalah lebih bahagia. Namun kajian tersebut memperincikan suri rumah muda kurang bahagia berbanding suri rumah yang lebih berusia. Akan tetapi Jindal, (2017) melaporkan kepuasan hidup suri rumah dan wanita bekerjaya tidak mempunyai perbezaan. Ini adalah kerana, kepuasan hidup ditentukan oleh keadaan keluarga, masyarakat dan negara.

Dari segi kesihatan mental, suri rumah didapati mempunyai peratusan keresahan yang lebih tinggi berbanding wanita bekerjaya sebanyak 45.1 peratus. Suri rumah juga dicatatkan mengalami depresi sebanyak 34.7 peratus dan tekanan sebanyak 39.4 peratus (Rafidah Abdullah Hassan & Nur Islami Mohd Teng, 2020). Selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mehfooz Ahmad dan Aqeel Khan, (2018) suri rumah didapati mempunyai kadar kesihatan mental yang rendah berbanding wanita berkerjaya. Dalam nota yang berbeza, kajian yang dijalankan di Kerala oleh Harilal dan Santhosh (2017) dan kajian yang dijalankan oleh Hassim dan Mustafa (2010) di Selangor, tahap tekanan wanita bekerjaya adalah lebih tinggi berbanding suri rumah. Ini menunjukkan tahap kesihatan mental wanita tidak dipengaruhi sepenuhnya oleh faktor kerjaya mereka, akan tetapi tahap intensiti tugas yang dilakukan.

Suri rumah yang terikat dengan tugas domestik semata-mata menyebabkan mereka mempunyai jaringan sosial yang rendah. Impaknya suri rumah dikenalpasti mempunyai nilai estim diri yang rendah, depresi dan tekanan (Mehfooz Ahmad & Aqeel Khan, 2018). Kajian yang dijalankan oleh Nabila et al., (2013) juga mendapati suri rumah berpendidikan tinggi mempunyai nilai estim diri yang rendah berbanding wanita bekerjaya. Namun begitu Saldaña-Orozco et al., (2019) menyatakan tiada perbezaan yang signifikan antara suri rumah dan wanita bekerja dari segi nilai estim diri.

Berdasarkan sorotan literatur yang dinyatakan, jelas menunjukkan tahap kesejahteraan suri rumah berbeza bergantung kepada pelbagai faktor. Secara perbandingan, kesejahteraan suri rumah dan wanita bekerjaya adalah neutral bagi kedua-dua faktor kerjaya. Tanpa mengira peranan yang digalas samada wanita berkerjaya ataupun suri rumah sepenuh masa, wanita tetap menghadapi cabaran dalam mencapai kesejahteraan hidup masing-masing. Ini membuktikan kesejahteraan seseorang wanita tidak ditentukan oleh peranan yang mereka mainkan. Sorotan kajian



lepas juga menegaskan, kajian secara mendalam dan khusus tentang ideologi kesejahteraan hidup suri rumah tanpa perlu membandingkannya dengan wanita bekerjaya adalah penting dan perlu diberi perhatian menyeluruh (Dillaway & Paré 2008).

### **Falsafah Pendidikan kebangsaan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dibentuk sebagai asas pembangunan sistem pendidikan di Malaysia. Pendidikan di Malaysia berkembang dengan baik berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Sapie Sabilan et al., 2018). Pada peringkat permulaan, nama Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirujuk sebagai Falsafah Pendidikan Negara. Ianya digubal pada 1988 dan disemak pada 1996 bagi penambahbaikan dan pemantapan (Saharia Ismail, 2015).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi teras dan panduan bagi merangka aktiviti pendidikan di Malaysia (Muhammad Nurfahmi Mohamed et al., 2011). Berdasarkan falsafah yang jelas, hala tuju proses pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih terarah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi sumber inspirasi kepada semua rancangan pembinaan dalam konteks pendidikan (Sapie Sabilan et al., 2018). Silibus pembelajaran, aktiviti di dalam dan di luar kelas dirancang berpandukan pernyataan yang disebutkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ianya demi mencapai matlamat bagi melahirkan individu yang cemerlang, harmonis, sejahtera dan seimbang.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan dirumus secara terperinci dan khusus sebagai panduan sistem pendidikan yang unggul (Sufean Hussin, 1993). Falsafah Pendidikan Kebangsaan dinyatakan seperti berikut,

*"Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara"* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Berdasarkan pernyataan di atas, asas utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah kepercayaan kepada Tuhan dan kepatuhan terhadap perintahnya. Ianya ditunjangi dengan matlamat tauhid bagi mencungkil potensi individu dalam mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni. Memberi fokus terhadap elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek akan melahirkan rakyat yang cerdas akal, bertanggungjawab dan sejahtera. Impaknya, masyarakat secara keseluruhan dapat hidup dengan makmur dan harmoni.

Suri rumah sebagai ahli dalam masyarakat wajar membangunkan kesejahteraan diri berpandukan falsafah yang sama. Abdullah Nasih Ulwan, (1988) menyatakan penyair Arab menyebut,

الأم مدرسة إذا أعددتها أعددت شعباً طيب الأعراق  
*Sang ibu itu samalah dengan sekolah, jika anda pandai  
menyesuaikannya samalah seperti anda membangunkan  
suatu umat yang baik keturunannya.*

Ibu memainkan peranan seperti sekolah yang juga membangunkan umat yang baik dari keturunannya. Ibu adalah sekolah pertama yang memberi pendidikan kepada anak-anak sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan yang sebenar. Dalam kata lain, pendidikan bermula dari rumah dan pendidik utama di rumah adalah ibu. Selaras dengan definisi suri rumah yang memberi penumpuan utama kepada pendidikan anak-anak, suri rumah disaran menerapkan elemen kesejahteraan yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan demi kesejahteraan dirinya sendiri. Suri rumah yang seimbang, harmoni dan sejahtera kelak akan melahirkan generasi yang cemerlang, berakhlak mulia dan berketerampilan.

## **Perbincangan**

Elemen kesejahteraan suri rumah di Malaysia dibangunkan atas empat elemen penting iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Empat elemen penting ini menjadi pemangkin suri rumah sejahtera yang seimbang dan harmonis. Elemen ini diadaptasi daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat melahirkan insan kamil melalui pendidikan (Saharia Ismail, 2015). Ini adalah kerana falsafah ini dilihat lengkap bagi melahirkan insan sempurna

seperti mana yang difirmankan oleh Allah SWT dalam Surah At- Tin ayat 4,

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ  
*"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya" (Quran 95:4).*

Allah telah menciptakan manusia dengan kejadian yang sempurna. Lengkap segala anggota tubuh badannya, akal fikirannya dan kecerdasan dirinya. Kesempurnaan yang Allah ciptakan adalah agar manusia mampu menjalankan tugas pengkhalifahan dan pengabdian kepada Allah SWT seperti yang diperintahkan (Wahbah Mustaffa Al Zuhaily, 2001). Justeru, suri rumah yang sempurna kejadiannya wajar memanfaatkan seluruh anggotanya membangunkan kesejahteraan diri demi kepentingan keluarga dan masyarakat berpandukan syariat yang telah ditentukan.

Suri rumah sebagai ibu yang merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam pembangunan kesejahteraan dirinya akan melahirkan keluarga yang baik selaras dengan matlamat yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Saharia Ismail, 2015). Matlamat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah melahirkan individu masyarakat yang terdidik dengan pelbagai kemahiran, matang berfikir dan bertanggungjawab (Sufean Hussin, 1993). Kesepaduan kesejahteraan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sepertimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat melahirkan suri rumah yang berketrampilan dalam menjalani kehidupan bersama orang lain secara harmonis dan seimbang (Mohd Fathi Adnan et al., 2011).  
Kesejahteraan Jasmani

Pepatah arab menyebutkan "*Aqal yang sihat bergantung kepada fizikal badan yang sihat*". Ini bermaksud, kekuatan badan menandakan kekuatan akal. Akal yang waras pula memacu kesejahteraan diri yang sempurna (Saharia Ismail, 2015). Demi mencapai kesejahteraan diri yang optimum dan sempurna suri rumah disaran bersenam dan menjalankan aktiviti fizikal secara konsisten dan berkala (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017). Berdasarkan soroton literatur Skoog (2017), mendapati suri rumah kusam dan muram kerana mereka tidak mendapat peluang yang banyak bersosial dengan rakan dewasa yang sebaya. Demi

mencapai kesejahteraan jasmani, melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelawanan, menjalankan aktiviti kemasyarakatan, bersenam dan bersukan dapat memberi ruang kepada suri rumah meningkatkan kesejahteraan diri.

Jadual masa suri rumah adalah fleksibel. Berdasarkan kelebihan itu, suri rumah wajar menyusun waktu dengan baik dan mencari ruang bagi menjalankan aktiviti fizikal seperti yang disarankan. Kesihatan yang optimum membolehkan suri rumah menguruskan rumahtangga, anak-anak dan pasangan dengan baik. Ianya menzahirkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Suri rumah yang menitik beratkan penjagaan kesihatan diri dipercayai dapat menjalinkan hubungan jaringan sosial yang baik dengan masyarakat, berkemahiran dan berbakat (Mohd Fathi Adnan et al., 2011).

### Kesejahteraan Emosi

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah, (2017) memperincikan kesejahteraan emosi adalah memiliki jiwa yang tenang dan mendamaikan sehingga membuahkan tingkahlaku yang baik dan sahsiah yang mulia. Suri rumah yang sejahtera mempunyai emosi yang matang dan stabil (Mohd Fathi Adnan et al., 2011). Mereka tidak terbuai dek emosi negatif yang menyedihkan atau melemahkan akan tetapi berupaya menzahirkan kasih sayang dan bersifat berlemah lembut dengan manusia sekeliling.

Suri rumah yang sejahtera emosi mempunyai aura yang menyenangkan ramai orang. Impaknya mereka berjaya membina hubungan yang baik dengan ahli keluarga, masyarakat dan orang sekeliling (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017). Justeru nilai murni, sifat hormat menghormati dan semangat perpaduan dapat disemai dalam masyarakat (Mohd Fathi Adnan et al., 2011).

### Kesejahteraan Rohani

Kesejahteraan emosi diseimbangkan dengan kesejahteraan rohani untuk kekuatan dalaman yang teguh. Nilai murni, ketaqwaan dan keimanan yang dibangunkan menjadi kunci kesejahteraan individu (Saharia Ismail, 2015). Kesejahteraan rohani seorang suri rumah

dibangunkan dengan menyedari tentang hakikat kewujudan diri sendiri dan perkaitannya dengan pencipta (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017). Justeru ia membimbing ke arah rasa syukur dengan nikmat yang diperolehi dari segenap sudut kehidupan.

Matlamat penciptaan manusia yang sempurna adalah sebagai khalifah di muka bumi ini. Allah SWT berfirman dalam surah Al Baqarah ayat 30,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً... ٣٠  
*"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi" (Quran 1:30).*

Suri rumah yang sejahtera rohaninya sedar bahawa hakikat penciptaan mereka adalah beserta dengan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017). Mereka menggalas tugas untuk mengimarahkan bumi dan menjaga kelestariannya demi keseimbangan antara manusia dalam alam sejagat. Kesejahteraan rohani yang terbina melahirkan rasa syukur dengan merasa cukup atas rezeki yang Allah kurniakan. Sekalipun suri rumah dipandang sebagai kerjaya yang tidak mendatangkan pulangan lumayan dari segi material (Jalihah Md. Shah, 2010), namun balasan dan ganjaran dari Allah atas tugas mulia yang dilaksanakan menjadi motivasi bagi suri rumah untuk menyempurnakan tugas dengan amanah dan berdedikasi.

### Kesejahteraan Intelek

Kesejahteraan intelek adalah asas membentuk suri rumah yang berilmu dan berpotensi. Hanya dengan ilmu, suri rumah dapat membuka fikirannya dan keluar dari kepompong dunianya sendiri. Kesejahteraan intelek boleh dimantapkan dengan kesejahteraan emosi. Ianya saling berkaitan. Suri rumah yang stabil emosinya mempunyai tahap intelektual yang tinggi, mencintai ilmu, berfikiran luas dan terbuka. Impaknya, suri rumah mampu menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran secara realistik dan berhemah (Mohd Fathi Adnan et al., 2011). Dengan minat dan keinginan yang tinggi terhadap perkembangan ilmu, ia dapat mencetus minda suri

rumah untuk berfikir dengan lebih kritis, maju dan berdaya saing (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017 ; Mohd Fathi Adnan et al., 2011; Saharia Ismail, 2015).

Sewaktu wahyu pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW untuk membaca. Ini bermakna, perkara asas untuk mencapai kesejahteraan hidup adalah dengan membaca. Keadaan minda yang sejahtera mendorong suri rumah untuk menjadikan amalan membaca gaya hidup mereka. Firman Allah SWT dalam surah Al-Alaq,

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝١

*"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)" (Quran 96:1)*

Perkataan "*bacalah*" digandingkan dengan nama tuhan yakni Allah kerana konsep pembacaan adalah dengan mengingati Allah dan bertujuan untuk mentauhidkan Allah. Konsep pembacaan diliputi dengan proses memahami dan mengamalkan apa yang dibaca. Untuk memahami apa yang dibaca kemahiran asas seperti menulis, membaca dan mengira memberi faedah kepada suri rumah menggarap maklumat dan menggali ilmu yang diperlukan sehingga berpotensi membentuk kehidupan yang bahagia dan cemerlang (Mohd Fathi Adnan et al., 2011). Kehidupan yang cemerlang direalisasikan dengan pengabdian terhadap Allah melalui ibadah yang telah ditetapkan. Allah SWT berfirman,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*"Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku" (Quran 51; 56)*

Impaknya, dengan ilmu yang ditimba suri rumah dapat memanfaatkan ilmu tersebut untuk memajukan diri sendiri, ahli keluarga dan masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah, 2017 ; Muhammad Nurfaahmi Mohamed et al., 2011). Membaca dapat meningkatkan kesejahteraan intelek. Ia adalah kunci ilmu pengetahuan bagi menggali khazanah alam. Suri rumah berilmu dapat mempertahankan kedaulatan dan kemakmuran negara.

## **Kerangka pembangunan kesejahteraan Suri rumah berpandukan Falsafah Pendidikan kebangsaan**


Tahap kesejahteraan hidup suri rumah dipengaruhi oleh banyak faktor. Selain dari faktor individu, faktor luaran lain seperti keluarga, masyarakat, budaya dan sosial juga memainkan peranan (Jindal, 2017). Berdasarkan teori peranan, kesejahteraan dipengaruhi oleh kuantiti peranan yang dimainkan (Chrouser Ahrens & Ryff, 2006). Manakala Baruch dan Barnett, (1986) dan Sumra dan Schillaci, (2015) menyatakan jumlah peranan yang banyak tidak menentukan tahap tekanan dan kepuasan hidup suri rumah, namun kualiti peranan menjadi faktor penentu.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017) kesejahteraan yang menyeluruh tidak akan berjaya dicapai dengan satu elemen sahaja. Sebagai contoh, suri rumah berpendidikan tinggi yang hanya mempunyai keupayaan intelek semata-mata tidak berupaya mencapai kesejahteraan yang harmoni jika tidak diimbangi dengan akhlak yang mulia, emosi yang stabil dan kesihatan diri yang optimum (Muhammad Nurfaumi Mohamed et al., 2011).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan diadaptasikan dalam pembangunan kesejahteraan suri rumah boleh ibaratkan sebagai pembangunan asas sebuah binaan. Diilustrasikan dengan sebuah piramid, puncak kesejahteraan adalah menuju Tuhan yang satu iaitu Allah SWT. Mencapai keredhaan Allah dan mendapat kemenangan di akhirat menjadi matlamat utama perjalanan di atas muka bumi ini. Pegangan tauhid yang kuat menjadi elemen terpenting dalam pembangunan kesejahteraan. Keseimbangan kesejahteraan suri rumah hanya akan dapat dicapai jika berpaksikan asas ketuhanan (Muhammad Nurfaumi Mohamed et al., 2011). Ianya dintegrasikan dengan hubungan manusia dan alam demi melestarikan keseimbangan yang menyeluruh.

Elemen rohani yang menjadi tapak pegangan tauhid merealisasikan tujuan penciptaan manusia iaitu tanggungjawab sebagai khalifah dan ibadah dengan mengabdikan diri kepada Allah. Ibadah dapat dilaksanakan dengan ilmu yang digarap melalui elemen kesejahteraan intelek. Elemen jasmani, dan emosi menjadi pelengkap pembangunan kesejahteraan suri rumah. Gambarajah 1

yang diadaptasi dari Alias Mat Saad et al., (2011) membentuk model pembangunan suri rumah berasaskan kerangka tauhid.



*Gambarajah 1: Kerangka pembangunan kesejahteraan suri rumah*

## Penutup

Secara kesimpulan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dibina sebagai panduan dan hala tuju pendidikan negara perlu dihayati oleh suri rumah dan diterapkan demi pembangunan kesejahteraan diri mereka. Kesejahteraan diri suri rumah mendatangkan kesejahteraan kepada institusi keluarga seluruhnya. Apabila anak-anak sejahtera dan menjadi insan sempurna, maka matlamat yang dirancang bagi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dicapai dengan mudah.

Kerangka kajian ini akan digunakan untuk kajian mendatang bagi membina model kesejahteraan suri rumah yang menyeluruh. Kesejahteraan suri rumah penting untuk dibangunkan kerana ideologi tentang suri rumah dilihat sebagai suatu kerjaya yang mudah dan ringkas. Namun hakikatnya, dunia suri rumah adalah sangat mencabar dan penuh pancaroba. Dalam menyeimbangkan peranan yang dimainkan, ianya adalah penting untuk memastikan keseimbangan antara elemen kesejahteraan dibangunkan sebaiknya. Anak-anak yang soleh dan solehah, generasi Rabbani yang kuat semangat keimanan dan ubudiyah adalah hasil didikan ibu suri rumah yang sejahtera jasmani, emosi, rohani dan intelek.



## Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. (1988). *Pendidikan anak-anak dalam islam*. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Alias Mat Saad, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Ruhizan Mohammad Yassin. (2011). Kajian kerelevanan falsafah pendidikan kebangsaan dengan kurikulum pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(2), 60–70.
- Baruch, G. K., & Barnett, R. (1986). Role quality, multiple role involvement, and psychological well-being in midlife women. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(3), 578–585. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.51.3.578>
- Becker, G. S. (1962). Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis. *Journal of Political Economy*, 70(5, Part 2), 9–49. <https://doi.org/10.1086/258724>
- Beja, E. L. (2014). Who is Happier: Housewife or Working Wife? *Applied Research in Quality of Life*, 9(2), 157–177. <https://doi.org/10.1007/s11482-013-9235-9>
- Bjuggren, C. M., & Henrekson, M. (2018). *Avoiding the housewife stigma: self-employment as a female career choice* (No. 1200; IFN Working Paper). [www.ifn.se](http://www.ifn.se)
- Cabrera, E. F. (2007). Opting out and opting in: understanding the complexities of women's career transitions. *Career Development International*, 12(3). <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/13620430710745872/full/html?fullSc=1>
- Chrouser Ahrens, C. J., & Ryff, C. D. (2006). Multiple roles and well-being: sociodemographic and psychological moderators. *Sex Roles*, 55, 801–815. <https://doi.org/10.1007/s11199-006-9134-8>
- Dillaway, H. E., & Pare, E. (2008). Locating mothers: How cultural debates about stay-at-home versus working mothers define women and home. *Journal of Family Issues*, 29(4), 437–464. <https://doi.org/10.1177/0192513X07310309>
- Gillies, D. (2015). Encyclopedia of Educational Philosophy and Theory. *Encyclopedia of Educational Philosophy and Theory*, 1–5. <https://doi.org/10.1007/978-981-287-532-7>

- Harilal, A., & Santhosh, V. A. (2017). A comparative study on stress levels among working women and housewives with reference to the state of Kerala. *Journal of Economics and Public Policy*, *II*(1), 29–35.
- Harlina Halizah Siraj. (2014). *Santunan fitrah*. Publisher Karya Bestari.
- Haryana Rozana Abd Rahim. (2015). Dilema wanita berpendidikan tinggi: Faktor-faktor wanita berhenti kerja. *Sarjana*, *30*(1), 99–117.
- Hassim, N. I., & Mustafa, J. (2010). Stres dalam kalangan penduduk dewasa luar bandar, daerah Hulu Langat, Selangor. In *Journal of Community Health* (Vol. 16, Issue 1). <https://core.ac.uk/download/pdf/11489482.pdf>
- Hori, M. (2017). Full-time employment and marital satisfaction among women in east asian societies. *Comparative Sociology*, *16*(6), 771–787. <https://doi.org/10.1163/15691330-12341444>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Statistik pemeraksanaan wanita dalam domain terpilih Malaysia, 2020*. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem ByCat&cat=444&bul\\_id=U2UvVIIQQJjsbzkwclQrdVlnMzJTdz09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthem ByCat&cat=444&bul_id=U2UvVIIQQJjsbzkwclQrdVlnMzJTdz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09)
- Jalihah Md. Shah. (2010). Triple Role: Suatu Penyingkapan peranan dan Kerja Wanita. *Sosiohumanika*, *3*(1), 67–78.
- Jindal, G. (2017). *To study the anxiety and life satisfaction among working and nonworking women* [Thapar University Patiala]. <http://117.203.246.91:8080/jspui/handle/10266/4496>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia. [www.moe.gov.my/bppdp](http://www.moe.gov.my/bppdp)
- Kenneskog, T. (2016). *The Paradox of the Japanese Labor Market Working Prospects for a Japanese Housewife*. <https://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:949843/FULLTEXT01.pdf>
- Kitterød, R. H., & Rønsen, M. (2013). Opting out? Who are the housewives in contemporary Norway? *European Sociological Review*, *29*(6), 1266–1279. <https://doi.org/10.1093/esr/jct015>
- Lebert-Charron, A., Dorard, G., Boujut, E., & Wendland, J. (2018). Maternal burnout syndrome: contextual and psychological



- associated factors. *Frontiers in Psychology*, 9. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00885>
- Mehfooz Ahmad, & Aqeel Khan. (2018). Quality of life among married working women and housewives. *Singaporean Jurnal of Social Science*. <https://www.researchgate.net/publication/326584124>
- Mikucka, M. (2011). Homemaking and women's well-being in Europe. Effect of divorce risk, selection and dominating gender-role attitudes. In *CEPS/INSTEAD Working Paper Series* (2011-09).
- Mohd Fathi Adnan, Rohana Hamzah, & Amirudin Udin. (2011). *Implikasi falsafah pendidikan kebangsaan dalam pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia*. 1–16.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan falsafah pendidikan kebangsaan melalui cerita-cerita rakyat melayu: Kajian teks himpunan 366 cerita rakyat Malaysia diselenggara oleh Aripin Saida & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 67–74. <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/09/8-Penerapan.pdf>
- Muhammad Nurfahmi Mohamed, Mohamed Yusof, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin. (2011). Kemantapan penghayatan guru terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan asas membangunkan guru cemerlang. *Journal of Edupres*, 1(September), 271–278.
- Nabila, S., Rukhsana, B., Madiha, L., Brigitte, K., & Imran, A. S. (2013). Differences in level of self esteem of housewives and working women. *Medical Channel*, 19(3), 48–50. <https://web.a.ebscohost.com/abstract?direct=true&profile=ehost&scope=site&authtype=crawler&jrnl=16815491&AN=100345002&h=WaRFg4slWW9cgYDkmq9raD7nT%2Fd1ZWmhI%2FqVWTFs6nwVnTs%2BaqN6jc1EozXky%2Fb%2FWlV9kYEtdUBMaoNn3qQr3w%3D%3D&crl=c&resultNs=AdminWebAuth&resu>
- Noraini M. Noor. (2003). Work, family and well-being: Comparing Malaysian and British samples of employed women. In Zeenath Kausar & Zaleha Kamaruddin (Eds.), *Social issues in Malaysia: Muslim women's perspective (Work, law, Politics and Education)* (pp. 1–29). Ilmiah Publishers Sdn Bhd.

- Norehan Abdullah, Rahmah Ismail, Zuraidah Mohd Noor, & Fariza Ahmad. (2012). Kebarangkalian bekerja wanita berkahwin di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(1), 107–117.
- Rafidah Abdullah Hassan, & Nur Islami Mohd Teng. (2020). The relationship between physical activity level with depression, anxiety, and stress among full-time housewives in Selangor, Malaysia. *Healthscope: The Official Research Book of Faculty of Health Sciences, UITM*, 3(3), 79–86. <http://healthscopefsk.com/index.php/research/article/view/190>
- Ridgeway, C. L., & Correll, S. J. (2004). Motherhood as a status characteristic. *Journal of Social Issues*, 60(4), 683–700. <https://doi.org/10.1111/j.0022-4537.2004.00380.x>
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100.
- Saldaña-Orozco, C., Carrión-García, M. D. los ángeles, Gutiérrez-Strauss, A. M., Echerri-Garcés, D., & Hernández-Flores, M. A. (2019). Desgaste psíquico y autoestima de mujeres en condición de vulnerabilidad social de ciudad Guzmán, Jalisco. *Duazary*, 16(1), 39. <https://doi.org/10.21676/2389783x.2529>
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, & Sulaiman, S. H. (2018). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Conference: International Conference On Moslem Society 2016At: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Bangi, 1980*, 1–13.
- Skoog, K. (2017). Neither worker nor housewife but citizen: BBC's. *Women's History Review*, 26(6). <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09612025.2016.1277837>
- Sufean Hussin. (1993). *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Suhaida Mohd Amin, Halimahton Borhan, Abd Rahim Ridzuan, Rosfadimi Mat Saad, & Subramaniam, G. (2019). Child care matters: What educated mothers need before entering the

- labor market. *Advances in Business Research International Journal*, 5(3), 36. <https://doi.org/10.24191/abrij.v5i3.9985>
- Suhaida Mohd Amin, Mohd Faizal P. Rameli, Azhana Othman, Zunaidah Ab Hasan, & Khalilah Ibrahim. (2017). Decision to work by educated married women. *Advanced Science Letters*, 23(8), 7702–7705. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.9557>
- Suhaida Mohd Amin, Mohd Faizal P. Rameli, Norafifah Ab Hamid, Abdul Qayuum Abdul Razak, & Nor Azlina Abd Wahab. (2016). Labour supply among educated married women. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(4), 110–117.
- Sumra, M. K., & Schillaci, M. A. (2015). Stress and the multiple-role woman: Taking a closer look at the “superwoman.” *PLoS ONE*, 10(3). <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0120952>
- Thoits, P. A. (1983). Multiple identities and psychological well-being: a reformulation and test of the social isolation hypothesis. *American Sociological Review*, 48(2), 174–187. <https://doi.org/10.2307/2095103>
- Tomescu-Dubrow, I., Dubrow, J. K., Slomczynski, & M., A. K. K. A. M. K. (2019). Becoming a Housewife. In *The Subjective Experience of Joblessness in Poland* (pp. 81–92). Springer, Cham. <https://doi.org/10.1215/9780822378235-010>
- Wahbah Mustaffa Al Zuhaily. (2001). *Tafsir Al Munir Juz 'Amma*. Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia.
- Zhou, Y. (2019). Poverty and income polarization of married stay-at-home mothers in Japan Part I: Historical Perspectives of Japanese Full-time Housewives. *Japan Labor Issues*, 3(16). <https://www.jil.go.jp/english/jli/documents/2019/015-02.pdf>







# **Kajian Rintis Terhadap Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Bidang Sirah**

Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Nurul Asyikin Ab Rahman,  
Ahmad Marzuki Mohamad, Aminudin Hehsan

Email: mtalhah.uda@gmail.com, nurulasyikin1405@gmail.com,  
amarzuki@utm.my, ahehsan@utm.my

Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan (FSSH), Universiti Teknologi  
Malaysia (UTM)

## **Abstrak**

Nilai pada sebuah kajian adalah pada proses perjalanan mendapatkan hasil dapatan kajian. Maka, proses tersebut memerlukan metodologi yang kemas serta menuntut kepada kajian rintis dijalankan terlebih dahulu dan mempunyai pemeriksaan data yang teratur sebelum menjalankan kajian yang sebenar. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan dua kali peringkat kajian rintis ke atas seramai 63 orang guru Pendidikan Islam (GPI), dan dianalisis dapatan kajian menggunakan *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 22.0. Melaksanakan kajian rintis dan melakukan pemeriksaan data terhadap kajian rintis merupakan perkara yang sama penting sebelum turun ke kajian lapangan sebenar. Justeru, kertas kerja ini ingin menunjukkan pelaksanaan pemeriksaan data setelah kajian rintis dijalankan. Hasil dapatan kajian ini mendapati nilai pekali *Cronbach Alfa* bagi soal selidik kajian rintis berada di aras yang sangat tinggi dan tinggi. Manakala, ujian terhadap pemeriksaan data berada pada ketekalan konstruk yang tinggi, berterabur secara normal dan pemboleh ubah didapati positif.

Maka, kajian dilapangan sebenar boleh dijalankan dengan sebaiknya.

**Kata Kunci:** *Kajian Rintis, Pemeriksaan Data, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)*

## **Pendahuluan**

Sebuah kajian yang berkualiti memerlukan metodologi yang teratur yang menuntut kepada kajian rintis dijalankan terlebih dahulu dan mempunyai pemeriksaan data sebelum menjalankan kajian lapangan yang sebenar. Kajian ini ingin melihat dapatan dari kajian rintis dan hasil pemeriksaan data terhadap metodologi yang digunakan dalam keadah kuantitatif. Setelah dilaksanakan kajian rintis, perlu melaksanakan beberapa tatacara dalam kaedah metodologi terlebih dahulu seperti pemeriksaan data, sebelum turun melaksanakan kajian dilapangan sebenar. Terdapat enam langkah yang perlu diikuti dalam proses pemeriksaan data<sup>1</sup> iaitu analisis kehilangan data, ujian data terpencil (*outlier*), ujian *multicolinearity* dan *singularity*, ujian kenormalan data, ujian *common method bias* dan ujian homoskedastisiti sebelum turun menjalankan kajian sebenar terhadap pelaksanaan komposisi pengajaran KBAT bidang sirah guru Pendidikan Islam (GPI).

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis dilaksanakan adalah bermatlamatkan untuk mendapatkan pengesahaan mengenai tahap penilaian soal selidik yang dilaksanakan supaya dapatan mengandungi kesahan dan kebolehpercayaan<sup>2</sup>. Kajian rintis dalam kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Islam (GPI) sekitar daerah Kulai dan Johor Baharu di negeri Johor bagi menjawab soal selidik kajian yang telah ditetapkan. Bilangan seramai 63 orang adalah mencukupi bagi sesuatu kajian dalam bidang sains sosial<sup>3</sup>. Kajian ini melibatkan 63 sampel GPI dengan peringkat pertama seramai 31



peserta terlibat yang bermatlamat membentuk konstruk soal selidik dan kemudian diteruskan dengan 32 peserta bagi peringkat kedua untuk analisis menggunakan kaedah 'factor analysis-Explanatory Factor Analysis (EFA)' (Analisis Faktor). Hal ni adalah bagi memastikan tahap kesahan instrumen adalah tinggi dengan perinciannya seperti jadual 1.0.

Jadual 1.0 Kesahan Instrumen terhadap Kajian Rintis

<b>Kajian Rintis</b>	<b>Proses Pelaksanaan</b>
Peringkat Pertama	Melibatkan 31 orang GPI sekitar daerah Kulai. Peringkat pertama ini bermatlamat membentuk, menstruktur dan menilai instrumen yang digunakan agar bertepatan dengan konstruk kajian (Tempoh masa: Julai 2019 – Ogos 2019)
Peringkat Kedua	Melibatkan 32 orang GPI sekitar daerah Kulai dan Johor Bahru. Dapatan bagi peringkat kedua ini dianalisis menggunakan analisis faktor bagi menentukan item-item yang mempunyai kesahan dapat diteruskan untuk kajian lapangan sebenar (Tempoh masa: Ogos 2019 - September 2019)

Penyelidik menjalankan kajian rintis bagi kaedah kuantitatif adalah bertujuan untuk mengesahkan dapatan daripada instrumen yang telah dihasilkan<sup>3</sup>. Setelah kajian rintis dijalankan, item-item perlu di nilai menggunakan *Cronbach Alpha* (CA). Nilai (CA) digunakan bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan setiap konstruk dalam soal selidik tersebut. Analisis yang dilaksanakan bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik ini

bertujuan menepati kriteria untuk diteruskan pada kajian lapangan yang sebenar. Oleh itu, menerusi kajian rintis ini data-data yang diperolehi, dikumpul, diukur dan distruktur tahap kebolehpercayaan menggunakan Ujian Statistik (CA) menerusi perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 22.0.

Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan instrumen kajian, penyelidik memilih menggunakan (CA) berdasarkan pandangan<sup>4, 5</sup> iaitu penentuan ini seperti paparan Jadual 3.9.

Jadual 2.0 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

<b>Indikator</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	< 0.30

Sumber: (Mohd Majid, 2005; Pallant, 2010)

Berdasarkan Jadual 2.0, sekiranya nilai (CA) menunjukkan nilai yang melebihi 0.70 ianya memberi kesimpulan bahawa soal selidik kajian ini mempunyai ketekalan dalaman konstruk yang tinggi<sup>4,5</sup>. Hasil analisis kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik yang dijalankan melalui kajian rintis seperti jadual 2.0.

Jadual 3.0 Nilai Pekali Cronbach Alfa

<b>Aspek</b>	<b>Nilai Cronbach Alfa</b>
<b>Permulaan Pengajaran</b>	0.928
A. Perancangan Pengajaran	0.840
B. Objektif Pengajaran	0.855
C. Set Induksi	0.910
<b>Perkembangan Pengajaran</b>	0.954
D. Penyampaian isi pengajaran	0.835
E. Pengajaran berasaskan penyoalan	0.883
F. Pengajaran berasaskan	0.863

pengayaan		
G. Pengajaran	berasaskan	0.878
pemulihan		
H. Penggunaan	Sumber	0.877
Pendidikan		
<b>Penutup Pengajaran</b>		<b>0.927</b>
I. Refleksi objektif		0.847
J. Merumuskan isi pengajaran		0.858
K. Menilai kefahaman pelajar		0.860
<b>Nilai Keseluruhan</b>		<b>0.974</b>

Rumusan daripada perlaksanaan penentuan ujian kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen soal selidik ini adalah untuk memastikan kajian dilapangan sebenar boleh dijalankan bagi mencapai objektif kajian. Bagi kajian rintis ini, Nilai Pekali *Cronbach Alfa* berada di aras yang sangat tinggi dan tinggi, bermakna soal selidik ini baik untuk dijalankan. Setelah dapatan ini diterima, berikutnya, dijalankan pemeriksaan data bagi memastikan kredibiliti dapatan kajian.

### **Pemeriksaan Data**

Samakan data merupakan kaedah terpenting untuk memastikan kredibiliti dapatan kajian. Kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh meyebabkan beban maklumat<sup>4</sup>. Selepas mengumpul keseluruhan soal selidik dari kajian rintis yang dijalankan, keperluan untuk penyelidik memeriksa data bagi mengelakkan kesan ketika menganalisis seperti data tidak tepat, terdapat bias dan tidak menepati persoalan kajian<sup>1</sup>. Pada bahagian ini, penjelasan mengenai prosedur yang perlu dipatuhi bagi proses penyediaan dan pemeriksaan data sebelum analisis dijalankan. Justeru, terdapat enam langkah<sup>1</sup> yang perlu diikuti dalam proses pemeriksaan data, namun dalam kajian ini akan

memfokuskan kepada ujian kenormalan data, ujian *common method bias* dan ujian homoskedastisiti.

## 1.1 Analisis Normaliti

Salah satu keperluan bagi statistik inferensi ialah andaian data yang dikumpul bertaburan secara normal. Menerusi kajian ini, ujian normaliti dilaksanakan ke atas keseluruhan konstruk bagi komposisi pelaksanaan pengajaran guru menerusi instrumen soal selidik yang telah diedarkan. Normaliti data dapat dikenal pasti sama ada secara statistik atau grafik. Menerusi kajian ini, lima ujian normaliti data secara statistik dibuktikan melalui *skewness & kurtosis* dan *Kolmogorov & Shapiro Walk*, manakala normaliti data secara grafik dibuktikan melalui *histogram, stem and leaf* dan *normal probability plot* (Normal Q-Q Plot)<sup>6, 7</sup>.

Sekiranya nilai *Skewness* dan *Kurtosis* adalah antara +1.96 hingga -1.96, maka data kajian diandaikan berada dalam keadaan normal. Maka, berdasarkan Jadual 3.0 menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi pemboleh ubah dalam kajian ini (pelaksanaan elemen pengajaran dan komposisi pengajaran GPI mengintegrasikan KBAT) berada di antara 0 hingga 1 dan membolehkan andaian data bertaburan secara normal. Ujian normaliti data melalui statistik *skewness* dan *kurtosis* seperti dalam jadual 3.0.

Jadual 4.0 Dapatan Ujian Kenormalan Data bagi Soal Selidik

Elemen	<i>Skewness</i>		<i>Kurtosis</i>	
	<i>Statistik</i>	<i>Std. error</i>	<i>Statistik</i>	<i>Std. error</i>
<b>Komposisi pengajaran GPI yang mengintegrasikan KBAT</b>				
Permulaan	.111	.121	-.538	.242
Perkembangan	-.131	.121	-.077	.242


Penutup	-0.059	.121	.063	.242
---------	--------	------	------	------

## 1.2 Analisis Lineariti

Ujian lineariti menerusi *Partial regression plots* ini dilaksanakan menerusi analisis regrasi mudah bagi melihat perhubungan yang linear di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Hal ini kerana, dalam kajian sebenar ada objektif yang ingin melihat perhubungan dan dapatan berkait dengan regrasi. Ujian lineariti dilaksanakan dengan menganalisis *Normal P-P Plot* menerusi *Regression Standardizes Residual* berdasarkan data berada di atas satu garisan lurus diagonal dari bawah kiri ke atas kanan.

Jika dilihat rajah 1.0, mendapati majoriti data berada di atas garisan dengan sedikit yang berada di luar garisan lurus diagonal namun tidak secara berjauhan dan ini tidak mempengaruhi secara keseluruhan *deviation from normality*. Maka, data dapatan diperingkat ini dilihat, soal selidik yang bakal dijalankan nanti, berada dalam keadaan yang baik.

Berikutnya memerlukan analisis *common method bias* agar soal selidik yang hendak dijalankan kelak ke atas sampel populasi mempunyai kecenderungan menjawab jawapan yang kemungkinan sama.



Rajah 1.0 Ujian Lineariti.

### 1.3 Analisis Common Method Bias


Bagozzi *et al.*, (1991) menjelaskan, analisis *common method bias* berlaku apabila diandaikan bahawa sampel yang menjawab soalan berkecenderungan ada naluri yang sama untuk menjawab soalan yang lain bagi skala yang lain. Kecenderungan untuk berlaku perkongsian varian inilah yang dinamakan sebagai *common method variances*. Kaedah bagi mengenalpasti kedudukan *common method bias* dilaksanakan melalui *inter construct correlation*, jika korelasi di antara konstruk melebihi 0.9 maka wujud *common method bias*<sup>8</sup>.

Bagi kajian ini, ujian *common method bias* ini telah dilaksanakan bagi ujian penentuan korelasi, hasil kajian mendapati keseluruhan konstruk mempunyai korelasi di antara 0.537 hingga 0.895 dan tidak melebihi 0.9. Maka, kajian soal selidik ini sesuai untuk dijalankan kerana tidak mempunyai *common method bias*. Berikutnya, perlu dijalankan analisis ujian homosidastisiti untuk

melihat *scatter plot* bertaburan secara berkelompok atau berterabur.

#### 1.4 Analisis Homosidastisi

Ujian homosidastisiti menggunakan kaedah *Scatter plot* untuk mengetahui nilai kepada andaian (*assumption*) homosidastisiti. Penganalisaan dengan menggunakan *Scatter plot* berperanan untuk mengetahui taburan secara visual perhubungan antara pemboleh ubah – pemboleh ubah terlibat. Homosidastisiti merujuk kepada andaian di mana bukti pemboleh ubah mempunyai tahap yang sama varian disepanjang jarak pemboleh ubah bebas dan sekiranya graf berbentuk corong maka ianya terbukti wujud masalah heterokedasiti<sup>7</sup>.



Rajah 2.0 Ujian Homosidastisiti

Berdasarkan *Scaterplot* rajah 2.0 menunjukkan, hubungan di antara pemboleh ubah – pemboleh ubah adalah didapati positif dan titik berterabur secara normal serta rawak dan ini memenuhi syarat andaian homosidastisi.

## Perbincangan

Berdasarkan kajian rintis dan analisis pemeriksaan data, kajian lapangan sebenar boleh dijalankan dengan jayanya. Hal ini kerana, pada peringkat kajian rintis, pengkaji telah melakukan kesahan instrumen terhadap kajian rintis terlebih dahulu dengan menjalankan dua kali kajian rintis.

Pada peringkat pertama bertujuan menilai instrumen agar bertepatan dengan konstruk kajian. Manakala, pada peringkat kedua bagi menentukan item-item yang mempunyai kesahan yang tinggi, dan sesuai diteruskan untuk kajian lapangan yang sebenar. Setelah itu, dapatan di analisis dan mendapati nilai pekali *Cronbach alfa*, berada di atas nilai yang sangat tinggi dan tinggi.

Berikutnya, diteruskan dengan proses pemeriksaan data. Kajian ini memfokuskan kepada ujian kenormalan data, ujian *common method bias* dan ujian homoskedastisiti yang kesemuanya berada dalam lingkungan yang baik. Dalam ujian normaliti, data taburan menunjukkan bertaburan secara normal. Manakala dalam analisis lineariti, majoriti data berada di atas garisan.

Manakala, Analisis *common method bias*, kajian mendapati tidak mempunyai bias. Terakhir, analisis homosidastisi menunjukkan hubungan di antara pemboleh ubah – pemboleh ubah didapati positif dan taburan berterabur secara normal. kesimpulannya, ia menunjukkan bahawa, kajian ini sesuai untuk diteruskan ke dalam lapangan kajian yang sebenar.

## Penutup

Kajian rintis merupakan hal yang mustahak sebelum melakukan sesuatu kajian dilapangan sebenar. Namun, pemeriksaan data terhadap analisis kajian rintis juga merupakan hal yang sama penting yang jarang dikemukakan dalam mana-mana artikal kajian. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan nilai cronbach alfa soal selidik bagi kajian rintis berada di aras yang sangat tinggi dan



tinggi. Manakala, ujian terhadap pemeriksaan data berada pada ketekalan dalaman konstruk yang tinggi, berterabur secara normal dan pemboleh ubah didapati positif. Maka, kajian dilapangan sebenar boleh dijalankan dengan sebaiknya. Selain itu, kertas kerja ini menjelaskan berkenaan pemeriksaan data setelah kajian rintis dijalankan peringkat demi peringkat. Diharapkan kajian berikutnya boleh menjelaskan lebih terperinci, analisis ujian pada bahagian metodologi yang lain.

## Rujukan

- <sup>1</sup> Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S., (2013). Using Multivariate Statistics (61h Ed.). Pearson Education Inc., USA.
- <sup>2</sup> Merriam, Sharan. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implantation* (3rd ed). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- <sup>3</sup> Creswell, John. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantative and Mixed Methods Approaches (3rd Edition)*. London: Sage Publication.
- <sup>4</sup> Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan Pendidikan Edisi ke 7*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>5</sup> J. Pallant. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for windows, 4th Edition*. New South Wales: Crows West.
- <sup>6</sup> Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Pertama, Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education.
- <sup>7</sup> Field, Andy. (2012). *Discovering Statistic Using SPSS*. 3rd Edition. London: SAGE.
- <sup>8</sup> Bagozzi, R.P, Yi, Y & Philips,. L.w. (1991). Assessing Construct Validity in Organizational Research. *Administrative Science Quarterly*, 36(3), pp. 421-458.





**Pendekatan Dan Solusi Sistem Pengurusan  
Di Institusi Pengajian Tinggi Berkualiti  
Yang Menurut Keperluan Syariah**

Hasan Al-Banna Mohamed

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti  
Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6016-3548471 E-mel: hasanalbanna@upnm.edu.my

Burhanuddin Jalal\*

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti  
Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6012-3992976 Emel: burhanuddin@upnm.edu.my

Azmi Ahmad

Jabatan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Tenaga Nasional  
(UNITEN),  
Kampus Putrajaya, Jalan IKRAM-UNITEN, 43000 Kajang, Selangor,  
Malaysia  
Tel: +6016-3553612 Emel: azmia@uniten.edu.my

Siti Arni Basir

Jabatan Siasah As-Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam (APIUM),  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6017-2984489 Emel: sitiarni@um.edu.my

Mohd Hamran Mohamad

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti  
Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6019-9142393 Emel: hamran@upnm.edu.my

Sayuti Ab. Ghani  
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti  
Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6013-6812337 Emel: sayuti@upnm.edu.my

Nur Surayya Mohd Saudi  
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti  
Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kem Perdana Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: +6016-9684821 Emel: nursurayya@upnm.edu.my

\*Penulis Penghubung

### **Abstrak**

Pendekatan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dalam organisasi sama ada dalam mahupun luar negara sering dibincangkan oleh para sarjana. Hal ini disebabkan belum ada kaedah yang utama yang berkesan dalam membentuk satu amalan urus tadbir terbaik bagi organisasi. Hal ini juga menyebabkan berlakunya perbezaan dan kelainan hasil yang diperolehi, apatah lagi sistem itu hanya memfokuskan kepada aspek materialistik sahaja. Sehubungan dengan itu, SPK Berasaskan Keperluan Syariah mula diperkenalkan sejak tahun 2005 yang menekankan elemen *Insaniyyah* yang dikenali sebagai piawaian MS 1900. Namun, kajian-kajian spesifik terhadap keberkesanannya secara empirikal masih berada di peringkat permulaan. Justeru, satu penyelidikan mendalam telah dijalankan dengan menggunakan kajian kualitatif yang menerusi kaedah temu bual semi berstruktur bersama informan terpilih, pemerhatian dan bukti-bukti dokumen yang memfokuskan kepada pendekatan SPK yang berasaskan keperluan *Syariah* (Piawaian MS 1900) di sebuah institusi pengajian tinggi dalam negara. Hasil kajian ini dengan menggunakan bantuan perisian NVivo mendapati bahawa terdapat tiga aspek pendekatan

yang menjadi amalan terbaik organisasi ini untuk merealisasikan pelaksanaan piawaian MS 1900 dalam kalangan pekerja mereka. Sebagai kesimpulannya, kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada organisasi lain yang ingin melaksanakan tadbir urusnya secara patuh dengan keperluan *Syariah* dan sekaligus memperoleh keberkatan Ilahi di dunia dan akhirat nanti.

**Kata Kunci:** *Sistem Pengurusan Kualiti (SPK); Pendekatan; Keperluan Syari'ah; Piawaian MS1900:2014*

### **Abstract**

Quality Management System (QMS) implementation approach in an organization either locally or abroad is often discussed by scholars. This is due to the fact there is no main method is effective in forming a best governance practice for organizations. This also triggers differences and variations in the output obtained, not to mention that the system only focuses on the materialistic aspects only. In this regard, the QMS based on Shariah Requirements was first introduced in 2005 which emphasizes the *Insaniyyah* element known as the MS 1900 standard. However, specific studies on its empirical effectiveness are still in its infancy. Thus, an in-depth study was conducted using a qualitative research that through semi-structured interviews with selected informants, observations and documentary evidence focusing on the QMS approach based on Shariah requirements (MS 1900 standard) in a national higher education institution. The results of this study using the NVivo software found three aspects of the approach are the best practices of this organization to realize MS 1900 standards implementation among employees. In conclusion, this study is expected to provide guidance to other organizations which aim to implement governance in compliance with the Shariah requirements and at the same time obtain Divine blessings in this world and the hereafter.

**Keywords:** *Quality Management System (QMS); Approach; Syariah Needs; MS 1900 Standard*

## **Pendahuluan**

Aspek kualiti sentiasa menjadi isu dan topik perbincangan yang hangat dalam sesebuah organisasi sama ada organisasi awam ataupun swasta yang bertujuan memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan, memastikan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan sesuai dengan kegunaannya dan boleh digunakan, memperoleh pensijilan yang seragam atau *standard*, meningkatkan produktiviti serta menarik pelanggan yang baharu, serta kompetitif tanpa sebarang kecacatan. Kepelbagaian definisi kualiti daripada sarjana Barat, Timur dan Sarjana Muslim sendiri telah merencamkan lagi istilah kualiti ini dan kesemuanya memfokuskan kepada kesempurnaan dalam melaksanakan sesuatu tindakan menerusi aktiviti penambahbaikan berterusan. Aktiviti penambahbaikan berterusan ataupun istilah Kaizen ini mula diguna pakai di Jepun sebagai kepatuhan terhadap kehendak-kehendak tertentu yang berupaya membentuk imej serta dapat melakukan penambahbaikan berterusan.

Sesungguhnya produk atau perkhidmatan yang berkualiti akan dianggap menghampiri sifat kesempurnaan yang merupakan nilai-nilai *universal* dan diterima umum. Begitu juga sesuatu akan berkualiti apabila matlamat untuk mencapai yang terbaik dalam setiap pekerjaan yang dilaksanakan serta saling bekerjasama antara ahli organisasi untuk mencapai matlamat tersebut. Justeru, pendekatan yang betul serta solusi atau langkah yang berkesan adalah perlu bagi memastikan pelaksanaan urus tadbir sesebuah organisasi berkesan. Hal ini menjadi lebih penting apabila membabitkan sesebuah institusi pengajian tinggi yang melahirkan sumber manusia berkualiti pada masa hadapan. Sekiranya perkara ini tidak diambil berat, nescaya institusi pengajian tinggi berkenaan tidak lagi relevan dan sentiasa bermasalah untuk melahirkan generasi gemilang terutamanya yang dirahmati Ilahi.

## Latar Belakang Kajian

Sesungguhnya sesebuah organisasi yang berhasrat untuk mengeluarkan sesuatu produk atau memberikan perkhidmatan yang memuaskan hati pelanggan, maka faktor kejayaan utamanya adalah sistem pengurusannya yang berkualiti. Bukan itu sahaja, sistem pengurusannya juga perlu menepati dwi dimensi jasmani dan rohani demi hakikat kebahagiaan (*al-Falah*) di dunia dan akhirat seperti yang dijelaskan oleh Syariah Islam melalui perinciannya dalam hukum-hukum ilmu *Fiqh* termasuklah aspek *Daruriyyat* (keperluan asasi), *Hajiyyat* (keperluan biasa) dan *Tahsiniyyat* (keperluan keselesaan).

Ketiga-tiga aspek ini harusnya seimbang dan selari dengan ajaran Islam yang merealisasikan kesederhanaan dalam setiap aktiviti yang hendak dilakukan. Sekiranya seseorang majikan atau pekerja dalam organisasi tidak mengamalkan budaya kerja yang disarankan dalam Islam, pasti ia tidak mampu untuk mengurus dengan baik dan sempurna. Akibat akhirnya, para pelanggannya tidak berpuas hati dan akan menjauhi diri daripada mereka serta tidak lagi terdaya bersaing dengan pihak yang lain. Hal ini demikian kerana pelanggan merupakan faktor utama kewujudan dan kelestarian sesebuah organisasi pada masa hadapan. Tambahan pula, konsep memberi kepuasan kepada pihak lain secara adil dan saksama telahpun dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Tidak beriman seseorang itu kecuali beliau menyayangi diri orang lain seperti dirinya sendiri".*

(Riwayat Imam al-Bukhari)

Elemen jaminan kualiti dalam melahirkan produk atau memberikan perkhidmatan dalam sesuatu organisasi sering dikaitkan dengan produktiviti dan juga kepuasan bekerja. Seseorang individu akan berusaha untuk mencapai matlamat atau

misi yang ditetapkan. Namun, fenomena dewasa ini setiap organisasi tidak kira dalaman mahupun di luar negara semuanya terkesan dengan pandemik COVID-19 yang menggemparkan pada tahun 2020 sehingga seperti tiada penghujungnya. Semuanya dengan norma baharu yang perlu sentiasa mengamalkan budaya-budaya dan amalan kerja yang baharu. Pandemik ini secara langsung telah memberikan impak negatif kepada semua pihak sama ada majikan dan pekerja dalam pelbagai sektor seperti pelancongan, perhotelan, ekonomi, perniagaan, sosio-ekonomi, persekitaran, emosi dan psikologi, malah terkesan juga kepada aspek pendidikan dan institusi pengajian tinggi.

Berdasarkan isu ini, terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Firma Penyelidikan Pasaran Dan Perundingan Antarabangsa, IPSOS (2021) terhadap 12,823 responden yang terdiri daripada pekerja yang berumur antara 16 hingga 74 tahun di 28 negara termasuklah Malaysia. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa tenaga kerja rakyat Malaysia mencatat purata tertinggi Bekerja Dari Rumah (BdR) berbanding purata global serta tahap kegelisahan tertinggi. Malahan, sebanyak 17% rakyat Malaysia telah berhenti kerja atau kehilangan pekerjaan akibat pandemik ini. Selain itu, mereka terpaksa menghadapi pelbagai cabaran lain seperti sukar mengimbangi kehidupan seharian dengan kerja (63%), tidak cukup peralatan untuk bekerja di rumah (62%) dan gangguan emosi (57%), serta tekanan akibat perubahan rutin bekerja (67%) yang akhirnya membawa kepada masalah mental, impak negatif terhadap psikososial, tiada kepuasan bekerja dan hilang elemen kualiti dalam melaksanakan tugasannya.

Hal sebegini jika tidak ada jalan penyelesaiannya, pasti seseorang pekerja akan sukar untuk mengekalkan prestasi cemerlang dan produktivitinya dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Oleh itu, semestinya perlu ada kaedah, pendekatan atau langkah dan solusi yang bersesuaian untuk menangani isu pandemik ini khususnya kalangan pekerja Muslim di institusi pengajian tinggi dalam negara ini. Hal ini demikian kerana



produktiviti yang terbaik adalah berpunca daripada urus tadbir yang berkesan, berkualiti dan diredhai Allah SWT.

## **Literatur Kajian**

Beberapa literatur atau sorotan kajian lepas yang dilaksanakan oleh sarjana-sarjana di Malaysia dan luar negara akan dibincangkan dalam artikel ini berkaitan dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi.

### **(i) Sistem Pengurusan Kualiti**

Menurut Kamus Dewan (2010), definisi sistem adalah sebagai cara atau kaedah yang teratur untuk melakukan sesuatu ataupun dikenali juga sebagai aturan. Adapun kualiti bermaksud darjah kecemerlangan yang biasanya tinggi dan bermutu (Kamus Dewan, 2010). Sebenarnya, pengurusan kualiti banyak dibincangkan sebagai satu strategi untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan atau penghasilan produk sesebuah organisasi sama ada swasta mahupun awam (Zulnaidi, 2008).

Sistem pengurusan kualiti merupakan alat bantuan sesebuah organisasi bagi meningkatkan kepuasan pelanggannya serta menambahkan keyakinan organisasi untuk memenuhi keperluan piawaian tertentu secara konsisten. Hal ini disebabkan kehendak dan jangkakan pelanggan sentiasa berubah terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan. Lantaran, organisasi turut sama-sama berusaha meningkatkan penghasilan produk dan proses secara berterusan.

**(ii) Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS1900)**

Islam sangat mementingkan pengurusan yang baik dalam menghasilkan produk dan melaksanakan sesuatu kerja agar ia dapat memberi faedah dan manfaat terbanyak kepada pihak lain. Islam menyarankan umatnya agar sentiasa melakukan sesuatu amalan dengan bersungguh-sungguh dan sebaik mungkin. Hal ini demikian kerana kesungguhan dan keikhlasan seseorang hamba menjalankan arahan akan menghasilkan keredhaan Allah SWT (*Mardhatillah*). Lantaran itu, pengurusan dalam Islam merupakan suatu proses melakukan, membuat dan menyempurnakan kerja atau tugas melalui fungsi pengurusan secara fitrah bersama orang lain dalam usaha untuk mencapai objektif kerja secara berkesan (Norfazila, 2012). Seterusnya, individu tersebut memperoleh kebahagiaan bukan hanya di dunia malah pada hari akhirat.

Rentetan itu, pihak IKIM dengan kerjasama SIRIM Berhad telah melancarkan satu piawaian yang diperkenalkan pada tahun 2005 di Malaysia dengan berpaksikan keperluan MS ISO 9001. Sistem ini turut diiktiraf oleh *Standard* Malaysia mengikut Akta Piawaian Malaysia 1996 (Akta 549). Piawaian MS 1900 ini adalah berpandukan piawaian asal MS ISO 9001 iaitu Sistem Pengurusan Kualiti - Keperluan Asas dengan menambah keperluan Syariah di dalamnya. Sistem pengurusan ini yang dikenali sebagai pensijilan piawaian MS 1900 adalah keluaran pihak SIRIM Berhad kepada organisasi-organisasi khususnya institusi pengajian tinggi di Malaysia yang telah berjaya memperolehnya melalui pelaksanaan audit yang dijalankan (Hasan Al-Banna et al., 2016).

**(iii) Pendekatan Pelaksanaan Spk Berasaskan Syariah (MS1900)**

Jika disorot kepada kajian-kajian terdahulu yang hanya tertumpu pada penyelidikan berbentuk teori atau pengenalan kepada konsep atau model sistem pengurusan Islam sahaja (Lokman & Siti Arni, 2012; Hasan Al-Banna, 2014; Hasliza, 2015; Hasliza et al., 2016; Basir et al., 2017; Mohamad Firdaus, 2018; Mohd Sadiq & Fadzila Azni, 2019). Sememangnya, kajian empirikal atau secara kualitatif adalah sangat kurang, apatah lagi penyelidikan yang berkaitan secara langsung dengan pendekatan pelaksanaan SPK Berasaskan Syariah (MS1900) serta aspek pensijilan MS 1900 ini pula masih baru dan tidak banyak dalam kalangan organisasi terutamanya institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Hakikatnya, SPK MS 1900 ini merupakan satu sistem tersusun yang membantu organisasi memberikan perkhidmatan atau produk mengikut keperluan pelanggan, perundangan serta kehendak Syariah Islam itu sendiri (Abdul Aziz, 2008). Piawaian ini dibangunkan melalui asasnya daripada ISO 9001:2000 sendiri dengan penambahbaikan untuk merapatkan jurang yang wujud dalam piawaian ISO 9001 tersebut dengan hubungannya menurut perspektif Islam (Hasan Al-Banna et al., 2015). Menurut Siti Arni (2010) yang menegaskan bahawa tujuan utama kewujudan piawaian MS 1900 ini ialah untuk memupuk dan mengamalkan sistem nilai-nilai Islam ke dalam pekerjaan seharian individu.

Tambahan pula, menurut Ahmad Sarji yang menjelaskan bahawa sistem ini dapat menerap, menggalak dan menyuburkan amalan nilai-nilai Islam ke dalam amalan seharian seseorang pekerja di organisasi masing-masing (Hasan Al-Banna, 2014). Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900 ini telah dimulakan di bawah

satu badan yang dikenali sebagai Jawatankuasa *Standard Industri* bagi *Standard Halal (The Industry Standards Committee on Halal Standards – ISC I)* (Rohana, 2008). Malah, ia dipantau oleh satu jawatankuasa kualiti industri yang bertanggungjawab dalam piawaian produk Halal.

Jelaslah bahawa piawaian MS 1900 (Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2005 di Malaysia telah menjadi kenyataan. Sistem piawaian halal ini dibangunkan sebagai satu panduan bagi sistem pengurusan organisasi untuk menghasilkan produk atau memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti sesuai dengan Syariah Islamiyyah. Bukan setakat itu sahaja, sistem pengurusan ini tuntasnya mampu meningkatkan lagi tahap keperluan Syariah dalam pengurusan organisasi. Sekali gus, memastikan aspek keyakinan pelanggan yang menggunakan produk atau perkhidmatan berada pada tahap yang memuaskan serta para pekerjanya juga akan berpuas hati dan seronok bekerja untuk menghasilkan sesuatu yang berkualiti. Berkaitan dengan perkembangan yang terkini, piawaian MS 1900 ini telah diperbaharui dan ditambah baik dengan versi yang baharu iaitu pada tahun 2014 yang dikenali sebagai 'MS 1900:2014 (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syari'ah – Keperluan dan Panduan) (Hasan Al-Banna, 2014).

Sehubungan dengan itu, kajian seumpamanya adalah sedikit sahaja dikaji dalam sorotan kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana sebelum ini khususnya untuk mengkaji impak pendekatan menerusi pelaksanaan sistem pengurusan kualiti MS 1900 dalam organisasi. Tambahan pula Fadzila Azni (2010) menegaskan bahawa kajian-kajian terhadap SPK Patuh Syari'ah ini masih belum banyak dijalankan secara terperinci dan kajiannya hanya mengukur aspek luaran

sahaja. Berasaskan inilah, penulis terdorong untuk menjalankan satu penyelidikan secara kualitatif dengan lebih mendalam tentang pendekatan atau kaedah pelaksanaan organisasi kajian terhadap SPK MS1900 ini.

## **Metodologi Kajian**

Satu penyelidikan mendalam oleh para penulis telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara kajian kes yang menerusi kaedah temu bual semi berstruktur bersama informan terpilih, pemerhatian dan bukti-bukti dokumen yang mengfokuskan kepada pendekatan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang berasaskan keperluan *Syariah* atau dikenali sebagai piawaian MS 1900 di sebuah institusi pengajian tinggi dalam negara.

Penggunaan kajian kualitatif secara kaedah kajian kes menurut Stake (1997), dianggap sebagai satu penyelidikan pendidikan yang sesuai untuk mengkaji hal-hal yang bersabit dengan pendidik dan isu-isu pendidikan yang melibatkan proses kerana dapat membantu menyiasat sesuatu masalah secara mendalam. Tambahan pula, kajian ini adalah yang pertama seumpamanya dijalankan dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia yang telah memperoleh pensijilan piawaian SPK Islam sejak diperkenalkan. Justeru, kajian kes ini dapat memberi gambaran holistik tentang apa yang berlaku semasa sistem MS 1900 dilaksanakan dalam IPT berkenaan serta membantu mewujudkan pemahaman yang jelas bagi pengkaji ketika menganalisis data-data yang diperoleh.

Kajian kes ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang terdiri daripada responden pelbagai kategori dan peranan termasuklah pengurusan atasan, pihak pengurusan pertengahan seperti Pegawai Kualiti, Pegawai Syariah, Timbalan Wakil Pengurusan atau Pengurus Dokumen atau Pegawai Rekod serta staf-staf profesional dan pelaksana (ahli akademik dan staf bukan akademik) yang terlibat secara langsung dalam mengurus SPK MS 1900 dalam organisasi kajian.

Data yang dikumpulkan secara temubual semi berstruktur bersama informan terpilih, menerusi pemerhatian dan bukti-bukti dokumen akan dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan perisian NVivo untuk meneroka pendekatan terbaik dalam pelaksanaan SPK Berasaskan *Syari'ah* (MS1900) di sebuah IPT yang dikaji.

## **Hasil Kajian**

Hasil kajian kualitatif ini dengan menggunakan kaedah pembinaan tema dan sub-kategori menerusi bantuan perisian NVivo mendapati bahawa terdapat tiga aspek pendekatan utama yang diaplikasikan. Ia menjadi amalan terbaik bagi organisasi kajian untuk merealisasikan pelaksanaan piawaian MS 1900 dalam kalangan pekerja mereka. Pendekatan tersebut meliputi pendekatan secara taklimat atau kursus, jemputan pihak perunding atau konsultan luar dan terakhir adalah pengendalian sendiri secara dalaman oleh pihak institusi pengajian berkenaan.

### **(1) Pendekatan Pertama**

Pendekatan pertama menerusi kaedah taklimat dan kursus kepada para pekerja merupakan pendekatan paling sesuai untuk menjelaskan perkara yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti MS 1900. Hasil dapatan menerusi proses pengkodan '*Coding Query*' berkenaan dengan isu ini dapat dirujuk dalam Jadual 1 yang menunjukkan bahawa seluruh staf bukan akademik (sebanyak 35 kali rujukan kod dicatat) telah menjelaskan betapa pentingnya kursus serta taklimat yang berterusan bagi penerangan secara mendalam, kemudian diikuti dengan pihak pengurusan atasan dan tenaga akademik (masing-masing 24 dan 20 kali rujukan kod dicatat).

**Jadual 1:** Proses Pengekodan terhadap 'Taklimat dan Kursus'

<b>INFORMAN KAJIAN</b>	<b>JUMLAH INFORMAN</b>	<b>JUMLAH RUJUKAN KOD</b>
Staf Bukan Akademik	5	35
Pengurusan Atasan	3	24
Tenaga Akademik	3	20
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>79</b>

Hal ini demikian kerana pihak SIRIM dan JAKIM sering mengadakan kursus-kursus penerangan kepada pihak pekerja institusi ini bagi menjelaskan lagi aspek kefahaman dalam pelaksanaan MS 1900 secara mendalam. Malahan, kursus kesedaran secara dalaman (*in-house training*) serta bengkel berkala turut dilaksanakan oleh pihak Pusat Pengurusan Kualiti sendiri bagi memastikan semua warga sentiasa prihatin dengan sistem piawaian kualiti tersebut. Selain itu, pihak pengurusan institusi tersebut mengadakan beberapa sesi perbincangan khas bagi menjelaskan kefahaman berkenaan dengan pengurusan Islam dan sebagainya. Program tersebut dikenali sebagai 'Bicara Integriti' yang diadakan secara bersiri pada setiap minggu hari Jumaat. Pihak jabatan atau unit pengajian tertentu perlu mengadakannya dengan menjemput pihak luar ataupun diambil daripada tenaga pakar sendiri.

Program perbincangan dan taklimat penerangan seperti ini akhirnya dapat melahirkan pekerja yang berpengetahuan serta mempunyai kefahaman yang mendalam semasa melaksanakan program-program SPK menurut perspektif Islam. Seinggakan, kebanyakan informan semasa sesi temu bual bersama penulis menjelaskan bahawa pematuhan Syariah dalam setiap aktiviti di institusi berkenaan telah menjadi lumrah dan budaya kerja seharian mereka.

## (2) Pendekatan Kedua

Kemudiannya, pendekatan bantuan pihak perunding luar atau konsultan pula merupakan pendekatan kedua yang diaplikasikan dalam institusi pengajian tinggi tersebut seperti dapatan kajian dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Proses Pengekodan terhadap 'Perundingan dan Konsultan Luar'

<b>INFORMAN KAJIAN</b>	<b>JUMLAH INFORMAN</b>	<b>JUMLAH RUJUKAN KOD</b>
Staf Bukan Akademik	5	25
Tenaga Akademik	3	20
Pengurusan Atasan	3	12
JUMLAH	11	57

Hasil kajian mendapati bahawa semua staf bukan akademik (sebanyak 25 kali rujukan kod) telah mengemukakan isu ini sebagai satu lagi pendekatan yang diguna pakai oleh pihak pengurusan untuk menyampaikan penerangan berkenaan dengan MS 1900. Seterusnya, pihak tenaga akademik dan pengurusan atasan turut menyokong pendekatan kedua ini dengan masing-masing sebanyak 20 dan 12 kali rujukan kod diperoleh menerusi penganalisaan data dalam perisian NVivo.

Menerusi temu bual bersama penulis, kaedah pendekatan ini kurang sedikit diamalkan kerana melibatkan pihak luar serta sejumlah kos yang perlu dikeluarkan. Berkaitan dengan isu ini, beberapa informan telah menegaskan bahawa pihak institusi kajian pernah menjemput perunding luar pada peringkat awal pengenalan piawaian sistem pengurusan kualiti MS 1900 antaranya seperti JAKIM, SIRIM, *National Productivity Corporation* (NPC) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan beberapa wakil daripada UM, UKM dan UIA. Walau bagaimanapun, pihak interviewee



ada menyatakan beberapa kebaikan daripada penerangan yang disampaikan oleh pihak luar kepada warga institusi iaitu mereka sememangnya mempunyai kepakaran yang tinggi serta berpengalaman dalam aspek sistem piawaian tersebut, di samping kos yang ditawarkan adalah bersesuaian dan kurang 'bias' atau sikap memilih kasih semasa menjalankan proses audit. Sekiranya perunding luar datang ke institusi berkenaan, pekerja akan lebih mendengar dan bersikap berwaspada semasa mengemukakan bukti-bukti tertentu dalam aktiviti pengauditan. Hal sebegini akhirnya mampu menghasilkan pelaksanaan sesuatu aktiviti atau program dengan lebih lancar dan berkualiti.

### **(3) Pendekatan Ketiga**

Manakala pendekatan terakhir yang dilakukan dalam institusi ini adalah kaedah penjelasan yang dikendalikan secara dalaman oleh pihak institusi sendiri seperti staf Pusat Pengurusan Kualiti kepada para pekerja. Peranan penceramah dalaman atau jurulatih berkelayakan yang dilantik sendiri oleh institusi turut memainkan peranan penting bagi memastikan pelaksanaan MS 1900 dapat direalisasikan dengan jayanya khusus dalam konteks perkhidmatan pendidikan yang unik. Hal ini disebabkan jurulatih dalaman lebih memahami aspek persekitaran institusi tersebut dan juga mereka sudah mengenali pelatih itu sendiri yang akhirnya, memudahkan aspek perpindahan latihan di kalangan pekerja.

**Jadual 3:** Proses Pengkodan terhadap 'Pendekatan Sendiri'

<b>INFORMAN KAJIAN</b>	<b>JUMLAH INFORMAN</b>	<b>JUMLAH RUJUKAN KOD</b>
Staf Bukan Akademik	4	18
Tenaga Akademik	2	15
Pengurusan Tertinggi	3	11

JUMLAH	9	44
--------	---	----

Apabila merujuk kepada Jadual 3, hasil kajian menunjukkan bahawa staf bukan akademik dan tenaga akademik, masing-masing mengemukakan jumlah rujukan yang hampir setara iaitu 18 dan 15 kali rujukan kod diperoleh. Selebihnya daripada pihak pengurusan atasan sebanyak 11 kali rujukan kod yang direkodkan. Dapatan ini sekaligus menggambarkan kebanyakan informan mengemukakan bahawa aspek penjelasan berkaitan MS 1900 boleh disampaikan secara sendiri oleh pihak Pusat Pengurusan Kualiti atau pekerja-pekerja yang berkecuali.

Hal ini disebabkan pihak institusi sendiri sudah mempunyai kepakaran yang mencukupi serta mampu menjimatkan kos bayaran kepada pihak luar seperti yang diutarakan oleh pihak interviewee semasa temu bual dijalankan. Namun, bukan semua aspek berkaitan dengan piawaian SPK disampaikan oleh pihak dalaman, kerana ia hanyalah tertumpu kepada aspek penjelasan atau program kesedaran sahaja yang dikendalikan mereka. Perkara ini lebih efektif lagi apabila terdapat segelintir pegawai di peringkat pengurusan atasan berhasrat menawarkan diri untuk menyampaikan taklimat atau bengkel berkaitan sistem pengurusan kualiti kepada orang bawahannya.

## **Kesimpulan**

Menerusi perbincangan daripada hasil kajian ini dapatlah disimpulkan bahawa ketiga-tiga pendekatan tersebut merupakan faktor pendorong kepada kejayaan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti yang berasaskan kepatuhan kepada Syariah. Diharapkan dengan dapatan ini dapat menjadi panduan kepada organisasi lain khususnya IPT dalam mengamalkan urus tadbirnya yang bukan hanya berkualiti, malah segala tindak tanduk para pekerja diberi ganjaran pahala sebagai ibadat serta diredhai oleh Ilahi dan

mendapat keberkatan dariNya (Muhamad Faisal & Mohd Rizal (2013).

Sehubungan dengan itu juga, penulis mencadangkan beberapa langkah dan solusi bagi sebarang organisasi yang ingin melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang berasaskan Syariah menerusi piawaian MS 1900 ini dengan lebih berkesan, Antara langkah yang boleh dijadikan panduan merealisasikan MS 1900 tersebut adalah sebanyak lapan solusi utama iaitu:

- (1) Sesebuah institusi pengajian tinggi perlu menganalisis jurang terlebih dahulu antara urus tadbir sistem yang sedia ada dengan sistem MS 1900 yang bakal dilaksanakan. Sekiranya ia mempunyai jurang yang besar, maka organisasi perlu banyak kerja untuk menyeragamkan segala proses kerjanya ke arah kepatuhan kepada Syariah. Hal sebegini akan merumit dan melambatkan proses pelaksanaan dan mendapatkan sijil.
- (2) Setiap individu dalam organisasi harus diberi kefahaman yang jelas tentang pendekatan dan pelaksanaan system pengurusan kualiti berasaskan Syariah dengan didahului kepada pihak pengurusan atasan, pekerja peringkat pertengahan dan akhirnya pekerja bawahan.
- (3) Solusi ketiga adalah para pekerja organisasi perlu membentuk kumpulan-kumpulan kerja yang membincangkan isu-isu pendekatan bagi pelaksanaan piawaian MS 1900, menentukan jangka masa kepada setiap bahagian dan menetapkan tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh mereka serta bertanggungjawab menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul.
- (4) Seterusnya, Wakil Pengurusan atau pihak atasan organisasi harus juga dilantik untuk berperanan penting dalam mengemudikan perubahan atau pelaksanaan MS 1900 ini dalam organisasi berkenaan seperti yang termaktub dalam standard atau Kluasa MS 1900 itu sendiri.

- (5) Solusi berikutnya adalah pihak pengurusan menentukan objektif kualiti yang berupaya dicapai serta pembentukan polisi kualiti yang jelas. Sekiranya objektif atau polisi ini jelas oleh setiap pekerja, maka mereka akan berganding bahu untuk sama-sama menjayakannya pada setiap masa.
- (6) Kemudian, kesemua dokumen atau prosedur kualiti mestilah diwujudkan bersesuaian dengan amalan atau proses yang berlaku dalam institusi tersebut. Dokumentasi ini dimulai dengan prosedur pertama yang wajib diwujudkan iaitu dikenali sebagai MK (Manual Kualiti), seterusnya Prosedur Kualiti, Arahan Kerja dan hierarki terakhir adalah rekod dan dokumen sokongan.
- (7) Solusi yang ketujuh adalah setiap pekerja dalam institusi berkenaan perlu diberikan latihan yang bersesuaian khususnya berkaitan dengan klausa dan pelaksanaan piawaian MS 1900 ini. Apabila kesemua mereka telah memahaminya dengan sempurna, maka sudah tentu prestasi kerja mereka akan meningkat dan yang lebih penting ia patuh kepada ajaran Islam itu sendiri.
- (8) Terakhirnya adalah pihak pengurusan institusi perlu merancang, mengurus dan melaksanakan proses audit dalaman yang berkesan. Dengan pelantikan seorang wakil yang dikenali sebagai Ketua Auditor Dalaman SPK ini sudah pasti segala isu dan permasalahan dapat dibincangkan bersama pihak pengurusan tertinggi dalam satu mesyuarat khas yang dipanggil Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Dalam mesyuarat inilah pelbagai isu luaran dan dalaman dibincangkan dan dibuat keputusan terbaik demi kelangsungan tadbir urus organisasi yang berkualiti dan produktif.

Secara kesimpulannya, kelapan-lapan solusi atau langkah ini jika diamalkan oleh organisasi yang mempunyai piawaian MS1900 sudah pasti sistem pengurusan kualitinya akan berjaya direalisasikan. Malah, para pekerjanya juga akan berpuas hati

melakukan sebarang tugas di tempat kerja dan akhirnya keberkatan daripada Allah SWT pasti diperoleh apabila setiap tindak-tanduk pekerjaanya sentiasa mematuhi Syariah.

## **Penghargaan**

Kajian ini diperuntukkan oleh Geran Penyelidikan Jangka Pendek (Sains Sosial) (UPNM/2019/GPJP/SSK/3) pada tahun 2019 oleh pihak UPNM.

## **Rujukan**

Abdul Aziz L. "MS 1900:2005: Sistem Pengurusan Kualiti - Keperluan dari Perspektif Islam. Makalah, Seminar Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam (MS 1900:2005)", Peringkat Kebangsaan, Jabatan Standard Malaysia, Perbadanan Johor, Dewan Perdagangan Islam Malaysia, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan IKIM, Hotel Concorde, Shah Alam, 25 November 2008.

Basir S.A., Abdul Ghani Azmi I., Syed Ismail S.H., Ibrahim P. and Mohamed H.A. "Malaysian Islamic Quality Management System MS1900: An Implementation Steps at Malacca Zakat Center", *Humanomics* 33, no. 2 (2017): 239-254.

Fadzila Azni A. *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2010.

Firma Penyelidikan Pasaran dan Perundingan Antarabangsa, IPSOS. (2021). Layari Laman Sesawang Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-malaysia-catat-purata-tertinggi-bekerja-dari-rumah-ipsos-279051>. Dicapai pada 25 Mei 2021.

Hasan Al-Banna M. "Kajian Kes Pelaksanaan MS1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia", Tesis Doktor Falsafah. Akademi

- Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: UMKL, 2014.
- Hasan Al-Banna M., Ab. Mumin A.G. and Siti Arni B. "Factors Influencing the Implementation of Islamic QMS in a Malaysian Public Higher Education Institution", *Total Quality Management & Business Excellence* 27 no. 9-10 (2016):1140-1157.
- Hasan Al-Banna M., Ab. Mumin A.G., Siti Arni B., Sharifah Hayaati S.I. dan Ilhaamie A.G.A. "Manual Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syari'ah MS1900 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: ke Arah Pengurusan Berkesan dan Inovatif", Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), 2015.
- Hasliza M.A., Siti Arni B. and Musaiyadah A. "Implementation of the Islamic Quality Management System MS1900 and Its Benefits: A Case Study at the Department of Hajj, Waqf and Zakah, Malaysia", *GJAT* 6 no. 2 (2016): 85-98.
- Hasliza M.A. "Kajian Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900: Keperluan Daripada Perspektif Islam di Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)", Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. KL: UMKL, 2015.
- Kamus Dewan. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Mohamad Firdaus Z. "Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS1900 di Darul Quran, JAKIM", Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2018.
- Mohd Sadiq M.M. and Fadzila Azni A. "The Islamic Quality Management System in Malaysia: A Narrative Review", *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 4 no. 26 (December 2019): 44 - 56.
- Muhamad Faisal B. and Mohd Rizal M. "Kualiti Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam", Proceeding of the International Convention on Islamic Management-Realizing Islamic

- Management in the 21st Century: Challenges and Prospects, 27 - 28 November 2013. University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Norfazila I. "Sistem Pengurusan Islam Alternatif Terbaik", *Berita Harian*, 5 Jun 2012, N6.
- Rohana M. "MS 1900:2005 – Piawaian Halal Sistem Pengurusan Kualiti", 28 Oktober 2008. Layari dalam laman sesawang BERNAMA.  
<http://web10.bernama.com/kpdnhep/newsBm.php?id=367533&cat=fe&vo=33>. Dicapai 23 Jun 2012.
- Siti Arni B., Bharudin C.P. dan Raja Hisyamudin R.S. "Suntikan Nilai-Nilai Islam ke Atas Pelaksanaan Penambahbaikan Berterusan dalam Konteks Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9000", *Jurnal Shari'ah* 18 no.1 (2010): 91-122.
- Zulnaidi Y. "Kesan Pengurusan Kualiti Terhadap Prestasi Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan", *Jurnal Kemanusiaan* 12 (Disember 2008): 1-13.









## **Kisah Nabi Yusuf A.S dalam Dua Manuskrip Melayu: Kajian Bandingan**

Rosma binti Din

### **Abstrak**

Satu-satunya kisah yang telah dinobatkan oleh Allah SWT sebagai kisah terbaik ialah kisah Nabi Yusuf a.s. Allah SWT menceritakan kisah nabi mulia ini dari mimpinya melihat 11 bintang, bulan dan matahari sujud kepadanya sehingga mimpi tersebut menjadi kenyataan dalam satu surah yang diberi nama surah Yusuf. Terdapat manuskrip-manuskrip melayu tentang kisah Nabi Yusuf a.s bertulisan jawi yang masih disimpan rapi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa buah perpustakaan universiti luar negara. Kajian ini hanya memilih dua manuskrip sahaja iaitu manuskrip pertama bertajuk 'Hikayat Nabi Yusuf' dan yang kedua bertajuk 'Kisah Nabi Yusuf.' Tujuan tinjauan literatur ini membuat perbandingan dengan mencari persamaan dan perbezaan sastera di antara kedua-dua manuskrip di sudut watak, plot, latar dan gaya bahasa. Selain itu juga bertujuan untuk mencari kesan al-Quran yang merupakan sumber asal cerita terhadap kedua-dua manuskrip ini. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif melalui kajian dua manuskrip yang telah terpilih, kitab-kitab tafsir ulama klasik dan kontemporari, buku-buku serta kertas-kertas penyelidikan yang berkaitan. Selain itu, pengkaji akan menggunakan pendekatan analitikal dalam membincangkan dan menganalisa pandangan-pandangan yang dilontarkan berkaitan tajuk ini. Penulis mendapati manuskrip 'Kisah Nabi Yusuf' lebih lengkap watak dan plotnya berbanding manuskrip 'Hikayat Nabi Yusuf.' Latar masa dan tempat kedua-dua manuskrip adalah sama sementara gaya Bahasa pula menunjukkan perbezaan. Manuskrip 'Kisah Nabi Yusuf' juga didapati lebih menepati intipati surah Yusuf berbanding 'Hikayat Nabi Yusuf'. Kesimpulannya, sastera melayu lama pada hakikatnya amat terkesan dengan kisah al-Quran.

**Kata kunci:** bandingan, manuskrip, jawi, hikayat, kisah

## **The story of Joseph under Two Malay Manuscript: Comparative Study**

Rosma binti Din

### **Abstract**

The only story that God has crowned as the best story is the story of the prophet Joseph. Allah narrated the story of this noble prophet from his dream of seeing 11 stars, moon and sun prostrating to him until the dream came true in a surah named Surah Yusuf. There are manuscripts wither on the story of Joseph, Jawi is still kept immaculate by the Dewan Bahasa dan Pustaka and several university libraries abroad. This study selected two manuscripts, namely the first manuscript entitled Hikayat Nabi Yusuf and the second entitled Kisah Nabi Yusuf. It aims to make comparisons by finding similarities and literary differences between the two manuscripts in terms of character, plot, setting and language style. In addition, it also aims to find the effect of the Qur'an which is the original source of the story of these two manuscripts. This study uses a descriptive approach through the study of two selected manuscripts, books of interpretation classical and contemporary scholars, books and related research papers. In addition, the researcher will use an analytical approach in discussing and analyzing the views expressed in relation to this topic. The author found that the manuscript entitled Kisah Nabi Yusuf is very detailed in telling the story of the Prophet Yusuf compared to the manuscript entitled Hikayat Nabi Yusuf, thus showing that the Qur'an has a more profound effect on this manuscript. In conclusion, the fact that the old Malay literature was very impressed with the story of the Quran.

**Keywords:** comparison, manuscript, jawi, persuasion (hikayat), story

## **Pendahuluan**

Penemuan beberapa buah manuskrip kisah Nabi Yusuf di Semenanjung Malaysia menunjukkan kisah ini diminati ramai antaranya ialah tiga manuskrip koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang lengkap iaitu MKM 1375, MKM 3971 dan MS 776.A.(Ali Ahmad 1999). Selain manuskrip, kisah Nabi Yusuf diceritakan secara terperinci dalam buku-buku tentang kisah nabi-nabi seperti 'Surat al-Anbiya' diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan 'Qisas al-Anbiya' bertulisan jawi terbitan Dar al-Ma'arif Pulau Pinang. Kisah Nabi Yusuf terus ditulis dan dikaji kerana ia adalah kisah paling lengkap diceritakan oleh al-Quran untuk diambil iktibar oleh seluruh manusia (Ahmad Shukri Yusoff 2015) Kajian ini dijalankan untuk membuat perbandingan bagi merungkai persamaan dan perbezaan di antara dua manuskrip jawi iaitu 'Hikayat nabi Yusuf' dan 'Kisah nabi Yusuf'. 'Hikayat Nabi Yusuf' ditulis oleh Muhammad Labai pada tahun 1802. Manuskrip jawi ini masih tersimpan di British Library dan di transliterasikan ke tulisan jawi oleh Arsyad Mokhtar (Arsyad Mokhtar 2018), sementara 'Kisah Nabi Yusuf' ditulis oleh Alwi bin Idrus al-Idrus pada tahun 1914 dan ditransliterasikan oleh Ali Ahmad. Manuskrip ini adalah yang paling lengkap penceritaan kisah Nabi Yusuf dari awal mimpinya hingga ia menjadi realiti (Ali Ahmad 1999). Aspek sastera yang akan dibandingkan melalui dua manuskrip ini ialah watak, plot, latar dan gaya Bahasa.

## **Tinjauan Literatur**

Ali Ahmad telah menjalankan kajian bandingan kisah Nabi Yusuf yang terdapat dalam dua buah buku iaitu 'Surat al-Anbiya' dan 'Qisas al-Anbiya' (Ali Ahmad,1999) Beliau membandingkan kisah Nabi Yusuf daripada perspektif konteks cerita, tujuan kisah, sudut

pandangan dan urutan cerita. Beliau ingin melihat kelainan cerita Nabi Yusuf dalam setiap buku tersebut. Maka beliau merasakan amat bermanfaat sekiranya kelainan tersebut dapat dipersembahkan kepada pembaca secara perbandingan (1999).

#### METODOLOGI KAJIAN

Ali Ahmad juga turut melakukan transliterasi sebuah manuskrip jawi bertajuk 'Kisah Nabi Yusuf'. Manuskrip ini adalah satu-satunya naskah yang lengkap penceritaan kisah Nabi Yusuf oleh Alwi bin Idrus al-Idrus pada tahun 1914 (Ali Ahmad 1999) bertitik tolak dari manuskrip lengkap ini, pengkaji mendapatkan sebuah lagi manuskrip jawi bertajuk 'Hikayat Nabi Yusuf' ditulis oleh Muhammad Labai pada tahun 1802.

Kedua-dua manuskrip 'Kisah Nabi Yusuf' dan 'Hikayat Nabi Yusuf' akan dijadikan sumber utama kajian bandingan sastera ini. Aspek-aspek perbandingan ialah persamaan dan perbezaan watak, plot, latar dan gaya Bahasa. Kajian ini akan menggunakan pendekatan deskriptif melalui kajian dua manuskrip yang telah terpilih, kitab-kitab tafsir ulama klasik dan kontemporari, buku-buku serta kertas-kertas penyelidikan yang berkaitan. Selain itu, pengkaji akan menggunakan pendekatan analitikal dalam membincangkan dan menganalisa pandangan-pandangan yang dilontarkan berkaitan tajuk ini.

#### ***Watak***

Watak ialah tokoh atau pelaku dalam karya sastera atau seni (Kamus Dewan 2015). Watak utama dalam kedua-dua manuskrip ini adalah watak yang sama. Mereka ialah Nabi Yusuf, Yahuza atau Yahuda yang merupakan abang sulung Nabi Yusuf, Malik seorang peniaga, Zulaikha dan suaminya yang bergelar al-Aziz (al-Quran:12:30)

Watak Nabi Yusuf digambarkan sebagai seorang yang penyabar dan pemaaf (al-Quran:12:92). Baginda menghadapi ujian demi ujian dari kecil hingga dewasa dengan penuh kesabaran dan reda. Setelah peristiwa mimpi baginda melihat sebelas bintang,

bulan dan matahari di ketahui oleh saudara-saudaranya dan mereka menaruh kedengkian terhadapnya, mereka bersepakat membuangnya ke dalam perigi demi memisahkannya dari ayah mereka yang mereka sangka lebih menyayangi Yusuf berbanding mereka (al-Quran:12:8).

Yusuf kemudiannya dijual sebagai hamba kepada suami Zulaikha di Mesir. Baginda diuji lagi apabila digoda oleh Zulaikha lalu baginda lebih rela dipenjarakan berbanding terpaksa melayan kehendak Zulaikha. Kesabaran baginda diuji lagi apabila dipenjarakan dalam keadaan baginda tidak bersalah. Kehebatan baginda mentafsirkan mimpi merupakan jalan keluar yang telah dirancang oleh Allah untuk membebaskan Yusuf dari belunggu penjara dan akhirnya menaiki takhta. Watak kesabaran Nabi Yusuf dalam kedua-dua manuskrip adalah sama kecuali Nabi Yusuf digambarkan oleh 'Hikayat Nabi Yusuf' sebagai seorang yang takabbur ketika melihat wajahnya di cermin kerana wajahnya terlalu tampan lalu baginda berkata di dalam hati bahawa tiada sesiapa pun yang mampu membelinya sekiranya baginda dijual. Disebabkan sifat inilah, maka baginda dibuang ke dalam perigi oleh saudaranya sendiri dan terpaksa menempuhi ujian demi ujian dalam hidupnya.

Yahuza pula ialah watak abang sulung Nabi Yusuf dalam kedua-dua manuskrip. Walaupun di dalam 'Hikayat Nabi Yusuf' disebutkan bahawa abang sulung Nabi Yusuf bernama yashhud atau tashhud di permulaan kisah, namun di penghujung kisah, penulis meletakkan nama Yahuza sebagai nama abang sulung Nabi Yusuf. Dia dan semua adik beradiknya kecuali Yusuf dan Bunyamin berpakat untuk melenyapkan Yusuf dari pandangan ayah mereka kerana perasaan dengki dan menganggap ayah mereka lebih sayangkan Yusuf. Setelah mereka Berjaya meminta keizinan Ya'kob membawa Yusuf keluar bermain di padang, mereka memukul Yusuf sehingga separuh mati. Yahuza kemudiannya kasihan terhadap Yusuf lalu mempertahankannya dari terus dibelasah dan akhirnya mencadangkan supaya Yusuf dibuang sahaja ke dalam perigi. Dia memberikan cadangan ini supaya mereka tidak membunuh Yusuf

dengan tangan mereka sebaliknya mereka membiarkan Yusuf mati sendiri tanpa makan dan minum. Peranan Yahuza sekali lagi ditampilkan apabila dia yang mencadangkan kepada saudaranya untuk membebaskan Bunyamin secara kekerasan kerana mereka tidak Berjaya memujuk Yusuf membebaskan Bunyamin setelah dia dituduh mencuri di Mesir. Mereka akan menggunakan kekuatan istimewa mereka sebagai anak nabi Ya'kob untuk menggertak Yusuf dan rakyat Mesir demi membebaskan Bunyamin. Kedua-dua manuskrip menggambarkan bahawa sekiranya mereka bertempik, bulu roma mereka akan berdiri seperti jarum. 'Kisah Nabi Yusuf' memperincikan lagi kekuatan mereka iaitu tempikan mereka akan menyebabkan orang yang mendengarnya akan mati dan wanita akan keguguran. Namun, cubaan mereka dipatahkan oleh anak Nabi Yusuf bernama efratim. Kedua-dua manuskrip sekali lagi memperincikan peranan Yahuza apabila dia enggan pulang ke Kan'an kerana malu menemui ayahnya tanpa membawa pulang Bunyamin bersama mereka. Al-Quran merakamkan peristiwa saudara sulung Yusuf yang enggan pulang dalam ayat 80 surah Yusuf. Hanya 'Kisah Nabi Yusuf' yang menceritakan peranan terakhir Yahuza iaitu membawa pulang baju Yusuf dari Mesir ke Kan'an sebagai bukti kepada Ya'kob bahawa Yusuf masih hidup dan agar matanya yang telah lama buta akibat menangi kehilangan Yusuf akan celik semula.

Malik ialah seorang peniaga yang sering berulang alik dari Kan'an ke Mesir atas urusan perniagaannya. Nama Malik di dalam 'Hikayat Nabi Yusuf' ialah Malik ibn Da'war sementara namanya di dalam 'Kisah Nabi Yusuf' ialah Malik bin za'ir al-khuza'i. Nama penuh agak berbeza namun peranan adalah sama. Malik membawa Yusuf bersamanya ke Mesir dan menjualnya kepada suami Zulaikha dengan harga yang sangat tinggi. Tetapi kemudiannya dia menyesal dan ingin menarik balik perjanjian jual beli yang telah termeterai. Suami Zulaikha menolak permintaan Malik. 'Hikayat Nabi Yusuf' memperkenalkan Malik dengan agak terperinci apabila turut diceritakan mimpi Malik melihat permata jatuh dari langit dan masuk kedalam lengan tangan kanan dan keluar melalui lengan

tangan kiri. Mimpi itu ditafsirkan bahawa Malik akan bertemu seorang budak yang akan membuatkan dia kaya raya dan mendapat rezeki anak lelaki. Mimpi ini tidak disebut di dalam 'Kisah Nabi Yusuf'. Watak Malik tidak disebut dalam al-Quran.

Zulaikha pula diperkenalkan dalam 'Hikayat Nabi Yusuf' sebagai anak Raja Thimas. Dia bermimpi melihat seorang lelaki yang mengaku sebagai suaminya. Mimpi tersebut menyebabkannya separuh gila. Lelaki tersebut kemudiannya memberitahu bahawa dia adalah raja Mesir dan namanya ialah Yusuf. Raja Thimas segera meminang raja Mesir. Namun, pada hari perkahwinan Zulaikha dengan raja Mesir tersebut, ternyata raja Mesir itu bukanlah Yusuf lalu menyebabkan Zulaikha berdukacita. Biodata ini tidak disebutkan dalam 'Kisah Nabi Yusuf'. Kedua-dua manuskrip menceritakan kegembiraan Zulaikha apabila suaminya membeli Yusuf dari Malik. Dia menjaga Yusuf dengan baik sehingga apabila Yusuf dewasa, dia terpicat dengan ketampanan Yusuf dan menggodanya. Disebabkan Yusuf enggan melayan kehendaknya, Yusuf akhirnya dipenjarakan. Namun di penghujung cerita, mereka akhirnya berkahwin dan dikurniakan dua orang anak. Watak zulaikha disebutkan dalam surah Yusuf tanpa menyebut namanya (al-Quran:12:23), majlis yang diadakannya pada ayat (al-Quran:12:31) sehingga Yusuf dipenjarakan pada ayat (al-Quran:12:32). Wataknya diakhiri dengan pengakuan bersalah (al-Quran:12:51-53).

Suami Zulaikha digambarkan dalam kedua-dua manuskrip sebagai orang yang membeli Yusuf dari Malik dengan harga yang amat tinggi. Dia juga yang bersetuju dengan Zulaikha untuk memenjarakan Yusuf. Namun perbezaan ketara di antara dua manuskrip ialah suami Zulaikha di dalam 'Kisah Nabi Yusuf' adalah Perdana Menteri Mesir yang jawatannya digelar al-Aziz. Namanya ialah Qatafir. Dia bukanlah raja Mesir kerana Raja Mesir di dalam 'Kisah Nabi Yusuf' digelar Malik (al-Khalidi 1998). Nama raja Mesir ialah ar-Rayyan bin al-Walid. Disebabkan Yusuf Berjaya mentafsirkan mimpinya, dia telah membebaskan Yusuf dari penjara. Sementara suami Zulaikha di dalam 'Hikayat Nabi Yusuf'

ialah raja Mesir yang bernama Aziz. Ini bermaksud raja Aziz di dalam 'Hikayat Nabi Yusuf' berperanan sebagai menteri sekaligus sebagai raja Mesir yang membeli Yusuf dan menyebabkan Yusuf dipenjarakan. Kemudian dia juga pemilik mimpi yang ditafsirkan oleh Yusuf dan akhirnya membebaskan Yusuf dari penjara. Ini merupakan perbezaan watak dalam kedua-dua manuskrip. Penulis mendapati bahawa watak yang bertepatan dengan al-Quran ialah yang disebutkan dalam 'Kisah Nabi Yusuf'. Raja Mesir digelar Malik, sementara Menterinya digelar Aziz (ibnu kathir 2008), cuma nama mereka tidak ditentukan oleh al-Quran kerana nama bukan menjadi matlamat penceritaan al-Quran.

## **Plot**

Plot ialah jalan cerita dalam novel, filem, drama dan sebagainya (Kamus Dewan 2015). Plot mengemukakan perkara yang terjadi dan sebab perkara itu terjadi. Kedua-dua manuskrip mempersembahkan cerita Nabi Yusuf secara kronologis seperti yang diceritakan oleh al-Quran. Konflik adik beradik yang bermula dari mimpi Nabi Yusuf dan semua ujian yang dilalui oleh baginda diceritakan satu persatu dalam kedua-dua manuskrip tanpa ada satu pun yang tercicir. Cuma terdapat beberapa penambahan peristiwa dalam 'Hikayat Nabi Yusuf' yang tiada di dalam 'Kisah Nabi Yusuf', dan begitu juga sebaliknya.

Contohnya ialah mimpi-mimpi Yusuf yang menyebabkan semua saudaranya dengki terhadapnya. 'Hikayat Nabi Yusuf' hanya memaparkan mimpi Yusuf melihat 11 bintang, bulan dan matahari sujud kepadanya menyebabkan kedengkian tersebut. Ia ditafsirkan oleh Ya'kob bahawa Yusuf bakal menguasai semua saudaranya dan tafsiran ini didengari oleh ibu Yahuza lalu menceritakannya kepada anak-anaknya menyebabkan mereka semua dengki terhadap Yusuf. Sebaliknya di dalam 'Kisah Nabi Yusuf' terdapat 3 mimpi berasingan yang menjadi punca kedengkian tersebut.

'Hikayat Nabi Yusuf' juga menggambarkan keletihan Malik bin Da'war dalam usahanya menjual Yusuf lalu akhirnya dia



merasakan orang yang paling layak dan mampu membeli Yusuf hanyalah raja Mesir iaitu raja Aziz. Pada mulanya Malik mensyaratkan setiap orang yang mahu melihat ketampanan Yusuf perlu membayar 1 dinar. Harga tersebut semakin tinggi hari demi hari, namun tiada siapa pun yang sanggup membeli Yusuf kerana terlalu tampan bagaikan malaikat. Akhirnya Malik memutuskan untuk menjual Yusuf kepada raja Mesir. Babak ini tidak disebutkan di dalam 'Kisah Nabi Yusuf'.

Begitu juga dengan godaan Zulaikha terhadap Yusuf yang berlaku ketika suaminya berburu di hutan juga tiada disebut di dalam 'Kisah Nabi Yusuf'. Zulaikha diceritakan mengambil peluang menggoda Yusuf ketika Yusuf pulang ke istana untuk mengambil busur raja yang ditinggalkan kerana terlupa. Zulaikha menggunakan peluang ini untuk menceritakan mimpinya bersuamikan Yusuf sebelum dia berkahwin dengan raja Aziz dahulu.

Perbezaan peristiwa bagaimana Yusuf dipenjarakan antara kedua-dua manuskrip juga dapat diperhatikan apabila 'Hikayat Nabi Yusuf' menggambarkan bahawa Yusuf Berjaya meloloskan dari dari godaan Zulaikha lalu bersegera ke hutan menghantar busur raja. Petang itu ketika suami Zulaikha pulang dari berburu, dia menuduh Yusuf cuba menggodanya. Yusuf membela dirinya dari tuduhan tersebut dan menjadikan seorang bayi sebagai saksi kejadian. Bayi tersebut menyebelahi Nabi Yusuf. Peristiwa ini diketahui oleh penduduk Mesir menyebabkan Zulaikha malu. Dia lantas membina sebuah rumah kaca dan menjemput kawan-kawannya hadir. Dalam majlis tersebut, mereka secara tidak sedar telah melukai jari sendiri ketika sedang memotong buah limau kerana terpancang wajah Yusuf. Kes ini dilaporkan kepada raja lalu raja memutuskan untuk memenjarakan Yusuf.

Berbeza dengan 'Kisah Nabi Yusuf' yang menceritakan kegagalan Zulaikha menggoda Yusuf kerana terserempak dengan suaminya, Aziz Qatafir di pintu ketika sedang mengejar Yusuf. Apabila kisah ini menjadi buah mulut wanita Mesir, Zulaikha malu lalu mengadakan majlis yang menyebabkan jari wanita-wanita Mesir berdarah. Disebabkan kegagalan demi kegagalan dalam

usaha menggoda Yusuf, akhirnya Zulaikha mencadangkan kepada suaminya untuk memenjarakan Yusuf. Aziz Qatafir mencadangkan supaya Zulaikha mengadap Malik ar-Rayyan memohon keizinan memenjarakan Yusuf di penjara kerajaan. Cadangan ini ialah untuk menyukarkan Zulaikha sewenang-wenangnya membebaskan Yusuf dalam masa terdekat.

Klimaks cerita Yusuf yang disumbat ke dalam penjara setelah terbukti tidak bersalah diceritakan dalam kedua-dua manuskrip, begitu juga kisah dua orang sahabat banduan yang menceritakan mimpi mereka kepada Yusuf untuk ditafsirkan. Salah seorang di antara mereka dibebaskan dan bekerja sebagai pemberi minum raja dan seorang lagi dihukum bunuh.

Peristiwa yang menyebabkan Yusuf bebas dari penjara dan akhirnya dilantik sebagai orang yang paling berkuasa di Mesir juga turut mempunyai banyak persamaan dan perbezaan. Kedua-dua manuskrip menceritakan kejayaan Yusuf mentafsirkan mimpi raja, yang akhirnya menyebabkan raja berkenan membebaskan Yusuf dari penjara. Namun, menurut 'Hikayat Nabi Yusuf', raja telah terlupa mimpinya lalu meminta semua menteri menceritakan mimpinya. Bekas banduan yang bekerja sebagai pemberi minum raja mencadangkan nama Yusuf sebagai orang yang paling layak melaksanakan permintaan raja. Ketika dia menemui Yusuf untuk dibebaskan atas arahan raja, Yusuf meletakkan syarat iaitu semua banduan mesti dibebaskan juga dan sesiapa pun dilarang untuk menyebarkan berita pembebasannya dari penjara. Setelah syarat tersebut dipenuhi, Yusuf pun dijemput keluar dari penjara dengan penuh kebesaran dan penghormatan. Ketika mengadap raja, raja meminta Yusuf menceritakan mimpinya yang telah dia lupa berserta tafsirnya sekali. Raja amat senang dengan tafsir tersebut dan segera melantik Yusuf sebagai raja.

Agak berbeza dengan 'Kisah Nabi Yusuf' yang memaparkan kegagalan menteri mentafsirkan mimpi raja lalu menyebabkan pemberi minum raja menemui Yusuf dalam penjara bagi mendapatkan tafsir mimpi tersebut. Yusuf terus memberikan cadangan penyelesaian masalah yang digambarkan dalam mimpi

tersebut dan cadangan tersebut disampaikan kepada raja. Raja berkenan membebaskan Yusuf namun Yusuf meletakkan syarat supaya raja menyiasat kes wanita yang pernah melukai jari mereka beberapa tahun lalu. Siasatan tersebut telah membersihkan nama Yusuf dan Yusuf dilantik menggantikan tempatnya sebagai raja selama 14 tahun. Sementara itu, suami Zulaikha iaitu Aziz Qatafir dilucutkan jawatan dan segala urusan yang pernah dilaksanakannya turut diserahkan kepada Yusuf.

Seterusnya mimpi Yusuf menjadi realiti semasa Yusuf menjawat jawatan mentadbir Mesir. Berlaku musim subur selama tujuh tahun diikuti musim kemarau yang turut melanda negara sekitar termasuk Kan'an. Ini menyebabkan saudara Nabi Yusuf bertandang ke Mesir bagi mendapat bekalan makanan kerana hanya Mesir yang menyimpannya. Mesir telah bersedia menghadapi kemarau sepanjang pentadbiran Nabi Yusuf. Kedua-dua manuskrip menceritakan pada kali ketiga permusafiran ke Mesir untuk membebaskan Bunyamin yang telah ditahan atas tuduhan mencuri, akhirnya Yusuf memperkenalkan dirinya kepada saudaranya. Perbezaan antara dua manuskrip ialah 'Hikayat Nabi Yusuf' menceritakan bahawa mereka akhirnya bersepakat untuk menjemput Ya'kob ke Mesir dengan mewakilkan Kabiri selaku bendahari Yusuf untuk mengiringi perjalanan Ya'kob dan seluruh keluarga ke Mesir. Sementara 'Kisah Nabi Yusuf' pula menggambarkan bahawa Yusuf mengirimkan baju tersebut kepada abang sulungnya Yahuza. Semua saudaranya pulang ke Kan'an dan berhijrah ke Mesir bersama Ya'kob. Maka mimpi Yusuf menjadi kenyataan apabila kesemua saudaranya sebelas orang yang mewakili bintang, ibunya dan ayahnya sujud kepadanya.

## **Latar**

Latar berperanan memberikan suasana kepada peristiwa dan manusia yang terdapat dalam cerita. Kedua-dua manuskrip mempunyai persamaan yang ketara apabila memilih latar negara timur tengah dalam kisah Nabi Yusuf iaitu latar tempat sebenar

berlakunya kisah ini. Nabi Ya'kob dan keluarga baginda tinggal di Kan'an, Palestin, sebuah perkampungan yang kebanyakan penduduknya mengembala haiwan ternak termasuklah keluarga nabi Ya'kob. Perigi yang menjadi sasaran pembuangan Yusuf terletak di laluan para musafir untuk menuju ke Mesir. Setelah sampai di Mesir dan Yusuf dijual kepada suami Zulaikha, Yusuf dilayan begitu baik oleh pasangan tersebut di istana mereka. Sekalipun status Yusuf ialah seorang hamba berbangsa Ibrani, namun layanan yang diterimanya berbeza dengan hamba yang lain. Kemudian Yusuf berpindah ke kehidupan dalam penjara beberapa tahun dan seterusnya menaiki takhta kerajaan. Perbezaan kecil apabila 'Hikayat Nabi Yusuf' memuatkan selingan cerita seorang raja benua Qudus. Ia terletak di antara Kan'an dan Mesir dan merupakan laluan Malik bin Da'war membawa barang perniagaannya. Raja Qudus cuba untuk menculik Yusuf namun gagal.

### **Gaya Bahasa**

'Hikayat Nabi Yusuf' sesuai dengan tajuknya iaitu hikayat membawakan gaya bahasa melayu klasik seperti arkian, syahdan dan alkisah. Perkataan-perkataan ini digunakan juga untuk peralihan babak. Contohnya setelah menceritakan kesedihan Ya'kob kehilangan Yusuf, penulis beralih kepada cerita Malik bin Da'war dengan memulakan babak baru dengan katanya: Alkisah datanglah kepada hikayat Malik bin Da'war. Selain itu ia juga ada pengaruh loghat utara seperti tahuk bermakna buang, depa bermakna mereka dan bini yang kerap digunakan di utara semenanjung. Terdapat juga beberapa kalimah Bahasa arab seperti khanjar (sejenis pisau), kandil (pelita), fadihat (aib), masyghul (sibuk atau risau), bahkan ada dialog Bahasa arab seperti panggilan Yusuf kepada ibunya 'Ya Ummaha Ya Rahil' dan jawapan ibunya 'Ya Habibi Wa Qurratu Aini' (Muhammad Labai 2018). Sementara 'Kisah Nabi Yusuf' pula ditulis dalam stail Bahasa arab bukan sahaja dalam struktur ayat-ayatnya tetapi juga dalam istilah-istilahnya. (Ali

Ahmad 1999). Banyak penggunaan kalimah arab seperti qirbah, sakhras, jidran, habas, bardan, salaman, sarabil dan banyak lagi.

### **Kesan kisah-kisah al-Quran terhadap sastera Melayu**

'Hikayat Nabi Yusuf' dan 'Kisah Nabi Yusuf' adalah dua manuskrip yang menunjukkan kesan al-Quran terhadap perkembangan sastera Melayu. Ajaran al-Quran yang dibawa oleh pedagang-pedagang islam ke Tanah Melayu menyebabkan lahirnya sastera bernama Hikayat yang bertujuan menyebarkan pengetahuan mengenai islam (Muhammad Afiq Azizan 2015)

Hikayat-hikayat di permulaan kedatangan islam ke Tanah Melayu menggunakan tulisan yang diambil dari skrip Arab yang dinamakan tulisan jawi. Tulisan ini sampai ke kepulauan Melayu bersama kedatangan Islam. Asalnya berperanan penting dalam usaha penyebaran ilmu terutamanya ilmu agama, seterusnya telah digunapakai secara meluas sebagai medium komunikasi oleh orang Melayu samada dalam kalangan ahli masyarakat mahupun dengan pihak luar (Syakila 2011).

### **Rujukan**

- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn.Bhd.
- Ali Ahmad.1999. *Kisah-Kisah Abi Yusuf Dalam Kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur
- Ahmad Shukri Yusoff 2015 <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/87554/hikmah-al-quran-kisah-dalam-al-quran-sumber-motivasi>
- Arsyad Mokhtar. 2018. *Hikayat Nabi Yusuf*. Buku Fixi Sdn.Bhd.
- Kamus Dewan.2015. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Solah Al-Khalidi. *Al-Qasas Al-Quraniy*. 1998. Damsyiq: Dar Al-Qalam.

Ibnu Kathir. 2008. *Tafsir Ibnu Kathir*. Edited By Solah Abdul Fattah Al-Khalidi. Jilid4, Ms 1764. Amman: Dar Al-Farooq.

Syakila Ahmad, Othman Hussain, Rafiuddin Afkari, Mohd Hisyam, Mikdar Rusdi. 2011. *Tulisan Jawi Sebagai Warisan Peradaban Bangsa: Analisa Dari Aspek Cabaran Semasa*. October 2011 Conference: World Congress For Islamic History And Civilizationat: Academy Of Islamic Studies, University Of Malaya.





## **Sokongan Sosial: Satu Keperluan Dalam Pemeriksaan Saudara Baru**

Nur Najwa Hanani Abd Rahman<sup>1</sup>, Akmaliza Abdullah<sup>2</sup>, Abdul Hafiz Abdullah<sup>3</sup>, Abdul Basit Samat@Darawi<sup>4</sup>, Badlihisam Mohd Nasir<sup>5</sup>, Muhamad Naqib Hamdan<sup>6</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

<sup>5</sup> Profesor, Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keperluan sokongan sosial yang boleh membantu dalam menangani masalah saudara baru yang memerlukan bantuan dan dorongan selepas memeluk agama Islam. Dalam pada itu terdapat banyak cabaran serta permasalahan yang dihadapi oleh mereka dalam menjalani kehidupan sebagai seorang mualaf. Sebagai seorang mualaf pasti memerlukan sokongan sosial dari ahli keluarga, masyarakat, pendidikan dan bimabingan agama, pekerjaan dan bantuan kewangan. Penulisan ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian. Justeru itu, sokongan sosial sangat diperlukan oleh mualaf agar dapat membimbing mualaf supaya dapat menikmati kehidupan cara Islam dengan lebih baik.

**Kata kunci:** saudara baru, mualaf dan sokongan sosial.

## **Pengenalan**

Islam agama yang sempurna melengkapi segala perkara yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril. Agama Islam adalah agama yang berteraskan kepada keadilan dan bebas dari segala unsur jahat seperti diskriminasi malah meletakkan penganutnya pada taraf yang sama tanpa mengira jantina, keturunan, status sosial, kedudukan gelaran dan sebagainya. Begitu juga golongan yang bukan beragama Islam bebas untuk memeluk agama Islam tanpa paksaan.

Tambahan pula, para mualaf memerlukan seseorang yang dapat membantu dan membimbing diri mereka dalam menjalani kehidupan baru sebagai seorang muslim. Mualaf perlu diberikan panduan tentang agama Islam agar mereka tidak berasa keseorangan dalam menghadapi masalah yang dihadapi sepanjang bergelaf sebagai seorang mualaf. Dengan bantuan atau sokongan sosial yang diterima dapat membantu menyelesaikan sedikit sebanyak masalah atau tekanan dalam diri mereka.

## **Pengertian Saudara Baru**

Saban hari golongan mualaf di Malaysia semakin hari semakin bertambah bilangannya. Istilah mualaf telah biasa digunakan di dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Pelbagai takrif dan definisi yang dikeluarkan oleh para pengkaji, ulama, kamus dan sebagainya. Di dalam Al-Quran telah mendefinisikan mualaf dalam surah al-Taubah (9) ayat 60, maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang Mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan



hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Dalam ayat 60, surah al-Tawbah ini membuktikan bahawa terdapat lapan asnaf yang berhak untuk mendapat zakat. Selain daripada golongan fakir, golongan miskin, amil-amil yang mengurus zakat, golongan yang memerdekakan hamba, golongan yang berhutang, golongan fisabilillah, orang-orang yang bermusafir dan terputusnya bekalan yang berhak ke atas peruntukan zakat, golongan mualaf atau Saudara Muslim berhak dengan bahagian zakat. Dengan bantuan zakat diharapkan dapat membantu golongan mualaf dalam menghadapi dunia baru sebagai seorang muslim dan sekaligus memantapkan dan menguatkan diri mereka terhadap agama Islam dan keesaan Allah SWT.

Keistimewaan mualaf adalah mereka termasuk yang layak menerima zakat. Selesai sahaja mengucapkan dua kalimah syahadah, keadaan mereka seumpama bayi yang baru lahir suci dan bersih dari dosa dan maksiat. Faktor-faktor yang mendorong golongan mualaf ini memeluk Islam adalah melalui perkahwinan, budaya, akhlak dan sebagainya. Faktor dalaman seperti keinginan sendiri untuk memeluk agama Islam dan kepercayaan kepada Allah swt.

Di Malaysia, mereka yang baru sahaja memeluk Islam akan dikenali atau dipanggil sebagai saudara baru terutamanya dari masyarakat Islam dan khususnya masyarakat melayu, mereka ni terdiri daripada Cina, India dan masyarakat lain. Saudara baru merupakan segolongan manusia yang kufur dan baru sahaja menerima hidayah dari Allah untuk memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan saksi yang bertauliah (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan & Fariza Md Sham 2009).

Menurut kamus dewan bahasa, perkataan mualaf menerangkan sebagai orang yang baru memeluk Islam atau saudara baru (Kamus Dewan, 2010). Tambahan pula, istilah saudara baru lebih dikenali berbanding dengan perkataan mualaf

atau saudara kita walaupun ketiga-tiga penggunaan tersebut membawa maksud yang sama yang bererti golongan yang memeluk Islam di awal penghijrahan kepada Islam. Dalam pada itu, istilah saudara baru jarang menjadi dipertikaikan malah diterima ramai kerana istilah saudara baru memuliakan dan mengalu-alukan golongan yang baru sahaja memeluk Islam (Abdul Ghafar et al, 2009).

Menurut Jawad (2006), istilah 'revert' kebiasaannya digunakan di dalam kalangan penutur berbahasa inggeris muslim yang membawa makna seseorang individu telah bertukar agama asal kepada agama Islam dan beranggapan bahawa mereka kembali semula kepada fitrah kejadian mereka yang suci bersih dan menyerahkan diri kepada tuhan. Istilah lain yang digunakan oleh pengkaji Muslim Barat ialah "New Muslim" (Zebiri, 2008). Istilah muaf dalam Webster dikenali sebagai:

*"Conversion as (1) the act of converting: the process of being converted (2) an experience associated with the definite and decisive adoption of a religion"*

Secara umumnya, golongan saudara baru perlu mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi yang diterima dari segi undang-undang dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh perundangan Malaysia untuk pendaftaran pengIslamannya dan mengelakkan sebarang kekeliruan di masa akan datang (Zuliza Md. Kusrin, 2001).

## **Permasalahan Saudara Baru**

Bagi golongan muaf yang mengambil keputusan untuk memeluk Islam bukanlah suatu keputusan yang mudah bahkan memerlukan keberanian dan kekuatan dari segi fizikal dan mental. Hal ini kerana, golongan ini akan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang terpaksa mereka tempuhi selepas bergelar Muslim. Halangan, rintangan dan cabaran perlu saudara baru hadapi sebelum, semasa

dan selepas memeluk Islam bagi menuju ke jalan kebenaran Islam. Oleh yang demikian, sekiranya umat Islam tidak memainkan peranan dalam membantu golongan saudara baru dalam kehidupan baru dikhuatiri mereka akan kembali kepada agama asal mereka. Antara permasalahan yang dihadapi oleh golongan mualaf adalah:

### **Ahli keluarga**

Cabaran dari ahli keluarga bukan Islam merupakan cabaran yang terbesar untuk mualaf. Kebiasaannya keluarga yang bukan beragama Islam akan menghalang ahli keluarga mereka dari memeluk Islam. Ahli keluarga akan memujuk para mualaf untuk kembali kepada agama asal mereka. Tambahan pula, situasi akan menjadi lebih teruk apabila terdapat ahli keluarga yang memaksa atau menggunakan kekerasan terhadap mualaf untuk kembali kepada agama asal (Razaleigh Muhamat & Salawati Saringat, 2014). Dalam masa yang sama, terdapat segelintir mualaf yang dipulau dan dibuang dari ahli keluarga yang bukan Islam. Mereka hilang tempat bergantung dan hidup sebatang kara untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang mualaf. (Suariza et al, 2018).

Di dalam kajian Suariza et al, (2018) desakan dari ahli keluarga untuk kembali kepada agama asal menyebabkan mualaf berasa bimbang jika tidak mematuhi perintah ahli keluarga kerana segelintir mualaf masih lagi di bawah tanggungan kedua ibubapa. Mualaf memerlukan bantuan dari ahli keluarga untuk meneruskan kehidupan dari segi kewangan dan menyebabkan mualaf kembali kepada agama asal mereka. Tambahan pula, mualaf bersetuju bahawa mereka tidak mendapat sokongan moral yang penuh daripada ahli keluarga malahan dihalau oleh keluarga asal dan diperli oleh keluarga mertua yang berasal dari keluarga muslim (Azman Ab Rahman *et al.*, 2015).

## **Masyarakat**

Di samping itu, masyarakat melayu yang memberi salah tanggapan kepada saudara baru menjadi salah satu masalah dan tekanan kepada mereka seperti memandang rendah kepada saudara baru yang tidak mengamalkan cara kehidupan adat melayu kerana semangat kemelayuan yang ada dalam diri masyarakat melayu sangat kuat (Nur Ain Sumaiyah, 2018). Selain itu, penerimaan masyarakat Islam terhadap saudara baru agak sukar dan terdapat segelintir saudara baru menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat Islam disebabkan masih baru dalam agama Islam (Syarul Azman et al, 2016). Menurut Tengku Norhayati, (2006) sesetengah masyarakat melayu mempunyai kekurangan fahaman yang berkaitan dengan perbezaan amalan melayu dan agama Islam serta menyebabkan berlaku salah faham diantara penganut beragama Islam dan bukan beragama Islam. Rentetan itu, masyarakat melayu memberi pandangan negatif kepada saudara kita yang tidak mengamalkan adat dan budaya seperti masyarakat melayu agar mereka senang diterima masyarakat. Maka jika saudara baru tidak mengamalkan kehidupan seperti masyarakat melayu, mereka akana dipandang sebagai golongan Islam kelas kedua (Abdul Ghani, 2013).

Sehubungan dengan itu, terjadinya layanan yang berbeza-beza atau diskriminasi terhadap saudara baru disebabkan masyarakat sukar menerima golongan seperti ini. Saudara baru tidak mendapat pembelaan yang sepatutnya dari umat Islam dan dibiarkan hidup tersisih dalam menghadapi dunia baru. Masyarakat menganggap saudara baru sebagai satu golongan yang terasing dan terpisah dari umat Islam yang lain. Saudara kita akan berasa berbeza dengan apa yang mereka pelajari dalam Islam dan apa realiti kehidupan yang perlu mereka hadapi. Dalam masa yang sama, mereka diberikan dengan pelbagai gelaran atau panggilan yang membezakan dengan umat Islam yang lain dan hal ini menyebabkan mereka berasa malu, terpencil, dan rendah diri semakin menebal dalam diri mereka untuk bergaul dengan umat

Islam yang lain. Masyarakat yang suka bersangka buruk dengan niat memasukkan mualaf ke dalam Islam menyebabkan mualaf berasa terpinggir (Nur Najwa Hanani et al, 2016). Oleh itu, saudara baru hanya akan bergaul dan berinteraksi sesama mereka sahaja dan menyebabkan pergaulan dan komunikasi terhadap umat Islam yang lain terhad dan dalam dalam kelompok kecil. Akhirnya jika keadaan ini berterusan, dikhuatiri saudara kita akan kembali hanyut atau yang paling dibimbangkan kembali kepada ajaran asal mereka (Farahwahida et al, 2008).

### **Pendidikan dan bimbingan agama**

Golongan mualaf memerlukan pendidikan dan bimbingan agama yang menyeluruh untuk membimbing mereka ke dalam dunia yang baru. Kurangnya panduan dan pertolongan untuk mengubah gaya hidup mereka berlandaskan Islam dan tidak kembali kepada agama asal. Di dalam kajian Muhammad Yusuf Marlon et al, (2017) terdapat segelintir mualaf yang tidak dapat menghayati dan memahami Islam secara keseluruhan walaupun sudah beberapa tahun memeluk. Menurut Ahmad Yunus, (2017) di malaysia kebanyakan kes murtad adalah berpunca daripada kurangnya bimbingan agama dan tidak dapat memahami akidah Islam dengan baik. Mualaf kurang penghayatan dalam mempelajari Islam kerana tidak tahu untuk mencari rujukan dan panduan sepanjang bergelar muslim.

Kebanyakan para mualaf selepas memeluk Islam, proses pendidikan Islam tidak diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan seharian. Kegagalan mereka mendalami dan memahami Islam menyebabkan mereka kembali kepada agama asal dan berlakunya salah faham berkaitan dengan isu-isu akidah (Mohd Farhan, 2016). Pendidikan dan kefahaman akidah haruslah ditanam di dalam diri seseorang Muslim sejak kecil lagi. Kefahaman akidah haruslah diterapkan di dalam diri seseorang Mualaf kerana seseorang yang baru memeluk Islam umpama bayi yang baru dilahirkan. Tanpa bimbingan dan didikan yang sempurna seseorang Mualaf itu hidup

terumbang-ambing, berada di dalam kejahilan serta berkecenderungan untuk kembali kepada agama asal mereka.

Oleh itu setiap Mualaf perlu mengetahui dengan mendalam mengenai keistimewaan dan kepentingan akidah Islam terhadap masyarakat Muslim (Ahmad Yunus et al, 2017).

## **Pekerjaan**

Kebanyakan saudara baru yang baru sahaja memeluk Islam akan menghadapi kesukaran di dalam alam pekerjaan seperti menukar pekerjaan yang mereka lakukan sebelum masuk Islam kepada mencari pekerjaan yang halal di sisi Islam. Sesetengah saudara kita terpaksa mencari kerja lain kerana kerja asalnya tidak bersesuaian dengan kehendak Islam seperti kerja-kerja di bar-bar, menjual tiket ekor dan sebagainya. Mereka juga mungkin menghadapi cabaran daripada majikan mahupun rakan-rakan sekerja (Anuar Puteh et al, 2012). Di dalam kajian Wan Mohd Fazrul, 2015 terdapat mualaf yang dihalau, dipinggirkan oleh keluarga, mempunyai masalah rumah tangga serta mempunyai majikan Muslim yang tidak mahu menerima mereka selepas memeluk Islam dan tidak mahu memahami situasi mereka selain daripada tiada bimbingan agama kerana tinggal bersendirian.

Jika masalah mualaf kehilangan sumber pendapatan iaitu dibuang kerja sejurus majikan yang bukan Muslim mendapatinya memeluk Islam maka perkara ini akan memberikan impak yang besar kepada umat Islam kerana pihak-pihak yang terlibat tidak mampu memberinya pekerjaan baru untuk meneruskan kehidupan. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan maka golongan ini akan berputus asa dan berkemungkinan akan mengambil keputusan untuk keluar daripada Islam (Marlon Guleng et al, 2014).

Saudara baru kebanyakannya akan berada dalam keadaan dilema untuk meneruskan atau berhenti bekerja kerana pekerjaan yang mengetepikan tuntutan agama akan menyukarkan mereka menyara diri dan keluarga (Marlon Guleng et al, 2014). Terdapat segelintir mualaf berasa tertekan dan membuat pilihan berhenti

sendiri selepas mendapat tekanan dari majikan selepas mereka mengetahui saudara kita menganut agama Islam (Abdul Ghafar et al, 2009). Pada masa yang sama, majikan yang bukan dari agama Islam akan mencuba untuk mengasingkan pekerja muslim dan bukan muslim. Sebagai contoh mereka memberi alasan orang Islam sukar bergaul dan makan bersama dengan orang Cina (Nur Najwa Hanani & Razaleight, 2016).

Di samping itu, kebanyakan mualaf akan terputus hubungan dengan ahli keluarga dan tiada bantuan kewangan dari ahli keluarga bukan Islam. Hal ini akan merumitkan keadaan mualaf untuk meneruskan kehidupan. Kesejahteraan hidup mualaf juga terganggu kerana masalah kewangan yang melanda diri mereka. Selain itu, mualaf yang masih bergelar pelajar menghadapi masalah untuk membiayai yuran pengajian, kos, buku, penginapan dan sebagainya kerana ahli keluarga bukan Islam tidak lagi menampung kehidupan mualaf dan memutuskan hubungan kekeluargaan. Keadaan bertambah kronik lagi apabila berlaku pergaduhan yang disebabkan oleh kekurangan kewangan (Azammudin Zainuddin et al, 2017).

### **Sokongan Moral**

Seterusnya, mualaf tidak mendapat sokongan moral dari orang sekeliling. Individu mualaf berasa tidak dihargai setelah disisihkan oleh ahli keluarga. Masyarakat muslim juga tidak memberikan sokongan moral dan memandang serong kepada mualaf yang memeluk Islam terutamanya mualaf yang baru sahaja keluar dari penjara. Mualaf sebegini sukar diterima masuk dalam komuniti masyarakat setempat kerana berprasangka buruk tambahan pula mualaf tersebut kurang mahir dalam mengurus diri sendiri (Azammudin Zainuddin et al, 2017).

Tambahan pula, mualaf adalah golongan yang baru memeluk Islam yang berasal daripada pelbagai etnik dan latar belakang budaya dan agama ini memerlukan pendekatan pembangunan yang unik serta pelbagai dimensi. Mualaf adalah

golongan minoriti yang telah memilih Islam dari latar belakang agama dan sistem kepercayaan serta budaya yang berbeza. Kepelbagaian latar belakang ini memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan kepada golongan muallaf. Kelemahan dan kesilapan yang berpunca daripada persepsi yang kurang tepat menyebabkan ramai kalangan muallaf terabai, terasa hambar, tersalah pendekatan dan menjadi bermasalah kembali kepada kepercayaan asal. Kegagalan merancang dan menyusun di pihak NGO dan kerajaan boleh mengakibatkan ketirisan dakwah yang akan meningkatkan bilangan muallaf terabai, ingin murtad atau meninggalkan amali Islam seluruhnya (James Laeng & Yusman Nawazir, 2014).

### **Keperluan Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru**

Hubungan yang baik di antara sesama manusia adalah sangat penting. Terutamanya muallaf yang baru sahaja memeluk Islam, mereka memerlukan sokongan moral dan hubungan yang baik dari orang sekeliling untuk mereka terus kuat dalam menghadapi dugaan dan cabaran. Sokongan sosial didefinisikan sebagai bantuan yang diterima daripada ahli keluarga, kawan dan bantuan dari orang luar di dalam bentuk sokongan emosi, instrumental dan maklumat tambahan (Thoits, 1995). Sokongan sosial boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti dorongan dan nasihat, menunjukkan perasaan kasih sayang dan empati atau memberikan bantuan kebendaan kepada yang memerlukan (Thoits, 2011). Selain itu, sokongan sosial ditakrifkan sebagai hubungan interpersonal dan sokongan yang diberikan oleh sesebuah institusi sosial yang dapat mempengaruhi kesejahteraan individu (Costello, Pickens, & Fenton, 2001).

Marianne G. Dunn & Karen M. O'Brien (2010) menyatakan sokongan sosial adalah berkait rapat dengan pengertian kehidupan seharian. Dalam erti kata lain, seseorang itu mempunyai makna hidup yang lebih baik sekiranya menerima sokongan sosial dari



masyarakat sekeliling dan beliau menegaskan bahawa seseorang yang memiliki pengertian hidup yang tinggi secara positifnya akan memperoleh keseronokan dalam hidup. Bagi golongan mualaf di Malaysia, mereka memerlukan bantuan kerana mereka baru sahaja berhijrah dari agama asal kepada agama Islam dan terdapat banyak benda yang perlu mereka adaptasi dengan kehidupan baru sebagai muslim. Berdasarkan beberapa kajian lepas didapati bahawa terdapat beberapa jenis sokongan sosial yang diperlukan oleh saudara baru antaranya adalah sokongan keluarga, sokongan masyarakat, penghargaan sendiri, kewangan dan kebajikan, pekerjaan, pendidikan dan bimbingan agama, dakwah dan kaunseling dan pendekatan emosi.

### **Sokongan keluarga**

Hubungan kekeluargaan yang kukuh adalah menjadi keperluan asas untuk semua individu. Persefahaman di antara ahli keluarga perlu wujud untuk mengelakkan hubungan yang keroh sesama ahli keluarga. Keluarga memainkan peranan yang penting termasuklah menyediakan sokongan emosi, psikologi, bantuan kewangan ke atas saudara mara yang memerlukan (Nurul Hudani et al, 2019). Mualaf memerlukan sokongan dan bantuan dari ahli keluarga untuk mereka terus mampu menjalani kehidupan sebagai seorang muslim kerana keluarga merupakan insan yang paling rapat dengan mualaf. Di dalam kajian Abdul Manaf & Norliza, (2016) bahawa kedudukan keluarga adalah sebagai organisasi fundamental dan primer dalam masyarakat mempunyai peranan yang utama dalam mempengaruhi kehidupan anak. Keluarga merupakan faktor utama dalam proses pemulihan kanak-kanak yang didera. Kedudukan yang berjauhan di antara tempat tinggal ibu bapa dan kanak-kanak yang menetap di tempat perlindungan lagi menyukarkan kedua-dua belah pihak untuk berkomunikasi dan menerima sokongan yang diperlukan.

## **Sokongan masyarakat**

Di dalam kajian Noreha Che Abah et al (2019), mualaf memeluk Islam adalah dengan tujuan untuk mendapatkan ketenangan dan kesejahteraan hidup tetapi terdapat beberapa halangan termasuklah daripada masyarakat. Setiap individu mualaf ingin diterima oleh masyarakat sekeliling supaya dapat membantu mereka menghadapi dunia baru sebagai mualaf dan tidak keseorangan dalam menghadapi permasalahan dan cabaran sepanjang bergelar mualaf. Hal ini bermaksud, masyarakat muslim perlu memberikan sokongan dan bimbingan kepada mualaf agar mereka tidak kembali kepada agama asal dan tetap teguh beriman kepada Allah swt. Seterusnya, masyarakat perlu berganding bahu dengan memberi semangat atau motivasi, memberi bantuan dan mengambil berat terhadap golongan mualaf agar mereka terus kuat menghadapi ujian menuju ke jalan kebenaran dan sekaligus mencapai redha Allah swt di dunia.

## **Penghargaan sendiri**

Menurut Neff (2011), penghargaan sendiri yang tinggi boleh mengelakkan masalah dan mampu membuat seseorang merasakan kekuatan terhadap dirinya sendiri. Selain itu, seseorang individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi mampu membuang perasaan negatif seperti ego, emosional, kurang resilien dan boleh menguruskan diri sendiri.

Di dalam kajian Nazri Yasin et al, (2018) menyatakan bahawa penghargaan sendiri adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi golongan mualaf. Kesejahteraan hidup memerlukan penerimaan diri, penguasaan persekitaran, perkembangan personal, perhubungan positif, tujuan hidup dan penerimaan sendiri dan setiap aspek ini sangat diperlukan oleh individu mualaf. Dapatan kajian lain menunjukkan terdapat pengaruh langsung antara aspek penghargaan sendiri dengan kesejahteraan psikologi mualaf. Ini selaras dengan dapatan

kajian oleh Du et al, (2015) yang juga mendapati bahawa terdapat perhubungan antara penghargaan sendiri dan kesejahteraan psikologi. Kajian yang dijalankan oleh Du et al, (2015) menggunakan kanak-kanak yang dijangkiti oleh virus HIV sebagai responden. Aspek penghargaan sendiri tidak mempunyai sebarang dimensi dalam ujian pengukurannya. Dapatan kajian ini juga selari dengan sebuah kajian lain yang dijalankan oleh Dogan et al, (2013) yang menggunakan responden pelajar universiti. Manakala *self-efficacy*, *affect balance* dan kegembiraan juga menunjukkan perhubungan yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi responden. Melalui dapatan kajian ini, ia jelas membuktikan bahawa penghargaan sendiri mempengaruhi kesejahteraan psikologi.

### **Kewangan dan kebajikan**

Selain itu, untuk mengurangkan beban yang ditanggung mualaf, Islam telah menunjukkan keprihatinan dengan pembahagian zakat kepada mualaf. Tambahan pula, pembahagian zakat kepada golongan mualaf secara menyeluruh dan efisien sedikit sebanyak dapat memberi semangat dalam menghadapi kehidupan yang baru. Jika dirujuk kepada hasil kajian Azman Abdul Rahman et. al (2015) yang berkisarkan tentang Skim bantuan zakat asnaf Mualaf merekodkan bahawa terdapat 34 jenis bantuan yang disediakan kepada Mualaf merangkumi bantuan asas yang diperlukan antaranya bantuan kewangan, sara hidup dan perubatan. Skim bantuan yang diagihkan adalah berbeza mengikut institusi zakat di setiap negeri sama ada melalui Unit Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri atau pun Pusat Zakat Negeri (Azman Abdul Rahman et.al, 2015). Peruntukan bantuan kebajikan terhadap *Mualaf* sebagai tanda galakan dan dorongan untuk meningkatkan ketaatan dan komitmen golongan ini kepada agama Islam. Bantuan kebajikan yang diberikan kepada golongan ini turut merupakan satu usaha sokongan bagi melembutkan hati mereka untuk terus menjalani

kehidupan sebagai seorang Muslim (Mariam binti Abdul Majid, 2011).

## **Pekerjaan**

Di dalam kajian Nur Najwa Hanani & Razaleight, (2016) bertajuk tahap kepuasan kerja saudara kita selepas memeluk Islam di johor menyatakan bahawa perkembangan dakwah dapat menyakinkan golongan mualaf yang mula untuk berjinak-jinak mengenal Islam dan bukan Islam bahawa kepuasan bekerja dari sudut motivasi dan persekitaran kerja boleh menjadi positif walaupun setelah memeluk Islam. Tambahan pula hasil kajian yang diperolehi menunjukkan majikan, rakan sekerja dan organisasi sangat membantu dalam memainkan peranan untuk membantu mualaf mendapatkan keselesaan di tempat kerja. Di samping itu, saudara baru dapat mempelajari tentang nilai-nilai dan etika bekerja menurut pandangan Islam dan bertanggungjawab dengan tugas dan kerjaya yang diterima. Seajar dengan itu, mualaf dapat diyakinkan bahawa kepuasan bekerja masih boleh didapati walaupun setelah memeluk Islam dan memperoleh kerja yang bersesuaian dengan diri mereka sebagai seorang Islam.

## **Pendidikan dan bimbingan agama**

Pendidikan dan bimbingan agama sangat penting kepada mualaf kerana hasil dari pembelajaran tentang agama Islam akan lebih memudahkan mualaf menghayati ajaran agama Islam tanpa rasa ragu-ragu. Perpindahan dari pendidikan teori kepada latihan praktikal agama perlu dilakukan untuk memudahkan mereka pada masa akan datang. Pendidikan dan kelas bimbingan agama boleh didapati dari kelas-kelas yang disediakan oleh pihak MAIN atau JAIN atau NGO. Kaedah pengajaran dan isi kandungan kelas perlulah bersesuaian dengan tahap kefahaman mualaf sebagai seorang yang baru berjinak-jinak untuk belajar tentang Islam. Silibus seperti ilmu fardhu ain; tauhid, ibadah, akhlak, sirah dan pengajian al-

Quran perlu diterapkan dan dikukuhkan dalam diri mualaf sebelum berpindah kepada bidang ilmu yang luas. Penggunaan modul atau buku teks di dalam bahasa ibunda mualaf akan lebih memudahkan para mualaf untuk menguasai ilmu agama tanpa perlu ada keliru atau salah faham kerana masalah penggunaan bahasa. Selain daripada kelas, mualaf perlu diberi bimbingan setiap hari oleh mereka yang tinggal berhampiran dengan mualaf seperti pasangan muslim dan jiran tetangga untuk membantu kehidupan seharian dan memahami Islam dengan lebih berkesan (AzarudinAwang & Khadijah Hambali, 2015; (Zainab Ismail, Norabidah Pozi & Wan Ibrahim, 2015; Ikhwan Ng, 2013; Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018).

### **Dakwah dan kaunseling**

Seterusnya dakwah dan kaunseling dapat membantu pintu hati mualaf yang masih ragu-ragu dengan ajaran agama Islam atau mualaf yang masih belum kembali kepada fitrah disebabkan cabaran dan tekanan yang di hadapi oleh mualaf sepanjang bergelar mualaf, aktiviti dakwah dan kaunseling anjuran pihak berwajib juga amat diperlukan. Dakwah perlu disampaikan secara berhikmah dan dapat dilakukan dengan pelbagai bentuk seperti membuat tinjauan (*follow up*) secara berkala dengan membuat aktiviti ziarah ke rumah mualaf atau menelefon untuk bertanya khabar dan keadaan semasa mualaf. Selain itu, penganjuran program-program hubungan dua hala dapat membina tautan ukhuwah di antara mualaf sekaligus membantu mereka berpegang teguh kepada agama Islam. Tambahan pula, metod kaunseling boleh diadakan secara formal ataupun tidak kerana ini adalah platform untuk para mualaf meluahkan perasaan dan kekusustan yang dihadapi. Justeru itu, kaunseling membantu menyelesaikan masalah mualaf yang ingin meninggalkan Islam kerana kekusustan yang membebankan mereka (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018; Ridhuan Tee, 2012; Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat & Rosmani Hussin, 2015; Nor Ashikin & Siti Zubaidah, 2016).

## **Pendekatan emosi**

Terakhir adalah menggunakan pendekatan emosi terhadap saudara baru. Penggunaan memberi kata-kata yang berunsurkan nasihat yang positif boleh menyentuh hati dan memberikan kesan emosi yang mendalam ke dalam emosi seseorang saudara baru. Di samping itu, penjelasan tentang nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepada setiap manusia boleh digunakan sebagai salah satu jalan mensyukuri dan mematuhi segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya. Selain itu, diberi pendedahan tentang kisah-kisah teladan yang mampu menyentuh emosi dan perasaan golongan mualaf (Fariza Md Sham & Zakaria Stapa, 2011). Pendekatan emosi juga boleh disampaikan dalam bentuk belas kasihan dan simpati dengan memberikan kata-kata semangat, kasih sayang dan memahami situasi yang mereka hadapi (Nur Najwa Hanani et al, 2016). Individu yang mempunyai kesedaran tentang kepentingan untuk mempunyai emosi yang stabil dan baik dalam diri dapat membantu mualaf mendekati diri dengan Allah untuk mendapatkan ketenangan dan menjalani kehidupan sebagai muslim (Nur Ain Sumaiyah Abdullah,2018).

## **Kesimpulan**

Hasil kajian ini mendapati bahawa sokongan sosial boleh membantu saudara baru dalam menangani masalah dan cabaran yang dihadapi serta dapat meningkatkan kehidupan mereka dalam beragama. Sokongan sosial mampu membantu mualaf untuk melakukan kebaikan dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Terdapat beberapa aspek dari sokongan sosial yang diperlukan oleh mualaf untuk membantu mereka menghadapi masalah dan cabaran sepanjang bergelar mualaf antaranya adalah sokongan dari ahli keluarga, masyarakat, penghargaan sendiri, kewangan dan kebajikan, pekerjaan, pendidikan dan bimbingan agama, dakwah dan kaunseling dan pendekatan emosi. Seजार

dengan itu, sokongan sosial di dalam kalangan mualaf memainkan peranan yang penting untuk membantu mereka. Dengan bantuan sokongan sosial diharapkan dapat memberi semangat dan motivasi kepada mualaf agar mereka terus kuat dalam menghadapi dugaan dari Allah swt. Selaras dengan itu, usaha memberikan sokongan sosial kepada mualaf memerlukan setiap umat Islam untuk berganding bahu kerana usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan dapat membantu mualaf terus yakin dengan ajaran agama Islam dan nilai-nilai moral dalam Islam.

## **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang ditaja oleh Dana Geran Fundeamental Research Grant Scheme (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## **Rujukan**

- Abd Manaf Abdul Razak & Norliza Mokhtar. 2016. "Isu-isu sokongan sosial dalam kalangan kanak-kanak mangsa penderaan seksual di institusi pemeliharaan dan perlindungan". *Journal of Techno Social*, 8(2).
- Abdul Ghafar Haji Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI: MAIS.
- Abdul Ghani Abdullah. 2013. *Permasalahan saudara baru dan penyelesaiannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (Doctoral dissertation, University of Malaya)*.
- Ahmad Yunus Kasim, Samsuddin Abdul Hamid & Misnan Jemali. 2017. "Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM". *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 89-100.
- Anuar Puteh, Abd. Ghafar Hj. Don, Badlihisam Mohd. Nasir, Razaleigh Muhamat, Muhamad Faisal Ashaari & Zarinah Sezali. 2012. "Cabaran Wanita Saudara Baru Bekerjaya Di Daerah Sabak Bernam". *Al-Hikmah*, 4, 23-36.

- Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat @ Kawangit dan Rosmani Hussin. "Pelaksanaan Kurikulum Bimbingan Saudara Baru di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan," dalam *Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim*, ed. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.
- Azammuddin Zainuddin, Salleh Amat & Noriah Mohd Ishak. 2017. "Persepsi dan masalah mualaf terhadap kesejahteraan diri di Selangor: satu kajian". *E-journal of the global summit on education*, Volume 6, 2017, Pages 54 to 66.
- Azarudin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2015. Faktor pemeluk Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti Saudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*. No. 22. Hlm. 38.
- Azman Abdul Rahman, et al., "Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian PengIslam dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 6 (2015): 144.
- Costello, J., Pickens, L. M., & Fenton, J. (2001). *Social Support: A Matter Of Connections*. Chicago, IL: Chapin Hall Center for Children at the University of Chicago.
- Dogan, T., Totan, T., & Sapmaz, F. (2013). The Role Of Self-esteem, Psychological Well being, Emotional Self-efficacy, And Affect Balance On Happiness: A Path Model. *European Scientific Journal*, 9(20), 31–42.
- Du, H., Li, X., Chi, P., Zhao, J., & Zhao, G. (2015). Relational Self-Esteem , Psychological Well-Being , And Social Support In Children Affected By HIV.
- Farahwahida Mohd Yusof, Aminuddin Ruskam, Azmi Shah Suratman, Mohd Nasir Ripin, Nur Raihan Nordin & Sharifah Munirah Timmiati. 2008. "Kaedah penyelesaian dalam menangani pertukaran agama dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur". *Laporan Penyelidikan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai*.



- Fariza Md. Sham & Zakaria Stapa. 2011. Metodologi Dakwah Kepada Remaja: Pendekatan Psikologi Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah*: Jilid 3, 145 – 166.
- Ikhwan Ng. (2013). *Dengan lafaz dua kalimah syahadah*. Selangor: Mustread Sdn. Bhd.
- James Laeng @ Jamaluddin Abdullah & Yusman Nawazir. 2014. Mendepani Cabaran Tarbiah NGO dan Kebajikan Mualaf. Dlm. *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Institut Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Jawad, H. 2006. Female Conversion to Islam: The Sufi Paradigm. In K. V. Nieuwkerk (ed.), *Women Embracing Islam* (pp.153-171). Austin: University of Texas Press.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Mariam Abdul Majid. 2011. *Mualaf Di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Kehidupan Islam*. Tesis Doktor Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.
- Marianne G. Dunn & Karen M. O'Brien. 2009. Psychological health and meaning in life: stress, social support and religious coping in Latina/Latino Immigrants. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences* 31 (2) : 204-227.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. 2014. Penyesuaian Diri Muallaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP). *Al-Hikmah*, 6(1), 78-93.
- Mohd Farhan Abdullah. 2006. "Kristianisasi dan gejala murtad di Malaysia". *Seri Kembangan, Selangor: Al-Khidmah Resources*.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2012). *Cabaran saudara baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Binti Abd. Majid, Syarul Azman Bin Shaharuddin, Latifah Bibi Musafar Hameed, Hanis Najwa Shaharuddin & Nurfida'iy Salahuddin. 2017. "Penilaian

- Terhadap Kursus Mualaf di Selangor.". *The Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4 (2): 227–235.
- Nazri Yasin, Jamiah Manap & Arena Che Kassim. 2018. "Pengaruh penghargaan sendiri terhadap kesejahteraan psikologi mualaf". *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 13, No.3 (2018) 173-182.
- Neff, K. D. (2011). *Self-Compassion, Self-Esteem, and Well-Being*, 1, 1–12.
- Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail. 2016. Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan dari sudut undang-undang. *Jurnal of Shariah Law Research*. Vol. 1. No. 1. Hlm. 152.
- Noreha Che Abah, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin. 2019. "ISU DAN CABARAN SAUDARA BAHARU DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL". *Jurnal AL-ANWAR*, Volume 8, No. 2, Disember 2019: 1-13.
- Nur A'thiroh Masya'il Tan & Fariza Md.Sham. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari, An International Journal*. Bil. 2. Bangi: Institut Islam Hadhari & JAKIM.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. 2009. Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* (2):83-98.
- Nur Ain Sumaiyah Abdullah @ Sumitra A/P Valaitham, & Noor Aishah Rosli. 2018. "Kemurungan dalam kalangan mualaf di pusat pengajian perkim wilayah persekutuan". *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & amp; Counselling* (1), 52-63%V 55.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat Kawangit. 2016. "Tahap kepuasan kerja saudara kita selepas memeluk Islam di Johor". *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Volume 3, No. 1, Jun 2016*.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Razaleigh Muhamat Kawang, Siti Aishah Yahya & Mohd Sufiean Hassan. 2016. "Transformasi hubungan kekeluargaan saudara kita dari sudut emosi

- selepas memeluk Islam di Johor". *Jurnal Ilmi Ilmi Journal Jilid 6 2016: 125-148*.
- Nurul Hudani Md Nawati, Puteri Hayati Megat Ahmad, Mohd Dahlan A. Malek, Getrude Cosmas, Habibie Ibrahim, Peter Voo. 2019. Pengaruh Sokongan Emosi dan Sosial ke atas Hubungan Intergenerasi dalam Penjagaan Warga Tua Pelbagai Etnik. *Sains Humanika, 11(2)* (2019) 27–3.
- Razaleigh Muhamat Kawangit & Salawati Saringat. 2014. Dakwah Among Indian Mualaf in Malaysia. *ISLAMIYYAT 36(2) (2014): 91 - 96*
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. "Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan". *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, 16*, 133-155.
- Suariza@Hidayah Muhammad, Norrodzoh@Raudah Haji Siren & Yusmini Md Yusoff. 2018. Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Mualaf di Selangor. *Journal of Usuluddin. 46*. 123-146. 10.22452/usuluddin. vol 46 no 2.5.
- Syarul Azman Shahrudin, Mariam Abdul Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Fakhri Sungit, Zulkifli Abd. Hamid & Hanis Najwa Shahrudin. 2016. Isu dan Permasalahan Mualaf Cina di Malaysia. *Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, hlm. 1181-11181.
- Tengku Norhayati Tengku Hamzah. 2006. *Saudara baru di Kelantan: suatu kajian mengenai dorongan dan cabaran di Kota Bharu Kelantan*. (Doctoral dissertation, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Thoits, P. A. (1995). Stress, coping, and social support processes: Where are we? What next? *Journal of Health and Social Behavior, 35*, 53-79. doi:10.2307/2626957.
- Thoits, P. A. (2011). Mechanisms linking social ties and support to physical and mental health. *Journal of Health and Social Behavior, 52*, 145-161.

- Zainab Ismail, Norabidah Pozi & Wan Ibrahim Wan Ahmad. 2015. Tahap pengetahuan agama saudara baru di pusat bimbingan Islam saudara baru Sultan Abdul Halim Mu“adzam Shah, Kedah Darul Aman. Dalam Razaleigh Muhamat @ Kawangit (Ed.). *Isu-isu pengurusan saudara Muslim*. (Hlm. 91-93). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zebiri, K. 2008. *British Muslim Converts: Choosing Alternative Lives*. England: Oneworld Publications
- Zuliza Md. Kusrin. 2001. Pendaftaran Memeluk Agama Islam di Malaysia, *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 22, Bangi: Penerbit UKM, h.17.





## **Klasifikasi dan Kemungkaran Istilah Ilmu Dari Perspektif Abu Hamid Al-Ghazali**

<sup>1</sup>\*Zulkiflee Haron, <sup>2</sup>Bal Ikhwan Khairul Anwar, <sup>3</sup>Aminudin Hehsan,  
<sup>4</sup>Juhazren Junaidi, <sup>5</sup>Mohd Fauzi Abu Husin & <sup>6</sup>Mohammad Naem  
Mat Basir

<sup>1-6</sup>*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi  
Malaysia,  
81310 Skudai, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author  
*zulkiflee@utm.my*

### **Abstrak**

Imam al-Ghazāli (m.505H/1111M) seorang tokoh sarjana dan ilmuwan yang terkenal di dunia Islam mahupun Barat. Tokoh penulis prolific ini menguasai hampir semua bidang ilmu pada zamannya. Kemantapan hujah dan kepintaran akal yang dikurniakan Allah SWT dipergunakan untuk mempertahankan kesucian Islam dari terjahan dan serangan pemikiran musuh-musuh sehingga diberi julukan "Hujjatul Islam". Beliau tanpa ragu mengkritik istilah-istilah ilmu yang diselewengkan pada zamannya dan menyebutnya sebagai kemungkaran ilmu demi memurnikan semula kefahaman ilmu-ilmu Islam. Cabaran hebat dalam pemikiran dan ilmu pada zamannya disahut dengan bijaksana dan mengklasifikasikan dalam paradigma pemikiran Islam zamannya sebagai panduan.

**Kata Kunci:** *Al-Ghazāli, Klasifikasi Ilmu dan kemungkaran ilmu.*

## Pendahuluan

Kertas ini menyorot secara ringkas dan meninjau perspektif Abu Hamid al-Ghazali (m.505H/1111M) terhadap klasifikasi ilmu dan juga kemungkaran ilmu yang diselewengkan istilahnya daripada maksud sebenar. Aspek-aspek lain seperti kritikan dan sanjungan terhadap tokoh ini tanpa menafikan ada signifikannya tidak dibincangkan.<sup>2</sup> Dalam perjuangannya menuntut ilmu pada zamannya, al-Ghazāli membuat pengakuan berikut:

*"Sejak muda hingga usia saya menjelang lima puluh tahun, saya harungi ombak lautan yang dalam ini. Saya temui berbagai-bagai rahsia aliran semua golongan. Saya tidak meninggalkan golongan Batiniah kecuali saya telah menelaah kebatinannya. Saya tidak meninggalkan golongan Zahiri kecuali saya telah menguasai kezahiriannya. Tidak saya tinggalkan golongan Failasuf kecuali saya telah menguasai hakikat falsafahnya. Tidak saya tinggalkan golongan Teologi kecuali saya telah benar-benar mengkaji puncak teologi dan perdebatannya; tidak pula golongan Sufi kecuali saya telah menelusuri rahsia kesufiannya; tidak juga golongan Zindiq kecuali saya telah meneliti sebab-sebab di sebalik kezindiqannya. Rasa keinginan untuk mengetahui hakikat semua persoalan di atas menghantui saya sejak saya masih muda. Hal itu merupakan instink dan fitrah daripada Allah SWT yang disimpan dalam fikiran saya, dan bukan kerana kemahuan dan keinginan saya..."<sup>3</sup>*

Pengakuan al-Ghazāli di atas memberi gambaran perihal situasi kehidupan pada zamannya yang berhadapan dengan kemelut pelbagai aliran pemikiran yang muncul. Penulisan al-Imam `Abd al-Karim al-Syahrastāni (479-548H/1086-1153M) yang hidup sezaman dengan al-Ghazāli menerusi bukunya *al-Milal wa al-Nihal* menyokong situasi di atas.<sup>4</sup> Kepelbagaian pemikiran itu diberi perhatian dan disambut baik oleh al-Ghazāli. Beliau mengambil sikap `terbuka' dengan mengkaji terlebih dahulu setiap aliran yang ada. Tegasnya beliau tidak terus bersikap menolaknya dengan memberi hukuman kepada aliran tersebut kecuali terlebih dahulu mengkaji dan menelitinya. Inilah sikap ilmuan yang terpuji. Hal seperti ini disebut oleh Allah dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ أَحْتَنَبُوا الطُّغُوتَ أَنْ يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فَبَشِّرْ عِبَادِ  
الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَأُولَٰئِكَ  
هُمْ أَوْلَا أَلَابًا

Maksudnya: *Maka berilah khabar gembira kepada hamba-hamba-Ku (iaitu) orang yang berusaha mendengar perkataan-perkataan yang sampai kepadanya lalu mereka memilih dan menurut akan yang sebaik-baiknya (pada segi hukum agama); mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna.*

(Surah *al-Zumar*, 39: 17-18)

## Klasifikasi Ilmu

Al-Ghazāli membahagikan ilmu kepada:

- a) Ilmu Terpuji dan Tercela.<sup>5</sup>
- b) Ilmu Fardu `Ayn dan Fardu Kifayah.<sup>6</sup>
- c) Ilmu muamalat dan ilmu mukasyafah.<sup>7</sup>
- d) Ilmu Syar`iyyah dan ghayr syar`iyyah.<sup>8</sup>
- e) Pembahagian ilmu kepada teoritikal dan praktikal.

Para pengkaji yang meneliti pengklasifikasian ilmu menurut al-Ghazāli member komentar tersendiri tentangnya. Dedi Supriyadi menulis bahawa terdapat empat system klasifikasi yang berbeza:

- a) Pembahagian ilmu menjadi huduri (pengetahuan yang dihadirkan) dan husuli (pengetahuan yang dicapai).
- b) Pembahagian ilmu syar`iyyah dan `aqliyyah.
- c) Pembahagian ilmu fardu `ayn dan fardu kifayah.<sup>9</sup>

Sehubungan dengan hal ini Dr. Abdul Rahman Abdullah antara lain menyebut:

“Jelasnya ilmu-ilmu Islam yang berteraskan wahyu ditempatkan pada hierarki yang tinggi dan diikuti oleh ilmu-ilmu akal di

bawahnya. Contoh terbaik ialah pada konsep klasifikasi ilmu oleh Imam al-Ghazāli, yang mempunyai empat jenis klasifikasi yang berbeza:

- a) Penjenisan kepada Ilmu Syari'iyah dan Ilmu Aqliyah.
- b) Penjenisan kepada Ilmu Teoritikal dan Ilmu Praktikal.
- c) Penjenisan kepada Ilmu Huduri dan Ilmu Husuli.
- d) Penjenisan kepada Ilmu Fardu Ain dan Ilmu Fardu Kifayah."<sup>10</sup>

Dalam huraianya beliau menyebut antara empat jenis yang dinyatakan di atas, apabila dihubungkan dengan klasifikasi ilmu dan hierarkinya, penjenisan yang pertama lebih sesuai dan paling mewakili tradisi keilmuan dalam Islam. Hal ini antara lain kerana ilmu-ilmu wahyu berada pada tahap tertinggi melebihi ilmu akal. Beliau menghujahkan pembahagian yang dilakukan al-Ghazāli:

Ilmu Syar'iyah:

- a) Ilmu Usul: Ilmu tauhid, ilmu tafsir dan ilmu akhbar (hadis).
- b) Ilmu Furu': Ilmu berkaitan ibadat. Adat atau fiqh seperti muamalat serta munakahat.
- c) Akhlak.

Ilmu Aqliyyah:

- a) Tingkat pertama/permulaan:
  - i) Matematik (Arithmetik, Geometri, Astronomi dan Astrologi)
  - ii) Muzik.
  - iii) Logik.
- b) Tingkat kedua/pertengahan:
  - i) Fizik atau sains tabi'i (contohnya perubatan, meterologi, mineralogi, kimia)
- c) Tingkat ketiga/tertinggi.
  - i) Berkenaan mawjud, yang wajib dan mungkin.
  - ii) Berkenaan pencipta, dhat-Nya, sifat-Nya dan perbuatannya.



- iii) Berkenaan *al-aulawiyyat*, al-jawhar mufradat, aqal mujarrad dan nafs al-kamil.
- iv) Berkenaan malaikat, syaitan, nubuwwah, mukjizat dan karamah.
- v) Berkenaan tidur dan sedar (*yaqazah*) serta mimpi.
- vi) Ilmu tilasmat.<sup>11</sup>

### **Klasifikasi Ilmu: Manhaj Kefahaman Dan Pelaksanaan**

Perlu dimaklumi bahawa pembahagian yang dilakukan itu tidak memberi makna wujudnya bahagian-bahagian ilmu tersebut secara terpisah. Malahan ia saling berkait antara satu dengan yang lain. Klasifikasi hanya berfungsi untuk memudahkan pengenalan kepada ilmu-ilmu sahaja. Pengkelasan ini tidak merubah kedudukan kepentingan serta hierarki ilmu itu sendiri yang dalam Islam telah meletakkan ilmu wahyu mengatasi segala ilmu. Justeru dalam pendidikan ilmu al-Ghazāli berkeyakinan bahawa kanak-kanak mesti bermula dengan al- Quran. Langkah beliau membuat klasifikasi tersebut adalah sebagai reaksi terhadap kemelut pemikiran berkenaan dengan ketidak-jelasan masyarakat dalam memahami konsep ilmu pada zamannya. Hal ini dapat diperkukuhkan dengan penyusunan kurikulum yang dilakukannya dengan membahagikan kepada:

- a) Subjek pembelajaran kepada ilmu kepada agama dan bukan agama.
- b) Menyisihkan ilmu perdebatan dari Ilmu Kalam.
- c) Melanjutkan pengklasifikasian mata pelajaran sebagai subjek fardu `ayn dan fardu kifayah.
- d) Mengisytiharkan mata pelajaran tertentu sebagai mata pelajaran terpuji dan tercela.
- e) Memasukkan Ilmu Tafsir, hadis, fiqh, Kalam dan logik sebagai mata pelajaran yang wajib (*compulsory*) dipelajari.
- f) Mengkritik pemikiran yang *'ilm ma'qūlah* tidak sesuai dengan *'ilm manqūlah*.
- g) Mengklasifikasikan subjek pilihan kepada tiga jenis:
  - i) Terpuji
  - ii) Tercela
  - iii) Mubah. Beliau memasukkan ilmu perubatan, arithmatik, ekonomi, pertanian, politik dan perusahaan adalah baik

untuk masyarakat dan tidak boleh diabaikan sama sekali.<sup>12</sup>

Pembahagian tersebut juga tidak seharusnya dilihat dari aspek keterpisahan, bahkan hendaklah dilihat sebagai suatu usaha memberi keutamaan mana yang lebih utama daripada yang utama. Mana yang harus didahulukan dan mana yang harus dikemudikan berdasarkan kepada keperluan dan tahap pendidikan yang diterima. Dr. Asma Hasan Fahmi mengulas hal ini antara lain menyebut bahawa atas dasar inilah maka al-Ghazāli membahagikan ilmu-ilmu pengetahuan kepada tiga macam, iaitu:

- a) Ilmu yang tercela, sama ada banyak ataupun sedikit mempelajarinya, seperti ilmu sihir.
- b) Ilmu yang dipuji, yang mempelajarinya sekadar cukup sahaja, seperti ilmu bintang (astronomi).
- c) Ilmu yang terpuji, dan mempelajari sejauh mungkin, iaitu ilmu untuk mengenal Tuhan dan hukum-hukum-Nya terhadap makhluk. Inilah yang harus dituntut kerana ilmu itu sendiri, dan untuk mencapai kebahagiaan di akhirat.

Al-Ghazāli telah menyatakan hal yang ideal untuk zamannya di mana ia hidup waktu itu, dan kecenderungan agama pada umumnya, dalam hal mana ia menempatkan ilmu agama di atas segala ilmu. Akan tetapi di samping itu ia memperbolehkan menuntut ilmu-ilmu lain yang berbagai corak selama mana tidak menjurus kepada pengabaian agama atau bertentangan dengannya.<sup>13</sup>

Menoleh kepada pengklasifikasikan ilmu oleh al-Ghazāli memungkinkan perlunya kebijaksanaan para penggubal dasar ke arah penyusunan semua kurikulum sistem pendidikan Islam sekiranya berhasrat ingin melahirkan generasi umat yang saleh. Ilmu yang berada pada pada heirarki paling tinggi yang membincangkan persoalan alam ghaib (kewujudan Tuhan, rahsia penciptaan dll) harus diutamakan dan diberi tempat sewajarnya dalam kurikulum.

Penekanan dan pendekatan (*approach*) terhadap subjek ini haruslah mengikut perkembangan dan persediaan generasi moden dan tidak terikat dengan kaedah zaman lampau. Al-Ghazāli ketika membincangkan soal ilmu tidak hanya menekankan aspek

klasifikasi sebagai motif utama perbahasannya, malahan turut membincangkan aspek-aspek lain yang banyak dilupakan orang tentangnya. Aspek-aspek mukadimah tentang ilmu seperti kelebihan (*fadilat*) ilmu, keutamaan menuntut ilmu dan keutamaan mengajar dibicarakan. Aspek-aspek tentang 'keadaban ilmu' yang merangkumi sahsiah pengajar dan penuntut serta niat tidak terlepas dari pembicaraan beliau. Hal ini penting agar mereka yang mempelajari sesuatu ilmu dapat mengetahui kedudukan sebenar nilai keilmuan yang dipelajarinya.

Para pengajar (*mu'allim*) bagi al-Ghazāli amat penting dan wajib memiliki persiapan mencukupi sama ada lahir dan batin. Guru mestilah terdiri daripada mereka yang ikhlas dan menyedari kemuliaan tugasnya sebagai pendidik. Hati sanubarinya menyedari bahawa ia menjadi guru kerana memikul amanah Allah bukannya menjadi guru kerana kerjaya. Kesedaran ini wajib ditanamkan dalam diri setiap pendidik.<sup>18</sup> Ia bertindak pelanjut tugas Nabi *Sallallahu 'Alaihi wa Sallam*. Pengharapan reda Allah menjadi matlamat utama bukannya upah. Justeru mereka mestilah melengkapkan diri dengan kemahiran dan kepakaran dalam bidang ilmu yang diajarinya.<sup>14</sup>

Dunia keilmuan moden yang terpengaruh dengan budaya ilmu barat melupakan aspek ini. Oleh hal yang demikian tidak pelik sekiranya sistem pendidikan sebegini melahirkan manusia berilmu tetapi tidak beradab. Lebih parah lagi sistem keilmuan yang dipelajari itu boleh disifatkan sebagai 'kemungkaran ilmu' yang akhirnya membinasakan umat. Perkara sebegini tidak hanya melanda ilmu yang disifatkan sebagai ilmu sekular, malahan turut melanda ilmu keislaman. Adian Husaini dalam tulisannya pernah menyuarakan hakikat ini dengan menyebut:

*"Tidak sedikit orang-orang yang belajar ilmu-ilmu Islam kemudian justru menjadi penentang Islam yang tangguh dan aktif melakukan dekonstruksi (penghancuran) konsep-konsep dasar Islam. Kemungkaran ilmu bukan lagi kemungkaran yang ringan, kerana berdampak sangat serius dalam amal perbuatan."*<sup>15</sup>

Pada tempat yang lain beliau menulis:

*"Tentu saja, kemungkaran terbesar dalam pandangan Islam, adalah kemungkaran di bidang akidah Islamiyah, seperti penyebaran faham syirik atau faham-faham yang menghancurkan akidah Islam. Dalam kaitan inilah, kemungkaran yang mengubah dasar-dasar Islam, adalah kemungkaran yang terbesar. Inilah kemungkaran yang berawal dari kerosakan ilmu-ilmu Islam, yang menyangkut asas-asas pokok dalam Islam. Kemungkaran jenis ini jauh lebih dahsyat dari kemungkaran di bidang amal. Sebagai gambaran, dosa orang yang mengingkari kewajipan solat lima waktu, lebih besar daripada dosa orang yang meninggalkan solat kerana malas, tetapi masih meyakini kewajipan solat. Dosa orang yang menjadi pelacur masih lebih ringan dibandingkan dengan orang yang mengampanyekan<sup>21</sup> faham bahawa menjadi pelacur adalah tindakan mulia."<sup>16</sup>*

Situasi kecelaruan konsep ilmu yang tersebar luas pada masa al-Ghazāli, sesungguhnya telah mendorongnya berjihad dengan pena bagi meluruskan pandangan masyarakat yang serong terhadap ilmu. Hasrat penulisan *Ihyā' 'Ulūm al-Din* (Menghidupkan Ilmu-Ilmu Agama) kelihatan sejajar dengan situasi masyarakat pada zamannya yang memiliki pandangan 'tenat' terhadap ilmu.

Dalam pengklasifikasiannya mengenai 'Ilmu Tercela dan Ilmu Terpuji' terdapat salah tanggapan sesetengah orang dengan mengatakan bahawa al-Ghazāli mencela sesetengah ilmu dan tidak membenarkan untuk mempelajarinya secara mutlak. Hakikat sebenarnya tidak demikian. Bahkan tidak sama sekali al-Ghazāli mencela hakikat ilmu itu sendiri. Beliau menyebut:<sup>17</sup>

بيان علة ذم العلم المذموم لعلك تقول: العلم هو معرفة الشيء على ما هو به وهو من صفات الله تعالى فكيف يكون الشيء علماً ويكون مع كونه علماً مذموماً .. فاعلم أن العلم لا يذم لعينه وإنما يذم في حق العباد لأحد أسباب ثلاثة...

Beliau turut mempersoalkan perihal bagaimana ilmu yang merupakan sebahagian dari sifat Allah itu boleh tercela. Ketercelaan di sini bukan ilmu itu sendiri malahan pencerobohan terhadap hak-hak ilmu yang dilakukan oleh mereka yang mempelajarinya. Hal itulah sebenarnya yang tercela. Salah satu dari tiga alasan berikut menjadi penyebab ketercelaannya menurut beliau:

- a) Bilamana ilmu tersebut membawa mudarat kepada tuannya atau kepada orang lain.
- b) Apabila ilmu tersebut memudaratkan tuannya dalam urusan kebiasaan seperti ilmu perbintangan (*nujum*) sedang pada aspek ilmu itu sendiri bukanlah tercela.
- c) Apabila ilmu tersebut tidak membawa faedah, paling sedikit mereka tenggelam dalam perbincangan-perbincangan yang tiada faedah dan menghabiskan waktu secara sia-sia.<sup>18</sup>

### **Ketepatan Pemakaian Istilah**

Al-Ghazāli melihat ketepatan istilah amat penting dalam usaha pendidikan dan keilmuan. Pada zaman beliau, kemelut ilmu tidak hanya terhenti pada 'kelesuan' fahaman terhadap konsepnya, malahan turut menodai istilah-istilah ilmu itu sendiri yang sengaja dipersempitkan. Hal ini tidak terlepas dari pengamatan al-Ghazāli dan beliau cuba memperbaikinya. Aspek kecelaruan lafaz-lafaz lima istilah ilmu utama waktu itu seperti: *Al-Fiqh*, *al-'Ilm*, *al-Tawhid*, *al-Tadhkir* dan *al-Hikmat* daripada paksinya yang sebenar cuba ditangani.<sup>19</sup>

Istilah *fiqh* pada asalnya (zaman *salaf al-saleh*) ditujukan kepada ilmu jalan menuju akhirat selain dari memahami secara mendalam aspek-aspek yang merosakan jiwa serta amal, juga kekuatan diri yang melingkari keutamaan akhirat dengan bertakhtanya konsep '*al-khawf*' di hati. Menurut beliau inilah antara lain asal makna istilah '*fiqh*' yang diajar pada zaman permulaan (*al-'aṣr al-awwal*). Beliau berhujah antara lain dengan ayat al-Quran:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا  
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Maksudnya: *Supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam*

agama, dan supaya mereka dapat memberi inzar (peringatan) kepada kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka.

(Surah *al-Tawbah*, 9: 122)

Firman-Nya lagi:

لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا

Maksudnya: *Bagi mereka itu ada hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah).*

(Surah *al-A'raf*, 7:179)

Beliau menegaskan bahawa terhasilnya *al-inzar wa al-takhwif* dalam hati itulah sebenarnya *al-fiqh* bukannya cabangan-cabangan perbahasan tentang *al-ṭalāq*, *al-ʿitāq*, *alliʿān*, *al-salam* serta *al-ijārah*. Semua ini menurut al-Ghazāli tidak menghasikan *inzār* dan *takhwif* sebaliknya menjadikan hati keras.<sup>20</sup>

Ayat: *lahum qulubun la yafqahuna biha* bagi al-Ghazāli memberi maksud pengertian iman, bukannya berkaitan dengan fatwa-fatwa dan menegaskan bahawa istilah *al-fiqh* dan *al-fahm* adalah sama erti. Beliau menyimpulkan:<sup>21</sup>

وأراد به معاني الإيمان دون الفتاوى ; ولعمري إن الفقه والفهم في اللغة

اسمان بمعنى واحد ; وإنما يتكلم في عادة الاستعمال به قديماً وحديثاً.

Pada zaman beliau istilah *fiqh* ini telah berubah kefahamannya menjadi perbincangan berkenaan perkara-perkara furuk yang pelik-pelik dalam fatwa-fatwa. Mereka yang menguasai pandangan yang berbagai tentangnya secara mendalam dengan alasan-alasannya, dianggap sebagai paling *fiqh*.<sup>22</sup>

Kelihatan al-Ghazāli dalam hal ini cuba mengembalikan istilah *fiqh* tersebut menurut puncanya yang sebenar, iaitu melandasi semangat yang diketengahkan oleh kitab al-Quran. Ia berkaitan dengan jiwa yang takut kepada Allah. Hal ini tentunya muncul dari pegangan akidah yang tulen dan dimiliki oleh mereka yang benar-benar merasai kebesaran dan keagungan Allah. Justeru tidak ganjil apabila al-Imam Abu Hanifah (699-767M/80-148H)<sup>23</sup> dan al-Imam al-Syafi'i<sup>24</sup> (767-820M/150-204H) menulis aspek

akidah kepercayaan terhadap Allah SWT dengan menamakan tulisan mereka sebagai *Fiqh al-Akbar*.

Mengulas penyimpangan kefahaman terhadap istilah tawhid pula al-Ghazāli menyebut bahawa pada zaman beliau istilah ini diguna pakai kepada seni perdebatan (*sina'ah al-kalam*) dan selok-belok jalan perdebatan (*mujadalah*). Mereka yang mengetahui kaedah-kaedah perdebatan dan perbantahan dalam kalangan ulama mengenai masalah syubhat masing-masing sering dihubungkan dengan tauhid. Hingga ada yang digelar sebagai *ahl al-'adl wa altawhid*.

Manakala para Mutakallimun (Ulama Kalam) pula disebut sebagai ulama tauhid. Sedangkan kefahaman perkara seumpama itu tidak ada pada generasi awal.<sup>25</sup> Dalam hal ini al-Ghazāli memberi komentarnya dengan menulis buku berjudul *Ijlam al-'Awwam 'an 'Ilm al-Kalam*. Buku ini antara lain menjawab pandangan sesat golongan Hasyawiyah tentang sifat-sifat Allah dan memberi peringatan kepada orang awam tentang bahaya terdedahnya mereka kepada perbincangan akidah berdasarkan Ilmu Kalam (metod perdebatan).<sup>26</sup>

Metod pendidikan dalam akidah menurut saranan al-Ghazāli adalah dengan memahami ilmu-ilmu asas Islam serta mengamalkannya, bukan dengan jalan perdebatan (metod Ilmu Kalam). Beliau menegaskan:

*"Jalan menguatkan dan memperkukuhkan akidah bukanlah dengan mengajarkan cara berdebat dan pembuktian ala Ilmu Kalam. Malahan dengan memperbanyak bacaan al-Quran serta tafsirannya dan meneliti hadis-hadis serta pengertiannya. Juga dengan menekuni mengerjakan ibadat. Maka sentiasalah keyakinan itu bertambah meresap disebabkan dalil-dalil al-Quran yang mengetuk pintu hati dan telinga, serta kesaksiankesaksian hadis yang didengar dan dibaca dengan faedah-faedah yang terkandung di dalamnya. Juga oleh cahaya ibadat yang memancar ke hati waktu melaksanakannya; selain itu ia terhasil dengan bergaul bersama-sama orang-orang sahah dan duduk dalam majlis-majlis mereka, hal ini menimbulkan rasa tunduk, takut dan taat kepada Allah serta melekat dalam dirinya. Permulaan keyakinan seumpama menaburkan biji benih ke dalam dada, sementara sebab-sebab di atas bagaikan siraman dan*

*pemupukan hingga benih tadi tumbuh menjadi pohon yang baik dan kukuh, akarnya menunjang di bumi sedang dahan-dahannya menjulang ke angkasa. Sayugia juga hendaklah diawasi daripada mendengar jadal (perdebatan) dan Ilmu Kalam, lantaran kecelaruan fikiran yang timbul hasil mendengarnya lebih banyak dari kebajikannya. Memperkuatkan keyakinan (iktikad) dengan perdebatan samalah dengan memukul sebatang pohon dengan penumbuk besi dengan harapan pohon tersebut semakin kuat dan menambah banyakkkan bahagian-bahagiannya. Hal sebegini biasanya akan menghancurkan dan merosakkannya.”<sup>27</sup>*

Menekankan soal istilah ilmu pula menurut al-Ghazāli, asalnya ditujukan kepada *al-’ilmu bi Allah ta’ala* (mengetahui/mengenal Allah) tanda-tanda-Nya dan perbuatan-Nya dalam kalangan hamba-hamba-Nya dan makhluk. Sebaliknya pada zaman beliau istilah ilmu dipakai kepada aspek-aspek yang melibatkan *munazarah* (debat) dan sengketa dan masalah-masalah *fiqhiyyah khalifiyyah*. Mereka yang berkecimpung dalam perkara ini dianggap sebagai ahli al-’ilm dan ulama yang unggul (*fuḥul al-’ulamā’*) meskipun jahil dalam ilmu tafsir, hadis dan aliran-aliran mazhab serta lainnya. Hal seperti ini akan membawa kepada kerosakan dalam kalangan pelajar.<sup>28</sup>

Istilah *dhikir* pula diumumkan kepada majlis-majlis acara penceritaan, syair-syair dan seumpamanya. Sedangkan istilah *dhikir* (mengingati Allah) itu khusus terpakai untuk majlis yang terpuji yang disebut padanya al-Quran serta Hadis-hadis.<sup>29</sup> Perkataan ‘hikmah’ (kebijaksanaan), *al-ḥakim* (Ahli Hikmah) dipakai untuk mereka yang disebut sebagai Tabib, Penyair dan Ahli Nujum. Sedangkan perkataan hikmah ini dipuji oleh Allah:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ  
إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Terjemahan: *Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa*



*yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 269)<sup>30</sup>

Nabi juga pernah menyebut perkara ini:

كلمة من الحكمة يتعلمها الرجل خير له من الدنيا وما فيها.

Banyak lagi istilah-istilah yang lain yang turut diubah penggunaan dan dipersempitkan pemakaiannya oleh golongan yang sebut al-Ghazāli sebagai 'sarjana jahat' ('*ulamā' al-sū'*). Kejahatan mereka atas agama (Islam) menurut al-Ghazāli lebih besar berbanding kejahatan para syaitan.<sup>31</sup>

## **Kesimpulan**

Meneliti kepada pengklasifikasian ilmu menurut perspektif al-Ghazāli (m.1111M) mengundang kita menoleh ke belakang kurang lebih seribu tahun lampau. Kemelut dan pergeseran pelbagai aliran mazhab keilmuan tersebar luas dalam masyarakat kaum Muslimin. Suasana seperti ini masih berlanjutan dan para ulama dilahirkan Allah SWT mewakili kurun masing-masing bagi memperbaharui (*tajdid*) Gerakan mempertahankan amalan agama ini. Al-Ghazāli muncul pada zamannya menjadi mujadid kurun ke 12 Masehi. Beliau diberi gelaran sebagai Hujjatul Islam lantaran jasa besarnya mempertahankan ilmu-ilmu Islam dengan pengajaran dan penulisan penanya.

Beliau meletakkan martabat ilmu wahyu mengatasi ilmu akal. Di samping itu intipati kepada ilmu-ilmu tersebut hendaklah berpusatkan kepada akidah yang betul dengan Allah. Di tengah-tengah kemelut keilmuan zaman moden kini, penyelewengan ilmu berleluasa dengan kepelbagaian nama baru yang tidak menjurus kepada mengimani Allah sebagai Tuhan dan pemilik sebenar ilmu. Maka tokoh-tokoh seperti "al-Ghazāli Moden" amat diharapkan agar dapat memperbetulkan penyelewengan ilmu bagi mengembalikannya semula ke paksi asalnya. Apa pun persoalan tentang ilmu syarat untuk memperoleh ilmu dan keberkatannya mestilah berlandaskan kepada ikhlas dengan Allah. Hal ini kerana ilmu itu sendiri enggan bersama mereka yang tidak ikhlas. Tepat sepertimana al-Ghazāli diceritakan pernah menyebut:<sup>32</sup>

طلبنا العلم لغير الله فأبى أن يكون إلا لله

Jelas dan nyata bahawa asas yang tidak boleh dingkari ini telah diuar-uarkan Nabi *Sallallahu 'Alaihi wa Sallam*. sejak mula lagi dengan sabdanya: *innamal a'mal bi niyyat*. Bagaimana pun hal ini kelihatannya telah tidak diberi perhatian dalam tradisi pendidikan ilmu moden. Mungkinkah generasi masa hadapan yang tercanai dengan pencemaran *hadaf* (tujuan) dalam pendidikan mampu melahirkan insan ilmuwan sehebat al-Ghazāli?

## CATATAN AKHIR

- <sup>1</sup> Akademi Tamadun Islam (ATI), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia
- <sup>2</sup> Ketokohan dan kesarjanaan al-Ghazāli tidak diterima secara keseluruhannya oleh para sarjana pengkaji belakangan. Beberapa aspek kekurangannya diperbetulkan oleh generasi selepasnya bagi dijadikan sempadan. Contohnya dalam soal ilmu hadis dan cerita-cerita aneh yang dimuatkan dalam *Iḥyā' 'Ulum al-Din*; sanggahan al-Ghazāli terhadap falsafah dan pendiriannya terhadap sebahagian ilmu akal contohnya matematik. Begitu juga sikap dan pegangan al-Ghazāli terhadap konsep tasawwuf. Perbincangan lanjut berkenaan komentar tentang ini boleh di baca antara lain dalam tulisan-tulisan seperti: Al-Imām al-Syaikh Ahmad bin 'Abd al-Raḥmān bin Qudāmah al-Maqḍisi, *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*, dan kata pengantarnya oleh Muhammad Ahmad Dahman, terbitan Dār al-Turāth, al-Qahirah tahun 1978; 'Abd al-Raḥman Ibn al-Jawzi (m.597H), *Talbis Iblis*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, hlm. 166; S.A Al-Hamdany (1972), *Sanggahan Terhadap Tasawuf dan Ahli Sufi*, PT al-Ma'arif, Bandung, hlm.49-53; Oemar Amin Hoesin (1964), *Filsafat Islam*, Bulan Bintang, Jakarta, hlm. 26; Pervez Hoodbhoy (1972), *Sains & Islam*, (terj.), Penerbit Pustaka, Bandung, 72-73 dan 134-138. Juga Muhsin al-Kasyāni (m. 1091H), *al-Mahajjat al-Bayḍā' fi Tahdhib al-Iḥyā'*, 8 juzuk, tahkik Akbar al-Ghifari, terbitan oleh Mu'asasah al-'Alami lil Maṭbū'āt, Beirut, tahun 1983. Tentang komentar hadis-hadis dalam *Iḥyā'* telah dilakukan oleh al-'Allamah Zayn al-Din Abi al-Fadl 'Abd al-Rahim bin al-Husayn al-

- 'Iraqi dengan judul *al-Mughni Haml al-Asfar fi Al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar*, Al-Mawdudi (1979) dalam bukunya, *A Short History of The Revivalist Movement in Islam*, Islamic Publication Limited, Lahore, hlm. 64.
- <sup>3</sup> Dipetik dari Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, terj. Bakhrudin Fannani, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm. 219-220.
- <sup>4</sup> Lihat, Abi al-Faḥ Muhammad bin 'Abd al-Karim bin Abi Bakr Aḥmad al-Syahrastāni (1997), *al-Milal wa al-Nihal*, 2 juzuk, tahkik Amir 'Ali Muhanna dan 'Ali Hasan Fā'ūr, Dar al-Ma'rifah, Beirut. Buku ini memaparkan pelbagai aliran yang ada pada waktu itu.
- <sup>5</sup> Al-Ghazālī, *Ihya' 'Ulum al-Din*, 1: 13. Ujar al-Ghazālī:.  
الباب الثانی فی العلم المحمود والمذموم وأقسامها وأحكامها
- <sup>6</sup> Ibid. Al-Ghazālī menyebut:.  
.....وفیه بیان ما هو فرض عین وما هو فرض کفایة
- <sup>7</sup> Ibid., hlm. 14. Ujar al-Ghazālī:  
والذی ینبغی أن یقطع به المحصل ولا یستریب فیہ ما سنذکره :وهو أن العلم كما قدمناه فی خطبة الكتاب ینقسم إلى علم معاملة وعلم مکاشفة، وليس المراد بهذا العلم إلا علم المعاملة.
- <sup>12</sup> Ibid., hlm. 16. Tulis al-Ghazālī:.  
والعلوم بالإضافة إلى الغرض الذی نحن بصددہ تنقسم إلى شرعية وغير شرعية
- <sup>8</sup> Dedi Supriyadi (2010), *Pengantar Filsafat Islam*, hlm. 175.
- <sup>9</sup> Abdul Rahman Abdullah (2003), *Menjadi Intelektual*, PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., Bentong, hlm. 123 Lihat juga Ibrahim Narongraksakhet dan Abdulai Kaba, Al-Ghazālī's Thought on Education dalam Journal of Islamic Studies, vol.5, no. 1 June 2010-May 2011, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Pattani, Thailand, hlm. 4.
- <sup>10</sup> Ibid., hlm. 123-124.
- <sup>11</sup> Ibrahim Narongraksakhet dan Abdulai Kaba, Al-Ghazālī's Thought on Education dalam Journal of Islamic Studies, vol.5, no. 1 June 2010-May 2011, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Pattani, Thailand, hlm. 6.
- <sup>12</sup> Lihat, Asma Hasan Fahmi, (1979) *Sejarah dan Filsafat Pendidikan Islam*, (terj.), Bulan Bintang, Jakarta, hlm. 90-91.
- <sup>13</sup> Barangkali di sinilah punca lahirnya keberkatan ilmu hingga para pelajar mampu memanfaatkannya dan hal ini terlihat dalam

generasi awal dahulu; sementara zaman belakangan lantaran 'menjadi guru kerana kerjaya semata-mata' melahirkan kemungkaran ilmu.

- 14 Lihat selanjutnya dalam al-Ghazāli, *Iḥyā' 'Ulūm al-Din*, 1: 55-58.
- 15 Adian Husaini (2006), *Hegemoni Kristen-Barat Dalam Studi Islam Di Perguruan Tinggi*, Gema Insani, Jakarta, hlm.28.
- 16 Mempropagandakan.
- 17 Adian Husaini (2006), *Ibid.*, hlm. 32-33.
- 18 Al-Ghazāli, *Iḥyā' 'Ulūm al-Din*, 1: 29.
- 19 *Ibid.*, hlm. 29-30.
- 20 Lihat perbincangan lanjut dalam kitab beliau *Ihya' 'Ulum al-Din*, 1: 32.
- 21 *Ibid.*, hlm. 32.
- 22 *Ibid.*
- 23 *Ibid.*
- 24 Imam Abu Hanifah al-Nu'man (1979), *al-Fiqh al-Akbar*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.Kitab ini disyarahkan oleh al-Mulla 'Ali al-Qari al-Hanafi (1979), *Syarah Fiqh al-Akbar*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut.
- 25 Lihat Muhammad bin Yusn bin Abdullah (1985), *al-Kawakib al-Azhar Syrah al-Fiqh al-Akbar li al-Imam Abi Abdullah bin Muhammad bin Idris al-Shafi'i*, al-Maktabah al-Tijariyyah, Makkah al-Mukarammah.
- 26 *Ibid.*, hlm. 33
- 27 Lihat selanjutnya dalam tulisan al-Ghazāli (1941), *Iljām al-'Awwām 'an 'Ilm al-Kalām*, Idarāh al-Ṭiba'ah al-Muniriyyah, Damsyik.
- 28 Al-Ghazāli (t.th), *Iḥyā' 'Ulūm al-Din*.1: 94.
- 29 *Ibid.*, hlm. 33.
- 30 *Ibid.*, hlm. 34.
- 31 Ayat lengkapnya *al-Baqarah*, 2: 269:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا ۗ وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan

*peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.*

<sup>32</sup> Opcit., hlm. 38. Teksnya:

فإن شرهم على الدين أعظم من شر الشياطين

## Bibliografi

- Abdul Rahman Abdullah. 2003. *Menjadi Intelektual*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.,
- Abi al-Faḥḥ Muhammad bin 'Abd al-Karim bin Abi Bakr Aḥmad al-Syahrastāni. 1997. *Al-Milal wa al-Nihal*. 2 juzuk, tahkik Amir 'Ali Muhanna dan 'Ali Hasan Fā'ūr, Beirut: Dar al-Ma'rifah. Buku ini memaparkan pelbagai aliran yang ada pada waktu itu.
- Adian Husaini. 2006. *Hegemoni Kristen-Barat Dalam Studi Islam Di Perguruan Tinggi*. Jakarta: Gema Insani,
- al-Ghazāli.1941. *Ijām al-'Awwām 'an 'Ilm al-Kalām*, Damsyik.: Idarāh al-Ṭiba'ah al-Muniriyyah,
- al-Mulla 'Ali al-Qari al-Hanafī. 1979. *Syarah Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Asma Hasan Fahmi. 1979. *Sejarah dan Filsafat Pendidikan Islam*. (Terj.), Jakarta: Bulan Bintang.
- Dedi Supriyadi (2010), *Pengantar Filsafat Islam*.
- Husain Ahmad Amin (1997), *100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*, terj. Bakhrudin Fannani, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ibrahem Narongraksakhet dan Abdulai Kaba, 'Al-Ghazāli's Thought on Education' dalam *Journal of Islamic Studies*, vol.5, no. 1 June 2010-May 2011, College of Islamic Studies, Prince of Songkla University, Pattani Campus, Pattani, Thailand.
- Imam Abu Hanifah al-Nu'man (1979), *al-Fiqh al-Akbar*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut. Lihat Muhammad bin Yusn bin Abdullah (1985), *al-Kawakib al-Azhar Syrah al-Fiqh al-Akbar li al-Imam Abi Abdullah bin Muhammad bin Idris al-Shafi'i*, al-Maktabah al-Tijariyyah, Makkah al-Mukarammah.



# Kajian Keberkesanan Pengurusan Pentadbiran Jemaah Haji Malaysia oleh Lembaga Tabung Haji

Nur 'Izzati Abdul Rahman<sup>1</sup>  
Hazriah Hasan<sup>2</sup>

## Abstrak

Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan suatu badan organisasi yang menguruskan dan menyediakan kemudahan bagi urusan haji selain daripada pengurusan simpanan. TH memberikan pulangan yang kompetitif. Pengurusan Haji yang mampan sejak dari dulu telah meletakkan TH sebagai pelopor pengurusan haji yang menjadi tempat rujukan negara-negara Islam yang lain di Asia Tenggara. Justeru, kajian ini merungkai faktor-faktor penyumbang kepada kecekapan TH dalam pengurusan pentadbiran jemaah haji Malaysia masa kini (2010-2020) serta membuat penilaian dan pengukuran terhadapnya. Kajian ini menggunakan analisis dokumen. Kajian ini mendapati TH sentiasa membuat penyelidikan dan pembangunan bermula saat pendaftaran haji sehingga jemaah haji pulang dari mengerjakan ibadat haji di tanah suci. Tambahan lagi, pengukuhan tabungan pendepositnya melalui capaian perkhidmatan di rakan strategik serta teknologi aplikasi telah menyumbang ke arah kestabilan organisasi ini dalam menguruskan dana. Kecekapan pengurusan pentadbiran jemaah haji juga terhasil dari bilangan petugas yang secukupnya berkhidmat di Tanah Suci. Di samping itu, peningkatan kos haji setiap tahun tidak menjadi masalah buat TH untuk terus memberikan perkhidmatan yang cekap dalam masa yang sama mengekalkan bayaran haji dengan memberi bantuan haji kepada jemaah haji muassasah. Secara rumusannya, pendekatan dengan melakukan penambahbaikan secara berterusan perlu diambil oleh TH dalam memastikan keutuhan organisasinya serta menjadi sentiasa relevan dan bertahan selamanya.

**Katakunci** keberkesanan, pengurusan haji, Tabung Haji, Malaysia

## Pengenalan

Di Malaysia, pengurusan haji diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji (TH). TH telah ditubuhkan hasil cetusan ilham Professor DiRaja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid pada tahun 1963. Pada ketika itu, tiada institusi kewangan Islam yang menawarkan perkhidmatan kepada umat Islam Malaysia untuk menabung bagi tujuan menunaikan haji. Masyarakat Melayu Islam pada ketika itu menabung dengan cara tradisional seperti menyimpan di bawah bantal, bawah tilam, dalam almari, dalam tanah dan sebagainya (Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, 2005)

Institusi kewangan khususnya bank konvensional tidak menjadi pilihan kepada bakal jemaah haji. Hal ini adalah kerana antara adab dan fahaman masyarakat sebelum menunaikan haji adalah wang perbelanjaan yang digunakan mestilah dari sumber yang halal. Simpanan di bank konvensional melibatkan riba (faedah) yang diterima daripada simpanan. Pengharaman riba telah dijelaskan dalam surah al-Baqarah ayat 275: *Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba.*

Justeru, demi memastikan wang tabungan untuk menunaikan haji adalah halal dan bebas daripada riba, umat Islam lebih memilih untuk menyimpan wang di rumah yang kemudiannya meningkatkan risiko kecurian, kebakaran dan sebagainya (Aiza Maslan, 2016 dan Nancy Nash, 1978). Selain itu, ada juga yang membeli tanah serta ternakan dan apabila sudah tiba masa untuk menunaikan haji, mereka menjualkan kesemuanya bagi tujuan mendapatkan

---

<sup>1</sup> Researcher, Master of Islamic Finance, Faculty of Entrepreneurship & Business, Universiti Malaysia Kelantan.

<sup>2</sup> PhD, Senior Lecturer, Faculty of Entrepreneurship & Business (FKP), Universiti Malaysia Kelantan. Corresponding email: [hazriah.h@umk.edu.my](mailto:hazriah.h@umk.edu.my)

wang belanja haji (Mohd Shuhaimi, 2011). Dengan terbentuknya TH, umat Islam di Malaysia boleh menarik nafas lega di mana simpanan di TH bersifat patuh Syariah dan 100% dilindungi kerajaan.

Dalam kajian Lim Teck Ghee (1977), terdapat kenyataan daripada Pengarah Jabatan Pos dan Telegraf Tanah Melayu pada tahun 1920 berkaitan keengganan umat Islam pada ketika itu untuk menyimpan di bank kerana untuk mengelak daripada menerima faedah yang berunsurkan riba. Justeru, penubuhan TH telah menjadi penyelesaian kepada permasalahan ini. Tambahan lagi, ianya juga telah menjadi titik tolak keperluan institusi perbankan Islam untuk mula berkembang pada era 1950-an dan 1960-an.

Sejak penubuhan TH dari tahun 1963 hingga kini, boleh dikatakan TH telah dewasa dalam mengendalikan perkhidmatan haji dan memacu ekonomi. Namun harus dipastikan adakah kehendak pelanggan masih sama seperti di awal penubuhan TH? Pelanggan masa kini boleh membuat perbandingan antara penyedia-penyedia perkhidmatan di pasaran dan sentiasa akan memilih yang terbaik dalam memenuhi permintaan mereka. Walaupun TH merupakan satu-satunya organisasi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan pentadbiran jemaah haji di Malaysia, ianya bukan menjadi kelebihan untuk TH tidak memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan bersikap sambal lewa dalam menyantuni semua jemaah haji.

### **Kajian Literatur**

Kajian oleh Haliyana dan Atiah (2014) menyatakan keperluan pelanggan adalah kunci kejayaan sesebuah organisasi. Bagi memastikan sesebuah organisasi dapat terus kekal dan relevan, kualiti perkhidmatan adalah kunci utama untuk terus bertahan dan berjaya di dalam pasaran (Muhamad Faisal, 2014). Setiap pelanggan mempunyai pelbagai jenis jangkaan, kehendak dan persepsi yang berbeza dari pelanggan yang lain. Justeru, ianya menjadi suatu cabaran bagi sesebuah organisasi supaya perkhidmatan yang disampaikan selaras dengan perkembangan dan perubahan persekitaran seperti yang ditegaskan oleh Nazeri (2014). Organisasi perlu mahir dengan mengkaji tren tingkah laku pelanggan masa kini dengan cara mendapatkan pandangan daripada mereka. Kajian dari Hasan et al (2020) menyatakan pengukuran kecekapan, prestasi dan keberkesanan institusi amat berkait dengan proses pentadbiran sumber dalaman organisasi yang terdiri dari bilangan pekerja, modal, perolehan dan tahap kepuasan pelanggan.

### **Analisa Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif untuk memenuhi objektif kajian serta menguji hipotesis yang telah dibina. Data sekunder digunakan untuk mengkaji hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Tambahan lagi, data sekunder yang diperolehi boleh dipercayai dan mudah untuk didapati menerusi kajian terdahulu serta turut diterbitkan di laman sesawang TH dan media sosial TH. Selain itu, data juga diambil daripada penyata kewangan dan laporan tahunan TH bermula dari tahun 2010 – 2019. Data pendeposit dan dana terkumpul bagi 2020 diperolehi melalui media sosial TH yang dikeluarkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan TH.

Maklumat kuota haji dan kos haji adalah hanya bagi tahun 2010 – 2019. Hal ini adalah kerana pada 2020, TH telah mengumumkan penangguhan haji kerana wabak Covid-19 yang melanda dunia. Resolusi Muzakarah Haji tahun 2019 telah menetapkan istito'ah sebagai salah satu syarat wajib haji. Bakal haji yang mempunyai penyakit berisiko tinggi adalah lebih cenderung untuk dijangkiti Covid-19. Justeru, mereka akan dianggap tidak memenuhi syarat istito'ah jasmani dan kesihatan untuk menunaikan haji. Disebabkan itu, TH mengumumkan penangguhan haji pada tahun 2020.



Data dikumpulkan bagi tahun 2010 – 2020 bagi mengkaji tahap kecekapan pengurusan TH khususnya dari segi pentadbiran haji semasa zaman masa kini. Ditambah dengan pelbagai jenis kehendak pelanggan masa kini, persoalan kajian menjadi pendorong kepada kajian ini. Pemboleh ubah tidak bersandar akan melihat bentuk-bentuk kaedah pelaksanaan program bimbingan haji kepada para jemaah dalam untuk mencapai liputan luas kepada seluruh jemaah haji, latihan-latihan yang diberikan kepada petugas haji, kemudahan capaian maklumat akaun serta lain-lain perkhidmatan tambahan yang ditawarkan oleh TH.

Kajian ini menggariskan empat pemboleh ubah tidak bersandar. Pertama adalah penyampaian informasi bimbingan haji kepada bakal jemaah haji. Data berkaitan bilangan kursus bimbingan haji yang diikuti oleh jemaah bagi persiapan sebelum mengerjakan haji serta kursus semasa di Tanah Suci digunakan dalam kajian ini. Justeru, kaedah-kaedah penyampaian bimbingan juga diuraikan di dalam kajian ini.

Pemboleh ubah tidak bersandar kedua adalah kemudahan perkhidmatan simpanan deposit wang simpanan. Kajian ini berjaya mendapatkan evolusi peralihan perkhidmatan kaunter kepada perkhidmatan layan diri yang mula dipraktikkan oleh TH untuk memenuhi keperluan pelanggan. Data berkaitan jumlah kaunter cawangan TH, rakan strategik, ejen kutipan serta perbankan elektronik diperolehi untuk kajian ini. Kemudahan titik sentuh ATM dan CDM melalui hasil kerjasama dengan rakan strategik tidak dimasukkan ke dalam kajian ini kerana tiada data tepat diperolehi berkenaan jumlah sebenar bilangan mesin.

Seterusnya, pemboleh ubah tidak bersandar ketiga adalah bilangan petugas haji yang berkhidmat. Data yang boleh diperolehi adalah bilangan petugas haji di Tanah Suci yang akan berkhidmat untuk menyantuni para dhuyufurrahman. Petugas haji Tanah Air tidak dimasukkan dalam kajian ini kerana data tersebut tidak dapat diperolehi. Pemboleh ubah tidak bersandar yang terakhir dalam kajian ini adalah perkhidmatan tambahan yang ditawarkan di Tanah Suci. Kajian ini akan menggariskan lain-lain perkhidmatan tambahan yang ditawarkan oleh TH yang berkemungkinan menjadi nilai tambah atau kunci kepada tahap kepuasan jemaah haji. TH adalah penyedia perkhidmatan haji namun atas inisiatif dan visi pengurusan haji terbilang, TH juga telah menyediakan bantuan haji kepada jemaah muassasah. Data perangkaan jumlah bantuan haji yang disalurkan dijadikan sebagai pemboleh ubah tidak bersandar.


Kajian ini dilakukan untuk mengukur hubungkait keempat-empat pemboleh ubah yang menjadi faktor pendorong kepada kecekapan pengurusan pentadbiran jemaah haji Malaysia yang disediakan oleh TH. Kajian menggunakan keseluruhan data kuantitatif sekunder yang dapat diperolehi menerusi laman web TH, Laporan Tahunan dan buku-buku serta risalah terbitan TH. Data sekunder dilihat dapat menghasilkan data mengenai perkembangan perkhidmatan TH melalui analisis hubungkait antara pemboleh ubah serta melakukan jangkaan hasil. Leech et al (2005) menyatakan tujuan umum penelitian kuantitatif dapat mendeskripsikan suatu pemboleh ubah serta membuat kesimpulan umum tentang hubungan antara pemboleh ubah. Analisis data menggunakan analisis diskriptif atau juga dikenali sebagai statistik diskriptif dan analisa statistik inferensi. Analisa dan graf kajian ini dibina menggunakan perisian Microsoft Excel for Office 365.

Berikut adalah cawangan TH sejak penubuhan TH pada tahun 1963 adalah sebanyak 123 cawangan. Jadual 1 menunjukkan jumlah cawangan baru TH yang dibuka mengikut tahun:


JULAT TAHUN	BILANGAN PEMBUKAAN CAWANGAN TH	KEKERAPAN KUMULATIF
1963 – 1970	7	7
1971 – 1980	27	34
1981 – 1990	49	83
1991 – 2000	28	111
2001 – 2010	2	113
2011 – 2020	10	123
<b>JUMLAH</b>	<b>123</b>	

Jadual 1: Bilangan Pembukaan Cawangan TH Mengikut Julat Tahun

Daripada data di Jadual 1 dan Rajah 1, ianya dapat disimpulkan TH ke arah meluaskan perkhidmatannya menerusi kolaborasi dengan rakan strategik dan ejen kutipan. Bilangan pembukaan Cawangan juga telah menurun sejak tahun 1991 hingga 2010.




RAJAH 1: Bilangan Pendeposit dan Jumlah Deposit Terkumpul TH



RAJAH 2: Bilangan Capaian Perkhidmatan TH


Perluasan capaian perkhidmatan TH yang tidak tertakluk kepada perkhidmatan di cawangan sahaja telah berjaya meningkatkan deposit terkumpul dalam dana TH sehingga mencapai jumlah deposit RM75.9 billion pada tahun 2020 (Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri, 2021).

Data bilangan kursus bimbingan haji yang dijalankan oleh TH diperolehi menerusi laman web TH dan risalah jadual kursus haji tanah air serta risalah jadual ceramah di tanah suci. Tujuan data ini diperolehi adalah untuk melihat berapa banyak bilangan kursus yang perlu dihadiri oleh jemaah bagi melengkapkan diri mereka sebelum menunaikan Rukun Islam kelima. Tambahan lagi, data ini diperlukan untuk mengkaji hubungan bilangan kursus yang dijalankan dengan kecekapan pengurusan pentadbiran jemaah haji oleh TH. Berdasarkan temubual bersama anggota TH yang menguruskan kursus haji jemaah haji, bilangan kursus yang dijalankan adalah sama setiap tahun dan ia merupakan salah satu elemen yang telah termaktub di dalam Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH).



RAJAH 3: Kekerapan Kursus Bimbingan yang Perlu Dihadiri oleh Jemaah Haji

Objektif kualiti program bimbingan di Tanah Air dan Tanah Suci SPK ISO 9001:2015 Perkhidmatan Haji Tanah Air dan Tanah Suci adalah menyalurkan ilmu dan kefahaman ibadat haji melalui kursus haji dan bahan penerbitan bimbingan yang jelas dan mudah difahami. TH mensasarkan 85% bakal haji perlu lulus ujian kefahaman ibadah haji semasa Kursus Intensif Haji (KIH) serta sasaran 100% persoalan ibadat yang dikemukakan jemaah haji dapat diselesaikan oleh PIHTAS. Berdasarkan Jadual, data jumlah bilangan kursus haji yang dijalankan telah dianalisa di mana frekuensi kekerapan kursus terbahagi kepada kursus di Tanah Air dan di Tanah Suci.



RAJAH 4: Graf Bilangan Petugas Kebajikan berbanding Petugas Perubatan di Tanah Suci

Selain daripada data yang menyokong pemboleh ubah tidak bersandar di atas, tambahan data-data yang lain turut dimasukkan ke dalam kajian ini sebagai penyokong kepada kajian iaitu Indeks Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan Kaunter (IKP) dan Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji (IPPH) seperti jadual 2 di bawah:


TAHUN	IKP (SASARAN : 90%)	IPPH (SASARAN : 85%)
2010	97.30%	95.00%
2011	98.37%	94.94%
2012	99.20%	93.40%
2013	98.60%	95.41%
2014	99.10%	97.37%
2015	99.70%	98.03%
2016	99.95%	98.00%

Jadual 2: Perangkaan Indeks Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan Kaunter dan Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji menerusi soal selidik yang dilakukan oleh TH

TAHUN	KOS HAJI (RM)	BANTUAN HAJI (RM)	PERATUS %
2010	13,040	3,060	23.47%
2011	14,340	4,360	30.40%
2012	14,880	4,900	32.93%
2013	15,555	5,575	35.84%
2014	16,155	6,175	38.22%
2015	17,270	7,290	42.21%
2016	18,890	8,910	47.17%
2017	19,550	9,750	49.87%
2018	22,450	12,470	55.55%
2019	22,900	12,920	56.42%

JADUAL 3: Peratus Kadar Bantuan Haji Berbanding Kos Haji

Analisa peratus kadar bantuan haji yang telah diberikan oleh TH meningkat setiap tahun dan telah melebihi 50% pada tahun 2018 dan 2019 iaitu sebanyak 55.55% dan 56.42%. Bayaran Haji sebanyak RM9,980.00 masih kekal selama 10 tahun sejak 2009 dan TH masih berupaya untuk menampung peningkatan kos haji melalui pemberian bantuan haji. Ini menunjukkan keutuhan prestasi kewangan TH demi mengurangkan bebanan para jemaah haji untuk menunaikan haji.



RAJAH 5: Graf jumlah Kos Haji Berbanding Bantuan Haji 2010 – 2019

## Kesimpulan

Keempat-empat hubungan pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar telah dikenalpasti berdasarkan analisa yang telah dilakukan di atas. Kesemua pemboleh ubah dianalisa juga telah menepati objektif kajian iaitu untuk mengukur faktor-faktor yang menyumbang kepada kecekapan pengurusan pentadbiran haji jemaah haji Malaysia dalam era masa kini.

Justeru, ianya telah dikenalpasti hubungan antara kursus bimbingan haji yang dihadiri oleh jemaah haji, bilangan capaian perkhidmatan TH bagi urusan simpanan wang, bilangan petugas haji yang berkhidmat di Tanah Suci serta lain-lain perkhidmatan yang diberikan iaitu bilangan bantuan haji yang diberikan kepada jemaah haji dengan kecekapan pengurusan pentadbiran jemaah haji oleh TH adalah menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan. Meskipun kos pengurusan semakin bertambah demi tahun, namun TH mampu kekal menguruskan organisasi dengan baik dan perkhidmatan yang cemerlang.

## Rujukan

- Lembaga Tabung Haji (n.d.). *Laporan Tahunan TH*. Diakses pada April 30, 2021, dari <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/informasi-korporat/laporan-tahunan-th>
- Mohd Shuhaimi (2011). Tabung Haji as an Islamic Financial Institution for Sustainable Economic Development. *Historical and Social Sciences IPEDR vol.17* (2011)
- Mat Hayin, N. ' . A. (2017, Mei 18). Inovasi Berterusan Tabung Haji. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/setempat/2017/05/230248/inovasi-berterusan-tabung-haji>
- HM Digital. (2019, Januari 23). CIMB rakan strategik TH. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2019/01/415037/cimb-rakan-strategik-th>
- BERNAMA. (2021, Mei 24). Tabung Haji saran pendeposit guna perkhidmatan dalam talian. *Berita Harian*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/820180/tabung-haji-saran-pendeposit-guna-perkhidmatan-dalam-talian>
- Lembaga Tabung Haji. (n.d.). *Pelaburan | Tabung Haji*. Diakses pada Mei 26, 2021, dari <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/pelaburan/maklumat-am/pelaburan>
- Lembaga Tabung Haji (n.d.). *Kad Laporan TH | Tabung Haji*. Diakses pada Mei 26, 2021, from <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/media/arkib/kad-laporan-th>
- Borhan, J. T., & Sa'ari, C. Z. (2005b). The Role of Tabung Haji as a Deposit Mobilizer of Muslims in Malaysia, 1969–1990. A Historical Approach. *Journal of Al-Tamaddun*, 1(1), 215–234. <https://doi.org/10.22452/jat.vol1no1.8>
- Aiza Maslan@Baharudin. (2016, Julai 1). Peranan Lembaga Tabung Haji untuk Meningkatkan Ekonomi dan Perkhidmatan Haji Orang Melayu 1969–1984 | Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu. Diakses pada May 26, 2021, dari <http://jurnal.dbp.my/index.php/Melayu/article/view/4463>
- Stockwell, A. J. (1979). Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874–1941. By Lim Teck Ghee. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977. xiv, 291 pp. Glossary, Appendixes, Bibliography, Index. *The Journal of Asian Studies*, 38(3), 630–632. <https://doi.org/10.2307/2053831>
- Nor Helma P. (2015). Kepentingan Perkhidmatan Pelanggan. *Quality Time Prosiding Seminar Setiausaha-Setiausaha & Pembangunan Pengurusan Kualiti Politeknik Malaysia* (2015) 44 – 49.
- Bahari, M. F. (2014). *Kepuasan Pelajar Terhadap Kualiti Perkhidmatan Perbankan Islam di Malaysia*. Diakses dari [http://studentsrepo.um.edu.my/5163/1/IGA\\_11035\\_full\\_thesis.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5163/1/IGA_11035_full_thesis.pdf)
- Do, D. (2017, Ogos 5). What is Continuous Improvement (Kaizen)? Diakses pada Mei 26, 2021, dari <https://theleanway.net/what-is-continuous-improvement>

- Abd Rahman, N., & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan Pengurusan Koperasi Di Malaysia [The Efficiency Of Co-Operative Management In Malaysia]. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(2), 134. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss2pp134-146>
- Mohd, H., Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, & Hannan Fatini Md Reshad. (2020b). Metode Bimbingan Lembaga Tabung Haji Terhadap Jemaah Haji Malaysia: Satu Penilaian Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 55–67. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.397>
- Livingstone, I., & Lim, D. (1974b). Economic Growth and Development in West Malaysia 1947–1970. *The Economic Journal*, 84(336), 1047. <https://doi.org/10.2307/2230613>
- Lembaga Tabung Haji. (2019). *Resolusi Muzakarah Haji Kali Ke 36 Tahun 2019*. Diakses dari [https://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2020-01-09/09012020\\_RESOLUSI%20MHPK%20KE-36%201441H.pdf?2fLd1FoP4TYPIOKtS3L1QFgIL\\_aFCSwZ=](https://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2020-01-09/09012020_RESOLUSI%20MHPK%20KE-36%201441H.pdf?2fLd1FoP4TYPIOKtS3L1QFgIL_aFCSwZ=)
- Lembaga Tabung Haji. (2018). *Resolusi Muzakarah Haji Kali Ke 35 2018*. Diakses dari <https://prod-th-assets.s3.ap-southeast-1.amazonaws.com/pdf/tab-content/0/2018-11-14/RESOLUSI%20MHPK%201440H.pdf?0xsVORaIBhsNtxi4DUrEtvnaR5zwn3S>
- Zaki, Mohamad Muhaimin & Sulong, Jasni. (2018). Transformasi Pengurusan Jemaah Haji Malaysia Pasca Pembesaran Kota Suci Mekah 1439H : Kajian Kes Lembaga Urusan Tabung Haji (TH).
- Samsudin, F. (2018, Julai 18). Ganjaran besar haji mabrur. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2018/07/358990/ganjaran-besar-haji-mabrur>
- Nurhasanah, N. (2015b). Tabung Haji Malaysia Dalam Perspektif Ekonomi. *Al-Iqtishad: Journal of Islamic Economics*, 3(2). <https://doi.org/10.15408/aiq.v3i2.2520>
- SIRIM. (n.d.). ISO 9001 Quality Management System (QMS). Diakses pada Mei 26, 2021, dari <https://www.sirim-qas.com.my/our-services/management-system-certification-related-services/iso-9001-quality-management-system/>
- Chok Suat Ling, S. (2018, Ogos 9). New tech to improve haj management. *New Straits Times*. Diakses dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/08/399629/new-tech-improve-haj-management>
- Tuan Hussein, T. A. (2018, Julai 31). Manfaatkan Talian Ibadat Haji. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/363420/manfaatkan-talian-ibadat-haji>
- Abdul Malek, Y. (2019, Julai 16). E-TAIB memudahkan jemaah rungkai kemusykilan. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/07/476120/e-taib-mudahkan-jemaah-rungkai-kemusykilan>
- Orbanus, S. (n.d.). Tawaf dan haid dalam Ibadah Haji dan Umrah. Diakses pada Mei 26, 2021, dari [https://www.academia.edu/38071531/Tawaf\\_dan\\_haid\\_dalam\\_Ibadah\\_Haji\\_dan\\_Umrah](https://www.academia.edu/38071531/Tawaf_dan_haid_dalam_Ibadah_Haji_dan_Umrah)
- Azhari, R., & Harun, A. S. (2019). Aplikasi Al-Taysir Dalam Ibadah Haji dan Umrah Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan. *Jurnal Fiqh*, 16(2), 225–252. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol16no2.1>
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17- 24. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8>
- BERNAMA. (2019, Disember 16). Tabung Haji prepares 2020–2024 blueprint to further improve Haj services. *Malay Mail*. Diakses dari <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/12/16/tabung-haji-prepares-2020-2024-blueprint-to-further-improve-haj-services/1819541>
- Hasan, H., Azmi, N.F., Mud, N.N.N., Ahmad, I. Waqf efficiency: CRS, VRS and malmquist total factor productivity index via data envelopment analysis (DEA). *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 2020, 10(10), pp. 71–83



# *Sinopsis*

**'1st International Webinar on Islamic Studies And Civilisation'** dengan bertemakan **'Global Halal Industry in the New World Economy'** anjuran Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berjaya melibatkan para cendekiawan dan pihak industri dari dalam dan luar negara.

Sebagai hasil sumbangan ilmu yang berpanjangan, buku yang diberi judul **"Isu Kontemporari Dalam Penyelidikan Islam"** memuatkan sebanyak sebelas artikel terpilih yang telah dibentangkan dalam sesi pembentangan selari yang telah disertai oleh hampir 30 orang ahli akademik dari dalam dan luar negara. Malah buku ini merupakan judul kedua sebagai hasil daripada webinar.

Sebagai penutup, diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan kepada umat Islam di Malaysia mengenai segenap lapangan kajian berasaskan Islam. Semoga segala perbincangan yang dikemukakan dalam buku ini mendapat keberkatan Allah SWT dan menyumbang kepada pembangunan umat Islam dengan jayanya.

e ISBN 978-967-19733-3-2



9 7 8 9 6 7 1 9 7 3 3 3 2